

Jabatan Antropologi dan sosiologi

No. Kelas: 85 RA

No Perolehan: T 1005

Tarikh: 18 MAR 1986

PERANAN KAUM WANITA DALAM BIDANG SOSIO-EKONOMI
(Satu Kajian Kes Di Mukim Jabi, Alor Setar, Kedah)

OLEH:
RAMLAH HAJI ISHAK
NO. MATRIK 044254

Latihan Ilmiah
Bagi Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat-syarat Untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

SESI 1985/86

	Muka Surat
2.3 Pekerjaan dan Aktiviti Ekonomi	37
2.4 Sosial Tanap Pelajaran dan Struktur	40
2.4.1 Institusi Kepimpinan	40
2.4.2 Kemudahan Infrastruktur	43
2.4.3 Pelajaran	45
2.5 Penutup	47
 BAB III: PERANAN WANITA DALAM BIDANG SOSIAL DAN POLITIK	 102
3.1 Pendahuluan	50
3.2 Peranan Wanita Dalam Rumahtangga	51
3.2.1 Peranan Sebagai Isteri	56
3.2.3 Peranan Sebagai Ibu	70
3.3 Peranan Wanita di Luar Rumantangga	74
3.3.1 Wanita dan Jiran Tetangga	75
3.3.2 Kelas Kemajuan Masyarakat	76
 BAB IV: RUMAH DAN KEMAS	 77
3.4 Peranan Wanita Dalam Politik	80
3.4.1. Pertubuhan Wanita UMNO	81
3.4.2 Wanita dan Politik: Kesimpulan	86
 BAB IV: PERANAN WANITA DALAM BIDANG POLITIK	
4.1 Pendahuluan	90

PENGHARGAAN	Muka Surat
4.1.2 Umur, Tahap Pelajaran dan Struktur Pekerjaan	94
4.1.3 Pendapatan	98
4.2 Aktiviti-aktiviti Ekonomi	102
4.2.1 Kegiatan Bercorak Pertanian	102
Sekalung budi diberikan khas kepada Dr. Zainal Kling yang bertindak sebagai ahli pengkaji dalam hasil penulisan ini. Bimbingan b. tu Penanaman Padi yang diberikan 102	
b. Penanaman Padi	105
c. Penanaman sayur-sayuran	107
4.2.2 Kegiatan Bercorak Bukan Pertanian	108
4.3 Lain-lain Kegiatan Ekonomi	109
4.4 Pemilikan Harta	110
4.5 Organisasi Kutu	112
4.6 Kesimpulan	114
BAB V: RUMUSAN DAN KESIMPULAN	116
BIBLIOGRAFI	
LAMPIRAN SOALSELIDIK	

Penghulu Mukim Jabi, beberapa orang kakitangan Pejabat Daerah Kota Setar juga tidak ketinggalan dalam memberikan sumbangan. Terima kasih atas kerjasama itu.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, Syukur Kehadrat Allah dengan limpah kurnia dan restuNya, akhirnya penulisan latihan ilmiah ini dapat disiapkan. Bagaimanapun penulisan ini tidak akan terhasil sekiranya tanpa pertolongan dan dorongan yang diberikan pada pengkaji.

Sekalung budi diberikan khas kepada Dr. Zainal Kling yang bertindak sebagai penyelia kepada pengkaji dalam masa penulisan ini. Bimbingan, tunjukajar dan nasihat yang diberikan itu diucapkan jutaan terima kasih.

Tidak lupa juga penghargaan diberikan pada Encik Chang Yee Tan selaku penyelia ketika latihan padang diadakan. Susah payah beliau bersama-sama menghadapi kesulitan dan masalah-masalah sangatlah dihargai.

Budi baik yang diberikan oleh penduduk-penduduk Kampung Lanjut, Atong dan Telaga Dalam juga akan sentiasa di dalam ingatan. Penerimaan, layanan dan kerjasama yang diberi tidak dapat dilupakan, khususnya untuk Encik Me bin Abu sekeluarga, Encik Hanafi bin Shaari sekeluarga dan Encik Ibrahim bin Saidin sekeluarga.

Penghulu Mukim Jabi, beberapa orang kakitangan Pejabat Daerah Kota Setar juga tidak ketinggalan dalam memberikan sumbangan. Terima kasih atas kerjasama itu.

Akhir sekali penghargaan dan terima kasih juga untuk kaum keluarga dan rakan-rakan yang banyak membantu dan memberi nasihat dalam menyiapkan latihan ini, dan Kak Hajjah Saadiah yang sudi bersusah payah untuk menaipkannya.

Segala budi baik yang diberikan itu akan dikenang selalu, dan semoga Allah memberi rahmat dan hidayahnya.

Wassalam. Penulis ini adalah untuk meningkatkan kestabilan negara. Dengan kerjasama daripada kaum lelaki. Bersekutu dengan kerjasama kaum wanita. Dalam penulisan ini dapat diaplikasikan dalam komuniti turbanor umumnya dan komuniti yang dikaji lain khasnya.

Dalam bab 1 dinyatakan tentang tujuan, bidang, kepentingan dan masalah-masalah yang dihadapi ketika menjalankan penyelidikan, serta kaedah-kaedah yang digunakan. Penguraian teori-teori dan konsep juga dibincangkan untuk memudahkan lagi pemahaman terhadap penulisan ini.

Menakrif dalam bab 2 ditinjau secara keseluruhannya dari segi letarbelakang kawasan kajian ini. Aspek-aspek kedudukan geografi, ekonomi, sosial, institusi kepimpinan juga telah disentuh.

Untuk melihat apakah peranan-peranan yang dimainkan oleh kaum wanita sebagai suri romahongan maka perbincangan dibuat di dalam bab 3. Aktiviti-aktiviti sosial, politik dan juga hal-

SINOPSIS

Pemuda harapan bangsa

Pemudi tiang negara

Begitulah bunyinya pepatah Melayu yang mencerminkan kepentingan peranan kaum wanita dalam sesebuah negara yang dibaratkan sebagai benteng yang menegakkan kestabilan negara. Berseiring dengan kerjasama daripada kaum lelaki. Justeru itu penulisan ini adalah untuk meninjau sejauhmanakah pepatah Melayu ini dapat diaplikasikan dalam komuniti luarbandar umumnya dan komuniti yang dikaji lain khasnya.

Dalam bab 1 dinyatakan tentang tujuan, bidang, kepentingan dan masalah-masalah yang dihadapi ketika menjalankan penyelidikan, serta kaedah-kaedah yang digunakan. Penguraian teori-teori dan konsep juga dibincangkan untuk memudahkan lagi pemahaman terhadap penulisan ini.

Manakala dalam bab 2 ditinjau secara keseluruhannya dari segi latarbelakang kawasan kajian ini. Aspek-aspek kedudukan geografi, ekonomi, sosial, institusi kepimpinan juga telah disentuh.


Untuk melihat apakah peranan-peranan yang dimainkan oleh kaum wanita sebagai suri rumahtangga maka perbincangan dibuat di dalam bab 3. Aktiviti-aktiviti sosial, politik dan juga hal-

hal di luar persekitaran rumahtangga juga dibincangkan dalam bab ini.

Dalam bab 4 dilihat apakah peranan-peranan yang dimainkan oleh kaum wanita dalam komuniti ini dari segi aktiviti ekonomi. Didapati terdapat berbagai bidang yang diceburi samada dalam pertanian dan bukan pertanian.

Akhir sekali dalam bab kesimpulan pengkaji memberikan pandangan-pandangan tentang faktor-faktor yang menjadi penghalang dan pendorong kepada penglibatan kaum wanita dalam aktiviti di dalam dan di luar rumahtangga. Rumusan dibuat dengan dengan mengaitkan teori-teori dan konsep-konsep yang diperkenalkan ke atas peranan-peranan yang dimainkan itu dan berdasarkan kepada komuniti kajian ini, akan dilihat sejauhmanakah kebenarannya teori-teori tersebut.


NEGERI KEDAH DAN DAERAH-DAERAHNYA



DAERAH KOTA SETAR
NEGERI KEDAH
SEJL. SATU BAN MENO
BTW SATU & SATU S /
S.E.S. 100-000
P.T.G. KED. JUJUR
KELUASAN 296-47 BANTU PERAKA

SEM PADAM DALAM
SEM PADAM LUAR

DAERAH KBG. PASU



SENARAI JADUAL

	Muka Surat	
LATAR BELAKANG KAJIAN		
Jadual 2.1	Jumlah Penduduk Mukim Jabi Dari Segi Ras dan Jantina	33
Jadual 2.2	Struktur Pekerjaan Mengikut Bilangan Responden	39
Jadual 2.3	Keanggotaan Parti Politik Mengikut Bilangan Responden	41
Jadual 2.5	Pendapatan Ketua Keluarga dan Seisi Rumah	47
Jadual 3.1	Bentuk-bentuk Keluarga di kalangan Responden	55
Jadual 3.2	Purata Anak dengan Bilangan Responden	55
Jadual 3.4	Bilangan Responden Yang Keluar Mengundi Di Tahun 1982	84
Jadual 4.1	Tahap Pelajaran Yang Dicapai oleh Responden Mengikut Umur dan Hubungannya dengan Status Pekerjaan	95
Jadual 4.2	Umur Responden dengan Struktur Pekerjaan	97
Jadual 4.3	Perbandingan Pendapatan Antara Responden dan Suami	100
Jadual 4.4	Bilangan Responden Dalam Pemilikan Harta	111

1.2 Tujuan Kajian

Kajian kes terhadap peranan kaum wanita di luar bandar ini mempunyai beberapa tujuan yang tertentu iaitu:

- i. Melihat adakah kaum wanita di peringkat kampung turut memainkan peranan di dalam bidang sosio-ekonomi dan sejauhmanakah peranan-peranan itu. Peranan-peranan yang dimainkan ini akan dilihat secara langsung atau tidak langsung. Oleh itu kesimpulan akan dapat dibuat mengenai sejauhmanakah ianya memberi kesan ke atas struktur sosio-ekonomi rumah tangga mereka. Misalnya dari segi pendapatan keluarga, hubungan antara ibu dengan anak, hubungan isteri dengan suami dan sebagainya.
- ii. Mengetahui kenapakah mereka melibatkan diri di dalam bidang sosial dan ekonomi. Adakah penglibatan mereka hanyalah untuk memenuhi masa lapang sahaja, atau kerana disebabkan oleh kehendak ekonomi iaitu untuk menambahkan sumber pendapatan keluarga. Dengan ini juga dapat diketahui adakah penyertaan ini boleh mengatasi masalah pada ekonomi keluarga atau tidak memberi kesan langsung padanya.
- iii. Melihat kedudukan kaum wanita dalam kawasan kajian ini dari segi umur, tahap pelajaran, pekerjaan dan

sebagainya dan adakah faktor-faktor ini mempunyai hubungan di antara satu sama lain. Misalnya adakah faktor umur dan tahap pelajaran seseorang wanita itu mempengaruhi struktur pekerjaan dan jumlah pendapatan mereka.

- iv. Meninjau sejauhmanakah penglibatan seseorang wanita dalam aspek membuat keputusan (decision making) dalam sesebuah rumah tangga itu. Adakah peranan ini hanya ada pada suami semata-mata atau mereka juga turut mempunyai hak dalam menyuarakan pendapat. Dengan ini juga akan dapat diketahui tentang kedudukan wanita dalam sesebuah rumah tangga itu.
- v. Melihat sejauhmanakah kaum wanita dalam kajian ini dapat menikmati projek-projek pembangunan kerajaan misalnya kemudahan infrastruktur dan juga kemudahan teknologi moden seperti televisyen, radio, mesin basuh, dapur letrik dan sebagainya. Ini adalah kerana kemudahan-kemudahan ini turut juga mempengaruhi peranan mereka.
- vi. Pembahagian masa juga akan dilihat iaitu bagaimana kaum wanita membahagikan masa mereka untuk aktiviti-aktiviti di luar rumah dan juga terhadap rumah tangga mereka sendiri. Dengan ini dapat diketahui sebanyak manakah masa rehat yang dinikmati oleh seseorang

wanita itu. Pembahagian masa ini juga adalah segi penting dalam penentuan peranan.

vii. Mengkaji apakah faktor atau sebab-sebab yang mendorong kaum wanita untuk melibatkan diri di dalam bidang sosio-ekonomi dan apakah pula faktor yang menghalang penglibatan itu. Dari-

pada faktor-faktor ini akan dapat dibuat kesimpulan sejahmanakah peranan yang dimainkan oleh kaum wanita dalam komuniti yang dikaji.

Adakah sudah boleh dibanggakan atau masih lagi di peringkat pasif.

Dalam bidang

Seterusnya pengkaji akan memberi cadangan-cadangan dan

pendapat terhadap peranan yang dimainkan oleh kaum wanita dalam konteks kawasan kajian ini.

Dalam bidang

1.3 Bidang Kajian

Penekanan yang diberikan di dalam kajian ini adalah mengenai

peranan yang dimainkan oleh kaum wanita di dalam rumah tangga dan luar rumah tangga terutamanya dalam bidang ekonomi dan sosial.

Dalam rumah tangga dikaji tentang apakah peranan-peranan

yang dimainkan oleh wanita terhadap suami, anak-anaknya dan lain-lain anggota-anggota keluarga. Peranan-peranan yang dimainkan itu bergantung kepada status yang dipegangnya. Dengan ini bidang

kajian adalah meliputi soal-soal latarbalakang peribadi dari segi umur, tahap pelajaran, jenis pekerjaan, pendapatan, saiz keluarga, hubungan dengan anggota-anggota keluarga dan sebagainya. Soal pembahagian masa dan pembahagian kerja antara kaum wanita dengan anggota keluarga yang lain juga akan dikaji.

Di luar rumah tangga pula dilihat hubungan antara kaum wanita dengan jiran tetangga mereka. Dikaji sejauhmanakah hubungan-hubungan itu dan apakah aktiviti-aktiviti yang sering disertai oleh mereka untuk menjamin agar ianya sentiasa terpelihara. Kajian bukan sahaja terhadap wanita tersebut tetapi juga bagaimana mereka memainkan peranan dalam menentukan keharmonian antara anggota keluarganya dengan masyarakat keseluruhan.

Penglibatan wanita dalam bidang sosial dan politik juga akan disentuh. Misalnya soal penglibatan mereka dalam aktiviti KEMAS, Organisasi 'Kutu' sesama mereka sendiri dan sebagainya. Dalam bidang politik dikaji sejauhmanakah mereka terlibat dalam bidang ini. Walau pun penyertaan mereka tidak begitu giat, namun telah ada penubuhan sebuah Jawatankuasa Wanita UMNO yang mewakili perkampungan tersebut. Dengan ini dilihat apakah tugas jawatankuasa tersebut dan sejauhmanakah ia menjalankan fungsinya. Penubuhan Jawatankuasa Kecil Wanita UMNO ini telah menunjukkan bahawa telah ada minat dan kecenderongan mereka dalam bidang politik.

Kajian juga adalah meliputi bidang ekonomi. Maklumat-maklumat seperti struktur dan jenis-jenis pekerjaan, tempat bekerja dan jumlah

pendapatan yang diperolehi akan dikaji untuk mengetahui mengapakah seseorang wanita itu melibatkan diri dalam bidang pekerjaan. Maka disentuh juga beberapa aspek mengenai suami dan anggota-anggota keluarga yang lain, misalnya faktor umur, pekerjaan, jumlah pendapatan yang diperolehi dan sebagainya. Tumpuan diberikan terhadap dua bidang yang utama iaitu bidang pertanian dan bukan pertanian. Bidang pertanian melibatkan aktiviti perladangan getah dan penanaman padi. Manakala bidang bukan pertanian ialah berniaga. Berniaga yang dimaksudkan ialah berniaga pucuk-pucuk kayu dan hasil-hasil kampung.

Dalam bidang pekerjaan ini dilihat apakah aktiviti-aktiviti yang mereka lakukan dan bagaimanakah pembahagian tugas dilakukan antara mereka dengan suami.

Bidang kajian juga diberikan tentang sejauhmanakah penerimaan kaum wanita di kampung itu terhadap arus permodenan yang terdapat dalam masyarakat mereka. Misalnya dari segi kemudahan-kemudahan asas iaitu api, air, letrik dan juga dari segi pemilikan alat-alat iaitu radio, televisyen, mesin jahit dan sebagainya. Apakah kaitan kemudahan-kemudahan ini dengan peranan yang dimainkan oleh kaum wanita.

Akhir sekali pengkaji telah melihat apakah faktor-faktor yang menjadi penghalang kepada penglibatan wanita dalam bidang sosio-ekonomi dalam komuniti yang dikaji ini. Dilihat juga apakah kesan-kesan atau akibatnya daripada penyertaan dan penglibatan mereka

dalam bidang yang tertentu itu. Pandangan serta pendapat-pendapat juga akan diberikan berhubung dengan bidang yang dikaji ini.

1.4 Kaedah Penyelidikan

Kajian ini merupakan sebahagian daripada pelaksanaan projek 'Kajian Kemiskinan' di Malaysia yang dianjurkan di bawah Instituti Pengajian Tinggi, (IPT) Universiti Malaya. Pada peringkat pertama ini, IPT telah mendapat kerjasama penuh daripada Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya (JAS) dan juga 71 orang pelajar-pelajarnya. Pemilihan kawasan kajian telah ditentukan oleh pihak IPT sendiri yang dibuat secara prosedur 'multi-stage sampling'. Faktor-faktor yang digunakan dalam pemilihan ialah negeri dan daerah, saiz penduduk-penduduk kampung, golongan etnik, pekerjaan dan tanam-tanaman yang berada di kampung.

Kawasan kajian yang ditetapkan kepada pengkaji ialah Kampung Lanjut iaitu sebuah kampung yang terletak di dalam Mukim Jabi, salah sebuah daripada mukim-mukim di Kota Setar. Bagaimanapun setelah dibuat banci 'listing', jumlah buah rumah yang terdapat dalam kampung ini tidak dapat memenuhi jumlah responden yang dikehendaki. Oleh itu pengkaji menggabungkannya dengan dua buah kampung lain iaitu Kampung Atong dan Kampung Telaga Dalam. Pemilihan kedua-dua kampung ini dibuat berdasarkan kepada latar-belakang pentadbiran yang sama iaitu di bawah satu Jawatankuasa Kecil kampung yang terdiri daripada beberapa orang ahli yang

dilantik oleh penduduk-penduduk kampung sendiri. Selain daripada itu masyarakat di ketiga-tiga kampung ini juga mempunyai persamaan dari segi latarbelakang dan nilai-nilai sosial yang boleh mewakili komuniti yang dikaji ini. Contohnya dari segi struktur pekerjaan, kegiatan ekonomi dan sosial, idealogi politik dan sebagainya.

Kajian ini dimulakan pada 5hb. Mei 1985 yang memakan masa lebih kurang sebulan lamanya. Dalam proses untuk mendapatkan maklumat dan data-data yang diperlukan, pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah dalam kajian ini. Di antara kaedah-kaedah itu ialah:

i. Pemilihan Sampel

Setelah banchi 'listing' dibuat, satu pemilihan sampel dilakukan. Bagaimanapun apa yang didapati dalam kawasan kajian ini ialah jumlah buah rumah yang terdapat hanyalah 78 buah sahaja. Oleh itu satu pemilihan sampel yang bersistematik tidak dapat dibuat. Apa yang pengkaji lakukan ialah memilih sampel berdasarkan kepada nisbah jumlah penduduk ketiga-tiga kampung itu iaitu 26 orang dalam Kampung Lanjut, 14 orang dalam Kampung Atong dan 10 orang dalam Kampung Telaga Dalam. Ketua keluarga yang tidak bersedia dan sukar untuk ditemui tidak diambil sebagai sampel.

ii. Soalselidik

Setiap pengkaji telah disediakan dengan 50 borang soalselidik atau 'questionnaire' oleh pihak Institiut Pengajian Tinggi,

Universiti Malaya. 'Questionnaire' ini adalah untuk mendapatkan maklumat-maklumat mengenai ketua keluarga, juga beberapa soalan yang mempunyai kaitan dengan anggota-anggota keluarga yang lain. Soalan-soalannya berkaitan dengan aspek-aspek ekonomi, politik, sosial, pelajaran, kesihatan, perumahan dan sebagainya. Terdapat juga soalan-soalan yang menghendaki responden untuk memberi pendapat mengenai sesuatu. Selain dari ketua rumah, soalan-soalan juga adalah berkaitan dengan anggota-anggota keluarga yang lain seperti isteri, anak-anak dan saudara mara yang lain yang tinggal dalam sesebuah rumah tersebut.

'Interview' yang menggunakan borang soalselidik ini berbentuk 'interview structured' di mana semua soalan dan jawapannya telah ditetapkan terlebih awal dan juga disoal dalam perkataan yang sama dan peraturan yang sama kepada semua responden. Soalan yang digunakan dalam 'interview' jenis ini ialah 'soalan tertutup' (closed-ended question), responden dikehendaki hanya menulis salah satu daripada jawapan yang disediakan mengikut yang sesuai padanya. Ini bererti responden tidak berpeluang menjawab soalan dengan menggunakan jawapan di luar daripada senarai jawapan yang disediakan itu. 'Interview' jenis ini bertujuan untuk mencari jawapan-jawapan yang senang untuk diklasifikasikan apabila data-data mengenainya diproses nanti. Soalan-soalan yang berkaitan dengan hal ini seperti yang berkaitan dengan pendapat dan persepsi, keanggotaan parti-parti politik dan sebagainya.

Selain daripada 'interview' jenis 'structured' terdapat juga yang berbentuk 'unstructured' di mana soalan-soalan tidak disediakan dalam bentuk yang sama dan responden dibenarkan menjawab mengikut pandangan mereka sendiri. Soalan dan jawapan kadang-kadang tidak ditetapkan sebelum temubual bermula. Dalam 'interview' jenis ini penyelidik boleh memilih mana-mana soalan yang diminati atau secara sepontan boleh mengambil soalan tanpa mengikut senarai yang telah ditetapkan. Pengkaji juga boleh menyoal dengan soalan yang berlainan bentuk bagi responden-responsen yang berlainan, walaupun maksud yang sama. Responden boleh menjawab dengan menggunakan perkataan-perkataan dan fikiran sendiri tanpa mengikut pilihan dalam senarai. 'Interview' jenis ini kebanyakannya berbentuk soalan terbuka (open-ended question). Soalan-soalan yang berkaitan dengannya ialah yang menyentuh aspek-aspek latarbelakang responden, petunjuk-penuntuk sosial, soal pemilikan harta dan sebagainya.

Pengkaji juga menyediakan soalan-soalan tambahan untuk mendapatkan maklumat yang lebih terutamanya mengenai topik yang dikaji. Oleh kerana kajian ini mengenai kaum wanita, maka penekanan yang lebih adalah diberikan terhadap golongan-golongan ini daripada suami mereka sendiri.

iii. Temubual (Informal Interview)

Untuk melengkapi maklumat-maklumat dan data-data yang diperlukan yang tidak terdapat di dalam 'questionnaire' maka kaedah temubual ini dirasakan amat perlu sekali. Jawapan-jawapan yang diberikan oleh responden adalah lebih tepat dan ikhlas kerana kaedah ini tidak mengongkong mereka dalam memberikan pendapat. Responden dengan bersahaja mengeluarkan jawapan-jawapan mereka yang lebih berbentuk cerita. Secara tidak langsung juga pengkaji mendapat maklumat-maklumat lain yang dirasakan tidak kurang pentingnya sebagai bahan-bahan untuk kajian. Pengkaji sendiri merasa tidak jemu dengan kaedah ini kerana soalan-soalan yang ditanya adalah berbeza antara seorang responden dengan responden yang lain, dan jawapan yang diberikan juga berbeza.

Selain daripada itu, melalui perbualan begini sedikit sebanyak telah dapat mengwujudkan hubungan yang mesra di antara pengkaji dengan responden juga ahli-ahli masyarakat yang lain, dimana situasi begini adalah diperlukan untuk mendapatkan data dan maklumat yang tepat. Temubual informal ini dapat dikatakan lebih 'flexible' dalam ertikata pengkaji tidak perlu menekan atau mendesak responden untuk menjawab dalam sesuatu perkara (seperti dalam soalselidik) hanya membiarkan mereka terus bercakap sahaja dengan bebas.

iv. Pemerhatian

Kaedah ini agak sesuai dan penting digunakan untuk

menambahkan data-data dan bahan-bahan yang nyata kerana ia berdasarkan kepada pemerhatian oleh pengkaji sendiri. Pengkaji juga dapat menilai jawapan-jawapan yang diberikan itu. Dengan itu, sejauhmanakah kebenarannya jawapan-jawapan yang diberikan oleh responden akan dapat diketahui. Pengkaji juga turut membuat penyertaan pemerhatian (participant observation) atau menyertakan diri dalam kerja-kerja amal di kampung-kampung tersebut misalnya ketika diadakan kelas ugama yang dianjurkan oleh KEMAS. Pengkaji juga pernah turut bersama-sama mereka ketika berkumpul dan berbual-bual di waktu petang sebagai satu kegiatan sosial. Secara tidak langsung pengkaji dapat membuat 'cross-checking' untuk menentukan samada betul atau salah jawapan yang diberi oleh seseorang responden itu. Maklumat-maklumat sampingan daripada orang-orang berkenaan juga dapat diketahui.

Kajian ini juga dapat membantu pengkaji menilai samada kajian ini benar atau tidak berdasarkan pada realitinya jawapan-jawapan yang diberikan kerana didapati setengah responden malu untuk menyatakan kelemahan-kelemahan yang ada pada mereka. Pengkaji mempunyai sebuah keluarga angkat yang kebetulannya seorang setiausaha dalam Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung tersebut, sebagai tempat untuk mendapatkan maklumat dan keterangan. Dengan ini dapatlah pengkaji memahami dengan lebih mendalam lagi mengenai tingkah laku sosial dan budaya masyarakat berkenaan terutamanya di kalangan kaum wanita.

Umumnya dapatlah dikatakan bahawa kaedah pemerhatian yang digunakan ini telah banyak membantu pengkaji untuk mendapatkan bahan-bahan selain daripada apa yang telah tersedia di dalam borang soalselidik.

v. Kajian Perpustakaan (Library Research)

Kaedah yang terakhir sekali yang digunakan ialah, dengan merujuk pada bahan-bahan rujukan daripada perpustakaan. Bahan-bahan ini samada yang berbentuk:

- a. Buku-buku
- b. Majalah-majalah atau risalah
- c. Kertaskerja-kertaskerja dan seminar
- d. Tesis-tesis
- e. Latihan Ilmiah

Maklumat-maklumat daripada bahan-bahan ini amat penting terutamanya untuk mendapatkan teori-teori dan konsep-konsep mengenai apa yang akan dikaji. Selain daripada itu pengkaji juga cuba untuk mendapatkan bahan-bahan atau keterangan daripada badan atau agensi-agensi kerajaan yang tertentu yang ada kaitannya dengan kawasan kajian pengkaji. Maklumat-maklumat ini penting untuk memperlengkapkan data-data dan menjelaskan lagi keterangan-keterangan yang pengkaji perolehi daripada responden. Serba sedikit maklumat juga didapati daripada penyertaan Pejabat Daerah Kota Setar dan Pejabat Penghulu terutamanya mengenai latarbelakang kawasan kajian.

1.5 Masalah Kajian

Dalam menjalankan kajian luar ini pengkaji tidak dapat mengelakkan diri daripada menghadapi beberapa masalah lebih-lebih lagi kerana kajian ini merupakan kajian yang pertama sekali dilakukan. Di antara beberapa masalah yang dihadapi ialah:

Masalah Lokasi

Pada mulanya pengkaji telah ditentukan bahawa Kampung Lanjut sebagai kawasan kajian, tetapi setelah selesai membuat 'listing', apa yang didapati ialah jumlah buah rumah tidak mencukupi untuk mewakili bilangan 50 orang responden. Jadi berdasarkan kepada ciri-ciri tertentu, pengkaji telah menggabungkan Kampung Lanjut tersebut dengan dua buah kampung lagi iaitu Kampung Atong dan Kampung Telaga Dalam. Masalah bagi pengkaji ialah walaupun ketiga-tiga kampung ini berdekatan, tetapi kedudukannya bukanlah secara kelompok, tetapi sambung-menyambung. Bagi Kampung Lanjut, tidak ada masalah bagi pengkaji kerana ia terletak berhampiran dengan jalanraya. Sementara kampung kedua dan ketiga terletak agak jauh ke dalam. Jadi ini menyulitkan pengkaji untuk sampai ke rumah responden kerana kedudukannya yang jauh dari jalanraya itu.

i. Masalah Masa

Berikutnya dengan masalah lokasi ini telah menimbulkan pula masalah lain iaitu masalah masa. Dengan jarak yang sejauh lebih

kurang 0.75 batu (1.2 km) itu, pengkaji terpaksa mengambil masa yang agak lama dalam perjalanan. Masa yang sesuai bagi responden untuk ditemubual ialah selepas pukul 12.00 tengahari iaitu ketika mereka pulang dari menoreh getah. Bagaimanapun di atas pertimbangan-pertimbangan yang tertentu, temubual dimulakan pada pukul 2.00 petang dan selesai pada pukul 6.00 petang. Jadi akibatnya pengkaji lebih banyak menghabiskan masa dalam perjalanan. Dengan ini juga bilangan responden yang boleh ditemui terpaksa dikurangkan. Di samping itu keadaan ini juga turut meletihkan dan seterusnya akan mempengaruhi pengkaji dalam menjalankan temubual nanti.

ii. Masalah Mengenai Responden

Walaupun pada keseluruhannya bolehlah dikatakan kerjasama yang diberi oleh responden agak baik. Tetapi masih juga terdapat segolongan yang agak keberatan untuk menjawab soalan-soalan yang ditanya. Ini jelas dilihat pada jawapan-jawapan yang diberikan seolah-olah terdapat ketidakikhlasan dalam jawapan itu.

Terdapat juga setengah responden yang tidak tahu memberi jawapan, di mana mereka menyerahkan kepada pengkaji untuk memberi apa saja jawapan yang dirasakan sesuai. Jadi agak susah bagi pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang tepat. Kadang-kadang responden juga dipengaruhi oleh anggota-anggota keluarga yang lain atau jiran tetangga dalam memberi jawapan. Ini mungkin disebabkan mereka malu atau cuba menyembunyikan hal yang sebenar seperti soal-

soal pemilikan harta dan sebagainya.

Ketika separuh daripada kajian itu dijalankan, responden seringkali sahaja sibuk dan tidak ada di rumah. Ini kerana pada waktu itu telah tiba musim bagi mereka turun ke sawah. Jadi, di waktu pagi mereka ke ladang getah dan pada waktu petangnya mereka turun ke sawah pula. Bagi pengkaji terpaksa berulang kali untuk berjumpa dengan responden tersebut walaupun dibuat temujanji terlebih dahulu. Terdapat juga di kalangan responden yang mempunyai anggapan dan penerimaan yang salah terhadap pengkaji.

Kebanyakan dari mereka menganggap bahawa pengkaji adalah wakil daripada mana-mana badan atau agensi kerajaan yang bertujuan untuk membuat benci. Jadi mana-mana responden yang berpihak pada parti kerajaan (UMNO) merasakan satu kebanggaan untuk memberitahu bahawa mereka adalah penyokong kerajaan. Sedangkan di satu pihak lagi, agak keberatan untuk ditemubual. Segolongan lagi responden menganggap bahawa pengkaji menjalankan kajian ini dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat bagi memberi bantuan pada mereka. Jadi mereka menaruh harapan kepada pengkaji seolah-olah pengkaji sebagai orang perantaraan antara mereka dengan pihak kerajaan. Walaupun sudah diterangkan berkali-kali, namun agak sukar bagi mereka untuk menerima hakikat ini.

Terdapat juga segolongan yang merasa jemu kerana telah berkali-kali kajian seperti ini dijalankan, sedangkan perubahan

masih juga tidak berlaku. Jadi mereka tidak mahu memberi kerjasama yang diperlukan pada pengkaji.

iii. Masalah Mengenai Soalan

Apa yang pengkaji dapat dalam persoalan ini ialah sebanyak bentuk-bentuk soalan yang tidak dapat difahami dengan baik oleh responden. Mereka enggan dan tidak tahu untuk memberi jawapan.

Setengah-setengah soalan juga begitu sukar untuk dijawab seperti soalan yang berkaitan dengan pemilikan harta, jumlah hutang, persepsi dan pendapat dan sebagainya. Mereka takut untuk menyatakan jawapan yang sebenar kerana takut tidak diberi bantuan nanti. Responden juga tidak tahu untuk menilai sesuatu pemilikan dan kebanyakannya menyerah kepada pengkaji untuk menilai dengan sendiri. Jadi ini menimbulkan masalah kepada pengkaji kerana kebanyakan soalan di dalam soalselidik adalah bergantung kepada jawapan responden sendiri.

Dengan menggunakan soalselidik yang sama ini juga kebanyakan responden telah tahu apakah soalan yang akan ditanya melalui jiran-jiran mereka yang telahpun ditemui. Jadi mereka terlebih dahulu bersedia dengan jawapan-jawapan yang akan diberi apabila ditemui nanti. Responden dan pengkaji sendiri merasa bosan dengan soalan yang begitu banyak dan dalam bentuk yang sama.

1.6 Kepentingan Kajian

Penulisan yang berdasarkan kepada kajian dan penyelidikan ini mempunyai beberapa kepentingan yang tertentu. Sebagai salah satu daripada hasil penulisan ilmiah atau saintifik yang ditulis secara sistematik dan teratur menurut peraturan-peraturan, kaedah-kaedah serta pemikiran tertentu, maka bolehlah dikatakan bahawa hasil -hasil penulisan itu mengandungi maklumat-maklumat yang dapat dipergunakan dan dipertahankan sebagai maklumat yang baru. Dengan itu juga ia akan menjadi panduan atau bahan rujukan kepada pengkaji-pengkaji lain yang akan membuat kajian ke atas komuniti ini terutamanya mengenai kaum wanita.

Dengan adanya kajian ini juga sedikit sebanyak telah mendedahkan kepada umum beberapa kekurangan dan kelemahan yang terdapat dalam kawasan ini samada dari segi politik, ekonomi atau sosial. Secara tidak langsung pula, ia akan memberi beberapa kepentingan tertentu samada kepada orang perseorangan, perkumpulan atau badan-badan tertentu yang bertujuan untuk melaksanakan program-program dan rancangan-rancangan pembangunan di dalam kawasan kajian ini.

Penyelidikan ini juga telah menghasilkan sebuah penulisan yang penting yang dapat digunakan untuk pelajar-pelajar lain sebagai bahan bacaan dan rujukan mereka khasnya mengenai peranan kaum wanita.

1.7 Penghuraian Teori dan Konsep

Sebelum dimulakan penulisan latihan ilmiah ini adalah lebih baik jika difahami terlebih dahulu mengenai teori dan konsep-konsep yang berkaitan dengan bidang yang hendak dikaji. Penghuraian teori dan konsep ini kemudian akan dikaitkan juga dengan peranan wanita dalam komuniti yang dikaji. Adakah benar atau tidaknya peranan-peranan yang dimainkan itu dengan teori-teori yang telah dikemukakan. Dengan ini akan dapat memudahkan lagi pemahaman apa yang hendak disampaikan.

1.7.1 Konsep Peranan

Secara khususnya peranan dapat dikatakan sebagai perlakuan individu di dalam menjalani penghidupannya. Ia selalunya merangkumi hak-hak dan tanggungjawab. Oleh itu peranan merupakan satu aspek yang dinamik pada aspek status dan ianya mempunyai kaitan dengan aspek-aspek sistem sosio-budaya seperti kekeluargaan, ekonomi, politik, budaya dan sebagainya. Ini bermaksud peranan itu sentiasa berubah-ubah, mengikut perubahan statusnya. Misalnya seorang wanita yang mempunyai status sebagai isteri, maka peranan yang dimainkannya juga adalah sebagai seorang isteri. Manakala apabila ia telah mempunyai anak-anak statusnya akan bertambah sebagai seorang ibu pula. Maka peranan juga turut berubah sebagai seorang ibu. Oleh itu seseorang individu akan memegang berbagai-bagai peranan dan status bergantung kepada penentuan kategori sosial. Ralph Linton (1936:6) mendefinisikan peranan sebagai:

"... the dynamic aspect of status. When (an individual) puts the rights and duties into effect, he is reforming a role".

Apabila seseorang itu memegang status tertentu bererti ia telah mendapat peranan yang berkaitan dengan status yang dipegang itu.

Amos H. Hawley telah menyamakan pengertian peranan ini dengan konsep 'role' seperti yang dikatakannya:

"a routinely performed activity which depends for its continuity on the routine performance of other activities" (Wallace, 1980: 225)

Michael Banton (1968) membahagikan konsep peranan kepada tiga bahagian iaitu peranan asas (basic role), peranan umum (general role), dan peranan bebas (independent role). Pembahagian peranan asas adalah berdasarkan kepada faktor semulajadinya seperti lelaki dan perempuan (jantina) dan umur. Peranan umum (general role) pula berkaitan dengan aktiviti seseorang yang biasanya bergantung pada kelayakan seseorang. Faktor umur atau jantina tidak diambil kira dalam hal ini. Peranan bebas pula (independent role) akan wujud hanyalah apabila seseorang itu menjalankan sesuatu tugas itu pada sesuatu ketika. Peranan bebas ini boleh dilepaskan atau ditinggalkan mengikut situasi keadaan dan tempat yang bersesuaian. Misalnya seorang kerani akan memegang peranan sebagai kerani ketika ia berada di pejabat dan akan melepaskan peranan tersebut apabila ia tidak lagi di pejabat atau berada di rumah.

1.7.2 Penentuan Peranan

Penilaian terhadap peranan antara lelaki dan wanita adalah tidak sama di antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Ini bergantung kepada sistem sosio-budaya yang diamalkan oleh setiap masyarakat. Maka dengan sebab itulah munculnya berbagai-bagai pengkaji dan sarjana yang memberikan pendapat yang berbeza tentang penentuan peranan ini. Michelle Zimbalist Rosaldo dalam bukunya Women, Culture and Society; A Theoretical Overview (1974) menamakan konsep ini sebagai 'sexual assymetry'. Rosaldo mengatakan bahawa setiap apa yang dilakukan oleh lelaki akan tetap mendapat penilaian tinggi dari masyarakat sedangkan bagi wanita walau bagaimana penting sekalipun peranan yang dimainkan itu akan tetap dipandang rendah:

"Differences in physical constitution and especially in endurance and strength, may also lead to characteristic differences in male and female. But what is perhaps most striking and surprising in the fact that male, as opposed to female, activities are always recognized as predominantly important, and cultural system give authority and value to the roles and activities of man" (M.Z.Rosaldo, 1974: 19)

Dua bidang utama yang dikemukakan oleh Rosaldo yang merupakan penentuan kepada aspek peranan ini ialah 'Domestic' dan 'Public' (1974: 23). Ia merangkumi aspek-aspek budaya, sosial, ekonomi dan sebagainya. 'Domestic' merupakan satu institusi normal dari segi aktiviti-aktiviti yang disusun yang terdiri daripada seorang atau lebih wanita bersama dengan anak-anaknya. Sementara 'Public'

pula lebih menekankan kepada aktiviti-aktiviti dan bentuk-bentuk persatuan atau pertubuhan yang mempunyai 'rank', disusun berasingan daripada lingkungan 'Domestic' tadi. Oleh itu rumahtangga yang menjadi ruang yang membezakan antara peranan wanita dan lelaki ini.

Dimensi 'Public' dan 'Domestic' adalah berpuncak dari segi faktor biologi wanita dan lelaki, dan asas ini menyebabkan kaum wanita tidak boleh lari dari ruang 'Domestic' tadi. Ini adalah kerana mereka dipertanggungjawabkan dalam proses pembentukan anak-anak dan proses ini berterusan buat beberapa jangkamasa tertentu. Ini menyebabkan kedudukan wanita dalam lingkungan 'Domestic' tadi juga akan berterusan. Sehingga akhirnya ia menjadi kebiasaan dan diterima sebagai salah satu aspek budaya. Bagi pihak lelaki pula, mereka adalah lebih bebas dalam lingkungan 'Public' kerana tidak ada ikatan yang panjang secara emosi dengan tugas-tugas penglahiran dan sebagainya. Masa mereka lebih banyak terbuang dan ini memungkinkan mereka untuk keluar daripada unit asas itu.

Seterusnya Rosaldo menghujahkan bahawa akibat daripada orientasi 'Public' dan 'Domestic' ini menimbulkan enam kesan dari segi peranan yang dimainkan itu iaitu pertamanya ialah pembentukan personaliti. Dari segi pembentukan personaliti dalam proses pembesaran anak-anak lelaki dan wanita mempunyai perbezaan yang kemudiannya membawa pada dua kesan iaitu:

"A woman becomes a woman naturally, but a boy has to learn to become a man." (Nancy Chodorow 1974: 43).

Keduanya dari segi kuasa atau 'authority' di mana ia dikaitkan dengan pandangan masyarakat pada wanita yang mempunyai hubungan personal yang lebih dengan anggota-anggota keluarganya daripada kaum lelaki yang boleh mangasingkan diri daripada keadaan ini. Justeru ini telah menjadikan kaum lelaki sebagai orang yang menjalankan dan mempunyai kuatkuasa.

Ketiganya pula ialah dari segi pengambilan status bagi kaum wanita, pengambilan statusnya secara 'ascribed', sedangkan bagi lelaki untuk menjadi seorang lelaki, statusnya perlu didapati melalui 'achievement'.

"Women's contributions to extra-domestic relations are given a social role and definition by virtue either of their age or of their relationship to men Whereas man achieve rank as a result of explicit achievement, differences among women are generally seen as the product of idiosyncratic characteristics, such as temperament, personality, and appearance" (M.Z Rosaldo 1974: 29).

Akibat yang keempat pula ialah dari segi 'nature' dan 'culture' di mana apa sahaja yang dilakukan oleh wanita merupakan fungsi-fungsi nature (tabii). Sementara bagi lelaki berasaskan kepada fungsi 'culture' (budaya). Akibat yang kelima daripada dimensi 'Public' dan 'Domestic' ini di mana dikatakan wanita sebagai satu keganjilan (Women as anomalies). Kedudukan dan

peranan wanita di peringkat 'nature' dan lelaki di peringkat 'culture'

tadi adalah merupakan satu hieraki susunan yang diinstitusikan oleh masyarakat. Wanita dikatakan tidak mempunyai tempat dalam susunan ini dan kedudukan mereka adalah 'anomalies'.

Akibat terakhir ialah dari segi pengeluaran di mana aktiviti-aktiviti ekonomi yang dilakukan oleh wanita adalah kurang di peringkat 'Public' sebaliknya banyak di peringkat 'Domestic'.

1.7.3 Peranan Wanita

Kontroversi pendapat mengenai peranan wanita ini adalah berterusan. Terdapat ramai pengkaji yang mengemukakan pendapat mereka. Selain daripada apa yang dikemukakan oleh Rosaldo, Margaret Mead juga mengatakan:

"What are the arrangements in regard to descent or ownership of property and even if these formal outward arrangements are reflected in the temperamental relations between the sexes, the prestige values always attach to the activities of men" (1935: 302)

Pensyarah-pensyarah dan pengkaji-pengkaji tempatan seperti Mazidah Zakaria, Rokiah Talib, Hing Ai Yun dan Nik Safiah Karim pula memberikan sekurang-kurangnya tujuh peranan yang dipegang oleh seseorang wanita iaitu sebagai isteri, ibu, pekerja rumah, orang yang melahirkan anak, ketua keluarga dalam keadaan mana suaminya mati atau bercerai, pekerja dan ahli masyarakat.

Pengkaji-pengkaji barat juga tidak ketinggalan dalam

membincangkan tentang peranan wanita ini. Ernestie Friedl dalam bukunya Women And Men: An Anthropologist View (1975) telah memberikan dua pendapat untuk menjelaskan tentang perubahan peranan wanita iaitu penentuan oleh aspek semulajadi atau biologi dan alam keliling yang dikaitkan dengan sistem sosio-budaya sesebuah masyarakat itu. Bagi golongan biologikal perbezaan dari segi biologi dan saikologi di antara wanita dan lelaki merupakan sebab-sebab yang efektif dalam pembahagian tugas dan hak di kalangan wanita dan lelaki dalam semua masyarakat. Wanita dengan sifat semulajadinya yang mempunyai tenaga fizikal dan bentuk tubuh badannya adalah amat cocok sekali untuk diberi tugas sebagai orang yang melahirkan dan menyusukan anak. Keadaan inilah yang menyebabkan tugas-tugas wanita berlingkar di sekitar kerja-kerja di dalam lingkungan rumahtangga sahaja.

Aliran pemikiran ini juga menyarankan bahawa jika terdapat ciri-ciri sosial dan kebudayaan yang sama dalam semua masyarakat, maka persamaan-persamaan ini terjadi hasil daripada faktor-faktor genetik. Garis perbezaan yang nyata antara peranan wanita dan lelaki adalah merupakan satu perkara yang universal di mana wanita lebih ditekankan dengan kerja-kerja di sekitar rumahtangga seperti memasak, menjaga anak dan sebagainya. Ini dikenali sebagai 'feminine'. Manakala bagi pihak lelaki pula adalah didefinisikan sebagai 'masculine' yang terangkum di dalamnya kerja-kerja yang memerlukan kekuatan tenaga fizikal seperti memburu, membina tempat kediaman, berperang dan sebagainya (Seward, Williamson 1970: 4), Judith Laws pula menyatakan bahawa:

"Sex role ideology specifies different ways for women and men to participate in all institutional spheres of society. The female sex role prescription is based on the premise that women will be both wives and mothers having primary responsibility both for childcare and house work; it is assumed, further, that the normal household includes a male breadwinner: not merely a male-earner; but the breadwinner who is the head of household". (Judith Laws, 1979: 86)

Kesimpulanya golongan pertama mengatakan bahawa tugas dan peranan kaum wanita adalah berligar di sekitar rumah tangganya sahaja, dan ini merupakan sesuatu yang universal. Masyarakat seolah-olah menerima hakikat ini. Bott telah merumuskannya sebagai:

"... all couples took it for granted that there should be a basic division of labour between husband and wife....." (Dipetik oleh Fransella dan Frost 1977: 15)

Gilder juga menegaskan bahawa kebanyakan masyarakat mengakui:

"the traditional family model is that the husband is a breadwinner and the wife is house-maker" (Mazidah Zakaria)

Stereotype yang dikemukakan oleh golongan tradisionalist ini seperti Margaret Mead (1935), Dalstrom (1962), Friedl (1975) dan Holter (1975) akhirnya mula mendapat penentangan daripada segolongan pengkaji baru yang dikenali sebagai golongan modernist seperti Fransella and Frost (1977), Mednick (1975), Joan Huber, (1973), Irene Tinker (1976) ini tidak sependapat dengan golongan tradisionalist.

Bagi mereka telah terdapat perubahan di dalam peranan wanita kini. Tugas-tugas wanita tidak lagi di sekitar alam rumah tangganya di mana ramai yang telah menceburi bidang yang sama tarafnya dengan kaum lelaki. Imej wanita sebagai isteri dan ibu sahaja dan lelaki sebagai 'breadwinner' adalah metos semata-mata. Asas sosio-budaya dan alam keliling yang berhubung dengan perubahan yang berlaku dalam bidang sosio-ekonomi telah menyebabkan berlakunya, perubahan dalam pandangan dan sikap masyarakat terhadap kaum wanita. Dengan berlakunya perubahan dalam pandangan dan sikap masyarakat terhadap kaum wanita telah membenarkan mereka untuk melakukan sebahagian daripada pekerjaan yang bukan hanya dilakukan oleh kaum lelaki sahaja. Justeru itu sikap memandang rendah terhadap kaum wanita mula disingkirkan oleh masyarakat.

Menurut Friedl penentuan peranan antara lelaki dan wanita adalah disebabkan oleh fungsi keadaan sosial dan budaya, bukan kerana warisan biologikal semata-mata. Ciri-ciri fizikal dan emotional yang wujud secara semulajadi pada diri wanita tidak menghalang mereka dari melibatkan diri dalam berbagai-bagai kegiatan sosial dan aktiviti luar rumah. Apa yang penting ialah wanita itu sendiri mestilah menghapuskan segala pandangan yang menegaskan adanya perbezaan antara lelaki dan wanita. Terdapat juga pendapat yang mengemukakan dua aspek untuk menjelaskan tentang perubahan peranan wanita ini, iaitu aspek biologi saikologi dan aspek persekitaran.

Dari segi faktor biologi dan saikologi, golongan ini mengatakan bahawa kaum lelaki mempunyai sifat yang lebih cerdik

daripada wanita kerana mereka mempunyai saiz otak yang lebih besar. Kaum lelaki juga dikatakan mempunyai lebih banyak ciri-ciri fisiologi dan kebolehan. Kelebihan dan keistimewaan ini membuatkan kaum lelaki lebih berjaya dalam segala aspek daripada wanita. Bagaimanapun, kajian-kajian yang selanjutnya telah menunjukkan bahawa konsep kecerdasan otak dan kebolehan yang berdasarkan jantina itu tidak lagi sesuai untuk menentukan perbezaan peranan antara lelaki dan wanita.

Faktor motivasi yang boleh mempengaruhi kebolehan seseorang dalam pekerjaannya tanpa mengira jantina adalah lebih penting. Penentuan persekitaran menunjukkan bagaimana proses sosialisasi seseorang telah mempengaruhi perbezaan peranan ini. Kanak-kanak mulai mengenali jantina mereka dan memahami apakah peranan-peranan yang patut dimainkan apabila mereka dewasa kelak. Perbezaan-perbezaan peranan sosial di kalangan lelaki dan wanita dalam masyarakat telah mulai berubah akibat daripada kemasukan industri moden dalam masyarakat. Golongan-golongan ini pada hakikatnya tidak menafikan wujudnya 'male dominance' di dalam semua masyarakat yang diketahui, cuma apa yang mereka bahas dan pertikaikan ialah peranan begini tidak semestinya berterusan dan menjadi sesuatu perkara yang tidak dapat dielakkan lagi. Bagi mereka perbezaan peranan ini bergantung kepada interpretasi masyarakat itu sendiri, mengenai apa yang dianggap sebagai kerja lelaki dan apa pula kerja wanita.

Harriet Holter dan Lois Wladis dalam Mednick, Women and Achievement (1975) juga telah menambah penerangan-penerangan

tentang perubahan dalam peranan wanita dewasa ini dengan menyatakan bahawa perubahan dalam peranan tersebut adalah dipengaruhi oleh perubahan teknologi. Sebagai contoh penggunaan alat-alat moden seperti dapur letrik, mesin basuh dan sebagainya yang banyak menolong memudahkan kerja-kerja memasak. Dengan ini wanita mempunyai lebih banyak masa untuk ditumpukan kepada hal-hal yang dapat memperbaiki taraf hidup mereka. Pencapaian pelajaran tinggi di kalangan wanita juga adalah sebab-sebab yang mengubah pandangan dan sikap masyarakat terhadap peranan dan status kaum wanita.

Oleh itu apa yang disarankan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu mengenai peranan-peranan wanita ini didapati tidak sepenuhnya tepat kerana jika ditinjau dalam masyarakat hari ini didapati telah terdapat perubahan pada peranan wanita. Tugas-tugas dan peranan seseorang itu bukanlah ditentukan oleh aspek-aspek pembahagian 'Domestic' dan 'Public' atau aspek saikologi seperti mana yang telah dibincangkan. Apa yang lebih penting ialah aspek pencapaian dan kebolehan bagi seseorang dalam memegang sesuatu peranan itu. Ini jelas dapat dilihat pada wanita zaman sekarang. Telah terdapat perubahan pada peranan mereka sekarang, di mana bukan sahaja tugas-tugas mereka di sekitar 'Domestic' tetapi telah masuk ke bidang 'Public'. Contoh-contoh dapat kita lihat pada hari ini misalnya di Negara Malaysia sendiri, Britain, Amerika Syarikat dan sebagainya. Banyak pengkaji-pengkaji yang bersetuju dengan pendapat ini melalui perbincangan-perbincangan yang mereka buat, misal-

nya Naomi Black dan Ann Baker Cottrell dalam buku mereka 'Women and World Change: Equity Issues in Development' (1981).

1.8 Penutup

Oleh itu kajian ilmiah terhadap kaum wanita dalam masyarakat luar bandar ini akan cuba melihat sejauhmanakah peranan-peranan yang dimainkan oleh mereka. Ke dalam konteks manakah dapat diaplikasikan peranan yang dimainkan itu. Adakah ia bersesuaian dengan pendapat pengkaji-pengkaji terdahulu atau telah mengalami perubahan yang sebaliknya. Dengan ini kesimpulan akan dibuat ke atas sejauhmanakah kebenaran konsep dan teori yang dikemukakan itu.

BAB II

Nota Kaki

LATARBELAKANG KAMPUNG

2.1 Kedudukan Dari Segi Demografi

1 Malaysia, Income - Generating Skills for Women. Interim Report - National Advisory Council On the Integration of Women in Development (NACIWID), Malaysia. Disember 1978, Kuala Lumpur.

bandar ini. Cetral dijalankan ke atas tiga buah Kampung iaitu Kampung Lanjut, Kampung Atong dan Kampung Telaga Dalam. Kedudukan ketiga-tiga kampung ini ialah dalam Mukim Jabi, yang merupakan salah sebuah daripada Mukim yang terdapat dalam Daerah Kota Setar. Kota Setar mempunyai 36 buah Mukim¹ dan di dalam mukim-mukim ini terdapat pula beberapa buah kampung mengikut keluasan yang tertentu. Mukim Jabi terangkum dua puluh dua buah kampung termasuklah Kampung Lanjut, Kampung Atong dan Kampung Telaga Dalam. Kedudukan ketiga-tiga kampung ini adalah di tengah-tengah perjalanan antara bandar Alor Setar dan Pekan Kuala Nerang. Pekan Kuala Nerang terletak kira-kira 20 batu (32 kilometer) ke Barat daripada bandar Alor Setar dan jarak antara Kampung ini dengan Alor Setar pula ialah 9 batu (14.4 Kilometer). Bagaimanapun terdapat dua buah pekan kecil yang menjadi tumpuan utama bagi penduduk kampung ini untuk mendapatkan perkhidmatan sosial² iaitu pekan kecil Langgar dan Pekan Pokok Sena. Jarak di antara kedua-duanya daripada perkampungan tersebut ialah 3 batu (4.3 kilometer). Luas keseluruhan bagi Mukim Jabi ialah 12.55 batu persegi, (8030 ekar) di mana Kampung Lanjut, Kampung Atong dan Kampung Telaga Dalam merupakan 0.77% daripada jumlah keluasan itu. Dengan lebih nyata lagi keluasan bagi Kampung

BAB II

LATARBELAKANG KAMPUNG

2.1 Kedudukan Dari Segi Demografi

Kajian mengenai peranan wanita di dalam masyarakat luar bandar ini telah dijalankan ke atas tiga buah Kampung iaitu Kampung Lanjut, Kampung Atong dan Kampung Telaga Dalam. Kedudukan ketigatiga kampung ini ialah dalam Mukim Jabi, yang merupakan salah sebuah daripada Mukim yang terdapat dalam Daerah Kota Setar. Kota Setar mempunyai 35 buah Mukim¹ dan di dalam mukim-mukim ini terdapat pula beberapa buah kampung mengikut keluasan yang tertentu. Mukim Jabi terangkum dua puluh dua buah kampung termasuklah Kampung Lanjut, Kampung Atong dan Kampung Telaga Dalam. Kedudukan ketiga-tiga kampung ini adalah di tengah-tengah perjalanan antara bandar Alor Setar dan Pekan Kuala Nerang. Pekan Kuala Nerang terletak kira-kira 20 batu (32 kilometer) ke Barat daripada bandar Alor Setar dan jarak antara Kampung ini dengan Alor Setar pula ialah 9 batu (14.4 Kilometer). Bagaimanapun terdapat dua buah pekan kecil yang menjadi tumpuan utama bagi penduduk kampung ini untuk mendapatkan perkhidmatan sosial² iaitu pekan kecil Langgar dan Pekan Pokok Sena. Jarak di antara kedua-duanya daripada perkampungan tersebut ialah 3 batu (4.3 kilometer). Luas keseluruhan bagi Mukim Jabi ialah 12.55 batu persegi, (8030 ekar) di mana Kampung Lanjut, Kampung Atong dan Kampung Telaga Dalam merupakan 0.77% daripada jumlah keluasan itu. Dengan lebih nyata lagi keluasan bagi Kampung

Lanjut ialah 10 ekar, Kampung Atong 27 ekar dan Kampung Telaga Dalam 25 ekar.

Jumlah penduduk Mukim Jabi ialah 6,042 orang yang terdiri dari 2790 orang penduduk lelaki dan 3,252 penduduk perempuan. Jadual 2.1 di bawah menunjukkan jumlah penduduk Mukim Jabi mengikut ras dan jantina.

Jumlah Penduduk Mukim Jabi Dari Segi Ras Dan Jantina

Ras	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Melayu	1,848	2,079	3,927
Cina	675	835	1,510
India	267	338	605
Thai	-	-	-
Lain-lain	-	-	-
Jumlah	2,790	3,252	6,042

Didapati jumlah penduduk ini telah bertambah di mana jika dilihat daripada nisbah penduduk Kampung Lanjut, Atong dan Telaga Dalam sendiri, peningkatannya adalah sebanyak 203 orang, daripada tahun 1983 hingga ke tahun 1985. Jumlah keseluruhan bagi ketiga-tiga kampung ini ialah 453 orang iaitu 170 orang dari-

pada Kampung Lanjut, 180 orang daripada Kampung Atong dan 83 orang daripada Kampung Telaga Dalam. Jumlah sebanyak 453 orang ini merangkumi 78 buah rumah di mana 41 buah rumah di Kampung Lanjut, 20 buah rumah di Kampung Atong dan 17 buah rumah di Kampung Telaga Dalam. Bilangan penduduk di antara lelaki dan perempuan agak seimbang yang dilihat berdasarkan kepada 50 buah isi rumah yang dipilih sebagai sampel. Didapati bilangan penduduk lelakinya ialah 120 orang atau 48.2% (daripada 249 orang) dan jumlah penduduk perempuan pula ialah 129 orang atau 51.8% (daripada 249 orang). Jumlah ini melibatkan kesemua status dan peringkat umur. Terdapat kira-kira 116 orang dari jumlah itu berusia di bawah umur 18 tahun, 25 orang berusia antara 19 hingga 25 tahun, 39 orang antara 36 hingga 55 tahun, dan 25 orang berusia lebih daripada 56 tahun.

Jumlah sebanyak 116 orang yang berada di bawah umur 18 tahun itu terdiri daripada kalangan kanak-kanak yang kebanyakannya masih lagi bersekolah. Manakala golongan yang bekerja pula adalah seramai 64 orang yang berumur di antara 19 tahun hingga 55 tahun dan 25 orang berusia lebih daripada 56 tahun. Bagaimanapun terdapat juga di kalangan 64 orang ini yang tidak bekerja misalnya seramai 10 orang isteri responden yang tidak melibatkan diri dalam bidang ekonomi. Dalam peringkat ini juga terdapat anak-anak responden yang telah dewasa tapi hanya tinggal di rumah semata-mata dengan tidak memberi sebarang sumbangan dalam menambahkan

sumber pendapatan keluarga. Di kalangan yang berusia lebih daripada 60 tahun pula terdapat seramai 4 orang yang tidak bekerja.

Didapati daripada jumlah yang tidak bekerja dalam setiap isi rumah 50 orang responden ini menunjukkan bahawa jumlah tersebut adalah lebih ramai daripada jumlah yang tidak bekerja. Ini menunjukkan bilangan yang perlu ditanggung adalah lebih tinggi berbanding dengan bilangan yang bekerja. Dengan sebab ini jugalah mengakibatkan pendapatan yang diperolehi dalam setiap isi rumah tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan sehari-hari. Punca pendapatan yang kurang ini akan memberi kesan pada keadaan kemiskinan yang semangnya telah sedia wujud. Dan ini menggalakkan lagi pencarian sumber pendapatan dengan lebih giat lagi yang pada akhirnya didapati dalam komuniti ini, anggota-anggotanya akan melakukan apa saja pekerjaan yang sesuai asalkan ianya mendatangkan sumber pendapatan pada mereka.

2.2 Prinsip Kediaman

Daripada 50 buah isi rumah, dapat dikatakan bahawa struktur keluarga di perkampungan ini adalah berbentuk nuklear di mana terdapat ibubapa dan anak-anak yang masih belum berkahwin tinggal bersama-sama. Prinsip kediaman ialah 'matrilocal' atau 'uxorilocal' di mana sepasang keluarga muda tinggal bersama-sama dalam rumah di sebelah pihak isteri. Apabila dirasakan sudah tidak sesuai lagi didiami mungkin kerana isi rumah yang sudah

bertambah dan menjadikan rumah semakin sempit atau sebagainya maka pasangan ini akan mendirikan rumah sendiri yang berdekatan dengan rumah mertuanya. Perpecahan rumah tangga kepada dua iaitu yang asal dan yang baru akan menimbulkan satu keluarga nuklear yang baru dalam kawasan kajian ini. Terdapat sebanyak 15 buah anggota keluarga yang mempunyai prinsip seperti ini. Prinsip kediaman bagi anak-anak yang sudah berkahwin dan berpindah ke rumah yang baru dikenali sebagai 'neolocal'. 'Patrilocal' ialah bagi mereka yang tinggal di sebelah pihak suami dan 'matrilocal' bagi mereka yang tinggal di sebelah pihak isteri. Kedua-dua jenis bentuk tempat tinggal ini terdapat di kawasan kajian ini iaitu 12% bagi 'matrilocal' dan 14% bagi 'patrilocal'.

Kebanyakan isi rumah mempunyai tanggungan kurang dari pada enam orang dan bilangan ini adalah yang tertinggi peratusnya. Dari pada data jumlah penduduk, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa saiz komuniti bagi ketiga-tiga kampung ini adalah terlalu kecil. Ini bererti dalam satu ekar hanya terdapat lebih kurang satu buah rumah dan tujuh orang penduduk sahaja. Jumlah penduduk yang dinyatakan di sini adalah merangkumi kesemua status seperti ibu bapa, anak-anak, janda, duda dan suami isteri.

Dari segi pola petempatan penduduk adalah bercorak seja jar di mana kebanyakan rumah dibina di tepi-tepi jalan yang kecil. (Jalan dalam kampung) Terdapat juga pola yang berbentuk

sekelompok dan kebanyakannya rumah terletak berdekatan di antara satu sama lain. Anggota masyarakat dalam kawasan kajian ini kebanyakannya mempunyai hubungan persaudaraan dan pertalian darah yang dekat misalnya abang, kakak, anak-anak dan sebagainya. Pemecahan tanah kepada anggota-anggota keluarga yang membuat tempat tinggal yang baru telah menyebabkan sistem pemilikan tanah di ketiga-tiga kampung ini menjadi semakin kecil, sedangkan pemilikan yang baru tidak ditambah.

2.3 Pekerjaan Dan Aktiviti Ekonomi

Struktur ekonomi bagi ketiga-tiga Kampung Lanjut, Atong dan Telaga Dalam adalah merupakan ekonomi campuran. Terdapat berbagai-bagai kegiatan ekonomi yang dijalankan seperti menoreh getah, menanam padi, pekerja ladang (buruh), buruh binaan dan pemandu lori. Sebahagian besar daripada jumlah penduduk terlibat sebagai pekerja-pekerja ladang kerana pekerjaan ini merupakan sumber pendapatan mereka yang utama. Kadar upah yang tetap yang diterima setiap hari yang juga merupakan pendapatan tetap tunai mereka merupakan salah satu sebab majoriti daripada jumlah penduduk melibatkan diri sebagai pekerja ladang. Dari jadual yang berdasarkan kepada 50 orang responden sebagai ketua keluarga didapati 54% atau 27 orang yang terlibat sebagai pekerja di ladang getah. Dari jumlah ini pula dapat dibuat dua pembahagian iaitu segolongan yang merupakan pekerja ladang sepenuh masa dan daripada sawah padi tidak mendatangkan keuntungan, maka kebanyakannya

segolongan lagi yang menjalankan dua aktiviti iaitu pekerja ladang dan penanam padi (petani). Pemilik-pemilik ladang yang menjadi majikan kepada pekerja-pekerja ini berbangsa Cina. Terdapat beberapa orang majikan yang mempunyai ladang yang terletak berhampiran dengan perkampungan tersebut. Ada juga di kalangan responden yang memiliki kebun-kebun getah sendiri yang mempunyai keluasan jauh lebih kecil daripada ladang-ladang yang dimiliki oleh orang-orang Cina tersebut. Kebun-kebun kecil getah ini diperolehi samada dengan cara pewarisan, dibeli atau tanah pemberian kerajaan. Tanah-tanah ini diberi dengan percuma oleh kerajaan untuk dikerjakan kerana memandangkan ia tidak mendatangkan faedah dan keuntungan.

Jadual 2.2 menunjukkan pembahagian pekerjaan di kalangan 50 orang responden di ketiga-tiga kampung ini dan juga isi rumahnya. Selain daripada pekerja-pekerja ladang, terdapat juga penanam-penanam padi. Oleh kerana pekerjaan ini merupakan pekerjaan bermusim, maka petani-petani akan hanya turun ke sawah apabila sampai musim penanaman, yang hanya semusim dalam satu tahun. Kawasan ini bukan merupakan kawasan tanah pamah dan sukar untuk diairi menyebabkan keadaan ini berlaku. Tidak ada sistem taliair yang dijalankan. Oleh itu penanaman padi hanya dijalankan apabila musim hujan bermula yang kebiasaanya pada pertengahan bulan April. Dengan sebab ini juga kebanyakan penduduk menumpukan kegiatan mereka kepada pekerja ladang atau buruh-buruh. Oleh kerana hasil daripada sawah padi tidak mendatangkan keuntungan, maka kebanyakan

tanah-tanah sawah dibarkan kering dan ditumbuk halang dan rosing.

Jadual 2.2

Struktur Pekerjaan Mengikut Bilangan Responden

Struktur Pekerjaan	Bilangan	Peratus
Pekerja ladang	8	16
Petani	6	12
Campuran (Pekerja ladang dan petani)	19	38
Buruh	6	12
Pemandu	5	10
Lain-lain (berniaga (Iktisas)	6	12
Jumlah	50	100

Struktur Pekerjaan	
Pekerja ladang	
Petani	Campuran (Pekerja ladang dan petani)
Buruh	
Pemandu	Lain-lain (berniaga (Iktisas)
Jumlah	

tanah-tanah sawah dibiarkan kering dan ditumbuhinya lalang dan rumput panjang.

Selain daripada penanaman padi, terdapat sebanyak 12% atau 6 orang yang bekerja sebagai buruh-buruh binaan, 5 orang atau 10% pemandu lori dan lain-lain buruh kasar. Pengelasan dari segi struktur pekerjaan di ketiga-tiga kampung ini masih lagi di peringkat rendah dan tradisional. Hanya terdapat seorang responden sahaja yang bekerja sebagai seorang guru. Terdapat juga yang melakukan kerja-kerja sampingan seperti menebas rumput di sawah padi dan tepi-tepi jalanraya, membuat rumah dan sebagainya.

2.4 Sosial

2.4.1 Institusi Kepimpinan

Ketiga-tiga Kampung Lanjut, Atong dan Telaga Dalam dikendalikan oleh satu Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) yang terdiri daripada beberapa orang ahli iaitu Pengurus, Setiausaha dan sepuluh orang Ahli Jawatankuasa. Pemilihan Ahli JKKK ini adalah berdasarkan kepada pemilihan komuniti kampung tersebut melalui mesyuarat yang diadakan pada kebiasaanya di awal tahun. Walaupun ia dipilih oleh penduduk kampung sendiri, tetapi pemilihan ini mestilah mendapat persetujuan daripada Penghulu Mukim Jabi terlebih dahulu dan seterusnya dirujukan pula kepada bahagian Pemuda UMNO Kuala Nerang. Oleh itu bererti

perlantikan ini mempunyai hubungkait dengan Parti UMNO. Dengan erti kata yang lain, mereka-mereka yang bukan daripada golongan UMNO, tidak dibenarkan menjawat sebagai ahli JKKK dalam kampung ini.

Jika dilihat dari segi keanggotaan ahli-ahli dalam parti politik, didapati hanya tiga komponan parti sahaja yang terdapat dalam ketiga-tiga kampung ini. Parti-parti tersebut ialah UMNO, PAS dan Parti MCA. Parti MCA keseluruhannya dianggotai oleh orang-orang Cina yang tinggal di pinggiran jalanraya perkampungan tersebut. Sebahagian besar daripada penduduk kampung terdiri daripada kumpulan Parti UMNO, selebihnya Parti PAS dan MCA. Jadual 2.3 di bawah menggambarkan pembahagian komponan parti di kalangan 50 orang responden.

Jadual 2.3

saudara sepupu, tetapi ideologi politik mereka adalah berbeza.

Keanggotaan Parti Politik
Mengikut Bilangan Responden

Parti	Bilangan	Responden
UMNO	59	78
PAS	5	10
MCA	2	4
Lain-lain tidak dinyatakan	4	8
Jumlah	50	100

Terdapat juga segolongan kecil yang enggan untuk menyatakan apakah ideologi parti yang dianggotainya.

Walaupun terdapat tiga golongan parti di dalam kampung ini, namun tidak ada krisis dan perbalahan yang nyata antara mereka sepetimana yang sedang hebat terjadi pada setengah komuniti yang lain. Hubungan antara anggota-anggota parti tersebut berjalan dengan baik. Responden dari Parti UMNO mempunyai pertalian yang rapat dengan responden daripada Parti PAS dan MCA. Dapat dirasai pengkaji sendiri semasa menjalankan kajian di mana mereka pernah berbual-bual bersama dan jelas menampakkan hubungan yang rapat dan mesra antara satu sama lain. Terdapat juga di kalangan responden yang mempunyai hubungan persaudaraan misalnya bapa saudara sepupu, tetapi ideologi politik mereka adalah berbeza. Hubungan baik antara sesuatu anggota parti dengan anggota parti yang lain dalam komuniti ini menunjukkan bahawa setiap individu sekurang-kurangnya dapat memahami bahawa keanggotaan dalam sebuah parti politik itu adalah merupakan hak masing-masing dan tidak boleh ditentukan atau ditetapkan oleh orang lain.

Hubungan politik yang baik ini juga secara tidak langsungnya memberi kesan terhadap organisasi sosial dan ekonomi dalam Kampung Lanjut, Atong dan Telaga Dalam ini. Misalnya dalam bidang sosial jika seseorang anggota komuniti mahu mengadakan kenduri mereka semuanya akan melibatkan diri untuk memberi sumbangan

masing-masing. Apa yang penting bagi mereka ialah perhubungan yang baik antara satu sama lain merupakan sesuatu yang rasmi dalam masyarakat Melayu lebih-lebih lagi kebanyakannya mempunyai hubungan tali persaudaraan antara satu sama lain. Keadaan seperti ini adalah sangat bermakna untuk mengwujudkan sebuah perkampungan yang aman dan makmur. Bagi pihak-pihak tertentu pula seperti agensi kerajaan faktor ini adalah penting bagi mereka untuk menjayakan sesebuah program pembangunan yang hendak dijalankan di perkampungan tersebut.

Selain daripada institusi politik seperti yang disebutkan di atas terdapat juga satu lagi jenis institusi sosial yang dikenali sebagai Pertubuhan Belia 4B cawangan Kampung Lanjut, Kampung Atong dan Kampung Telaga Dalam, Mukim Jabi. Pertubuhan ini ditubuhkan pada tahun 1979 dengan mempunyai beberapa alternatif yang tertentu. Bagaimanapun sejak dua tahun akhir kebelakangan ini, didapati pertubuhan ini tidak bergerak lagi disebabkan oleh tiadanya pemimpin-pemimpin dan ahli yang mahu bergerak cergas.

2.4.2 Kemudahan Infrastruktur

Ketiga-tiga Kampung Lanjut, Atong dan Telaga Dalam dihubungkan dengan bandar Alor Setar dan Pekan Kuala Nerang oleh sebatang jalanraya. Jarak di antara bandar Alor Setar dengan Kuala Nerang ialah 20 batu (32 km). Kenderaan yang utama bagi penduduk-penduduk kampung ini ialah bas. Bagi mereka masalah ini diatasi dengan manusia tidak semua yang dapat menikmati kemudahan

mengenai pengangkutan tidak begitu dihadapi, kerana terdapat sebanyak lima buah bas yang melalui jalan tersebut dan masa yang diambil ialah 30 minit bagi sebuah bas. Tidak ada perhentian bas yang utama yakni penduduk kampung boleh menunggu bas di mana sahaja yang mereka suka. Bagaimanapun terdapat sebuah pondok kecil yang didirikan oleh penduduk-penduduk kampung sebagai tempat untuk menunggu bas. Pondok kecil ini dikenali dengan nama 'wakaf'. Selain daripada bas, terdapat juga perkhidmatan teksi yang sentiasa berulang alik dari Kuala Nerang ke Alor Setar. Tambang bagi perjalanan menuju ke bandar Alor Setar ialah \$1.00 (seringgit) dan ke pekan Kuala Nerang ialah \$1.20 (seringgit dua puluh sen). Bagi teksi, tambang perjalanannya adalah tinggi sedikit daripada tambang bas.

Di antara ketiga-tiga kampung ini Kampung Lanjut merupakan satu-satunya kampung yang terletak berhampiran dengan jalanraya. Dalam kampung tersebut jalan-jalan yang utamanya dibina dengan tanah merah sahaja. Terdapat empat jalan utama yang menghubungkan antara kampung ini dengan jalanraya. Bagi Kampung Telaga Dalam, terdapat dua jalan yang utama yang lebih besar daripada jalan-jalan yang lain kerana ia sering digunakan oleh kenderaan-kenderaan besar seperti lori untuk mengambil tanah merah di hujung perkampungan tersebut.

Penduduk-penduduk Kampung Lanjut, Atong dan Telaga Dalam baru saja menikmati kemudahan elektrik selama tiga bulan semasa kajian ini dibuat. Bagaimanapun tidak semua yang dapat menikmati kemudahan

ini disebabkan ketidakmampuan mereka untuk membayar wang pendahuluan kepada pihak Lembaga Letrik Negara (LLN). Separuh daripada jumlah penduduk masih lagi menggunakan pelita minyak tanah sebagai sumber bahan api mereka.

Dari segi kemudahan bekalan air pula masih lagi belum terdapat kemudahan air paip. Oleh itu sejak turun-temurun lagi penduduk-penduduk kampung menggunakan air telaga sebagai sumber air yang utama. Kemudahan-kemudahan infrastruktur yang lain seperti Pejabat Pos, Balai Polis dan Klinik Kesihatan boleh didapati di Pekan Pokok Sena atau Pekan Kecil Langgar. Berhampiran dengan perkampungan tersebut didirikan sebuah klinik bidan untuk kegunaan ibu-ibu mengandung. Pihak Jabatan Kesihatan kawasan Pokok Sena juga telah menyediakan tandas curah untuk kegunaan kampung tersebut sebagai salah satu projek mereka. Bagaimanapun kemudahan ini tidak digunakan sepenuhnya. Didapati banyak tangki-tangki tandas diletakan di belakang rumah atau di pohon-pohon pisang sahaja.

2.4.3 Pelajaran

Berhampiran dengan kampung yang dikaji ini terdapat sebuah sekolah rendah dan sebuah sekolah menengah yang terletak di dalam Mukim Jabi. Sekolah rendah tersebut ialah Sekolah Kebangsaan Jabi dan sekolah menengahnya ialah Sekolah Menengah Pokok Sena II,. Jarak di antara kedua-dua sekolah tersebut dengan

kampung-kampung ini lebih kurang 0.75 batu (1.2 kilometer). Keseluruhan anak-anak penduduk kampung ini mendapat pendidikan di Sekolah Kebangsaan tersebut dan sekolah ini merupakan sebuah sekolah yang bersejarah kerana ia ditubuhkan sejak tahun 1940an lagi iaitu dalam zaman pemerintahan Jepun. Bagi kanak-kanak yang belum cukup umur pula terdapat sebuah kelas TADIKA di Masjid Kampung Jabi. Tetapi kemudahan ini tidak disambut baik oleh penduduk Kampung Lanjut, Atong dan Telaga Dalam.

Jika ditinjau dari segi tahap pelajaran, pencapaian yang didapati terlalu rendah. Setakat ini belum terdapat lagi generasi dari komuniti yang dikaji ini yang berjaya melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi. Tahap pelajaran yang setinggi-tingginya dapat dicapai hanyalah setakat tingkatan lima sahaja.

Dalam bidang keugamaan pula, terdapat sebuah surau yang didirikan oleh penduduk-penduduk kampung. Surau ini terletak di sempadan antara Kampung Lanjut dan Kampung Atong. Selain dari digunakan untuk sembahyang berjemaah pada setiap hari, ia juga digunakan untuk kelas mengaji Quran bagi kanak-kanak di ketiga-tiga kampung ini. Seorang guru wanita daripada Kampung Atong ditugaskan untuk mengajar kanak-kanak ini. Kadang-kadang surau ini juga digunakan untuk tujuan-tujuan lain seperti mesyuarat, perjumpaan-perjumpaan, jamuan dan sebagainya.

2.5 Penutup

Ditinjau secara keseluruhannya, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa ketiga-tiga Kampung Lanjut, Atong dan Telaga Dalam ini masih lagi tergolong sebagai kawasan kemiskinan. Ia bukan sahaja dilihat dari segi jumlah pendapatan yang diperolehi dalam setiap isi rumah di mana terdapat sebanyak 25 orang ketua keluarga dan 9 buah isi rumah yang memperolehi pendapatan antara \$0 - \$200 (lihat Jadual 2.4), tetapi juga daripada aspek lain seperti politik, ekonomi dan sosial.

Jadual 2.4

Pendapatan Ketua Keluarga dan Seisi Rumah

Bil. Pendapatan (\$)	Ketua Keluarga Seisi Rumah	Peratus Rumah	Peratus
\$0 - 100	7	14	2
\$101 - 200	18	36	16
\$201 - 300	9	18	24
\$301 - 400	2	4	8
\$401 - 500	8	16	18
\$501 - 600	4	8	8
\$600 ke atas	2	4	14
Jumlah	50	100	100

Dari segi kedudukannya pula, ia bukanlah merupakan sebuah kawasan pendalaman iaitu hanya kira-kira 9 batu sahaja daripada bandar Alor Setar. Perletakannya juga adalah di pertengahan dua bandar utama itu bandar Alor Setar dan Pekan Kuala Nerang. Bagaimanapun kawasan ini masih lagi merupakan kawasan luar bandar jika ditinjau dari beberapa aspek seperti kepadatan penduduk yang rendah, asas ekonomi, cara hidup dan sebagainya. Tiga asepk penting yang memperlihatkan kawasan ini sebagai ciri-ciri luar bandar ialah aspek persekitaran, aspek pekerjaan dan aspek sosio-budaya. (Kuvlesky: 1965).

Oleh itu perbincangan tentang peranan wanita ini dibuat dalam konteks masyarakat luar bandar. Ini memandangkan bahawa kepentingan peranan yang dimainkan itu tidak kurang sama pentingnya dengan wanita bandar. Kenyataan-kenyataan ini akan jelas dapat kita lihat di dalam perbincangan-perbincangan yang akan dibuat seterusnya.

Nota Kaki

- PERANAN WANITA DALAM KEDARAH DAN POLITIK
- 1 Mukim-mukim itu ialah Mukim Alor Malai, Alor Merah, Anak Bukit, Bukit ~~Lade~~, Bukit Pinang, Derang, Derga, Gajah Mati, Gunung, Lesong, Kota Setar, Kubang Rotan, Kuala Kedah, Pengkalan Kundor, Kangkong, Limpong, Langgar, Lengkuas, Lepai, Hutan Kempung, Padang Hang, Padang Lalang, Mergong, Sungai Baru, Pengkalan Kundur, Pumpong, Saleh Kecil, Jabi, Teluk Kechai, Teluk Chengai, Tebengau, Tualang, Titi Gajah, Telaga Mas dan Tajar.

Sumber: Nota Taklimat Pejabat Daerah Kota Setar 1983.

- 2 Perkhidmatan sosial di sini bermaksud klinik kesihatan, sekolah, pejabat pos, balai polis dan sebagainya.

Idak rasmi dan semula jadi. Peranan-peranan sebagai seorang isteri, ibu dan anggota dalam sebuah keluarga tergolong di dalam aspek idak formal ini. Nanakal peranan formal pula terdiri dari peranan secara rasmi atau yang mengikut kebiasaan, yang mempunyai ciri-ciri tertentu. Misalnya penglibatan wanita dalam KEMAS, Pergerakan Wanita UMMO dan sebagainya.

Adalah lebih penting dibincangkan lebih dahulu peranan wanita di dalam rumah tangga kerana bagi pengkaji, walaupun peranan yang dimintahkan oleh seorang wanita itu, mereka tidak akan terlepas dari peranan-peranan dan tugas dalam rumah tangga. Justeru itu peranan yang tidak formal ini tidaklah dapat diabaikan lagi akan kepentingannya. Sesudah kemajuan atau kejayaan yang tercapai itu bermula daripada rumah tangga dan dalam hal ini wanita sangat memainkan peranan yang penting sekali. Bersesuaian dengan pegangan adat Melayu dan agama Islam sendiri yang lebih menitikberatkan

BAB III

PERANAN WANITA DALAM BIDANG SOSIAL DAN POLITIK

3.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, perbincangan akan ditumpukan kepada peranan wanita dalam bidang sosial dan politik. Dua pembahagian utama dibuat iaitu peranan secara formal dan peranan secara tidak formal. Peranan secara tidak formal ialah yang berbentuk tidak rasmi dan semulajadi. Peranan-peranan sebagai seorang isteri, ibu dan anggota dalam sesbuah keluarga tergolong di dalam aspek tidak formal ini. Manakala peranan formal pula terdiri dari peranan secara rasmi atau yang mengikut kebiasaan, yang mempunyai ciri-ciri tertentu. Misalnya penglibatan wanita dalam KEMAS, Pergerakan Wanita UMNO dan sebagainya.

Adalah lebih penting dibincangkan terlebih dahulu peranan wanita di dalam rumahtangga kerana bagi pengkaji, walau apa peranan yang dimainkan oleh seseorang wanita itu, mereka tidak akan terlepas dari peranan-peranan dan tugas dalam rumahtangga. Justeru itu peranan yang tidak formal ini tidaklah dapat dinafikan lagi akan kepentingannya. Sesuatu kemajuan atau kejayaan yang tercapai itu bermula daripada rumahtangga dan dalam hal ini wanita sangat memainkan peranan yang penting sekali. Bersesuaian dengan pegangan adat Melayu dan ugama Islam sendiri yang lebih mementingkan

peranan-peranan wanita sebagai tokoh utama di dalam rumah tangga, menjaga dan mendidik kaum keluarga. Terdapat beberapa hadis dan ayat Al Quran yang menerangkan hal ini. Pendapat pengkaji ini juga selaras dengan pendapat beberapa tokoh misalnya Allahyarham Tuan Haji Abdul Razak, dalam ucapannya di Majlis Perayaan Hari Wanita pada 27 Oktober 1974,

"Kaum wanita hendaklah menitikberatkan tanggung jawab mereka dalam pendidikan anak-anak serta urusan rumah tangga. Kedua-dua peranan ini adalah sama pentingnya dijaga oleh kerana di samping mengejar kebahagian hidup, amatlah mustahak kita mewujudkan generasi muda yang berdisiplin, progresif dan bersopan santun" (Nik Safiah Karim, 1981: 17)

Terdapat segolongan penulis barat yang juga berpendapat sedemikian misalnya pada yang dikatakan oleh Rosaldo:

"Woman's motherhood and mothering roles seem to be the most important features in accounting for the universal secondary status of woman" (Rosaldo, 1974: 45)

3.2 Peranan Wanita Dalam Rumahtangga

Keluarga merupakan unit sosial yang terpenting sekali dalam mana-masyarakat sekalipun yang seharusnya dibangunkan oleh kaum wanita sendiri. Daripada unit keluarga itulah, masyarakat berkembang dan seterusnya pada unit yang lebih besar sehingga lah ke peringkat negara. Justeru itu peranan wanita akan bermula

daripada rumahtangga sebelum ia menceburkan diri dalam bidang-bidang lain seperti bidang ekonomi dan sosial. Misalnya jika ia aktif dalam kegiatan di luar rumahtangga sekalipun ia tidak akan terlepas dari tugas-tugasnya menjadi suri rumahtangga. Sedangkan jika ia hanya menjadi suri rumahtangga, tidak semestinya ia tidak terlibat dalam kegiatan ekonomi dan lain-lain aktiviti sosial. Hal ini jelas sekali dapat dilihat dalam konteks masyarakat yang dikaji ini. Oleh kerana peranan kaum wanita mempunyai hubungan dengan bentuk keluarga dan rumahtangga, maka adalah lebih baik difahami terlebih dahulu maksud kedua-dua organisasi itu.

Rumahtangga merupakan satu tempat kediaman di mana terdapatnya satu unit sosial yang terkecil sekali iaitu keluarga 'nuklear' (keluarga asas) atau juga terdapat unit sosial yang paling asas iaitu keluarga 'extended' (keluarga besar). Kelompok yang berdasarkan kediaman dalam sebuah rumah ini menjadi asas bagi seluruh organisasi masyarakat. Keluarga 'nuklear' berbentuk dua generasi yang dapat pula dibahagikan kepada dua jenis iaitu keluarga muda yang terdiri dari suami atau bapa, isteri atau ibu, dan anak-anak yang masih kecil, dan keluarga tua yang terdiri daripada suami atau bapa, ibu atau isteri, dan anak-anak yang sudah dewasa seperti anak-anak bujang dan dara. Manakala keluarga besar terdiri daripada samada satu keluarga 'nuklear' tua terdiri

dari ibubapa, dan adik beradik yang belum berkahwin dan satu keluarga muda dari seorang anak yang sudah bersuami dan beranak, atau satu keluarga 'nuklear' tua dan seorang anak yang janda dan anak-anaknya, atau satu keluarga 'nuklear' tua dan anak-anaknya yang janda.

Kelompok rumahtangga ini merupakan yang paling bermakna bagi individu-individu kerana sebahagian besar dari usaha dan tenaga mereka dicorakkan kepada kehidupan dan kebajikan kelompok ini. Kebiasaannya suami atau bapa menjadi ketua dalam rumahtangga tersebut. Smith R.T. mendefinisikan rumahtangga sebagai:

".... a group of people who habitually share a common dwelling and a common food supply... Domestic group may be made up of individuals between whom no kinship ties exists, and conversely members of one family may be distributed over two or more domestic groups" (Smith, 1972: 301)

Manakala keluarga pula dapat ditakrifkan sebagai suatu sistem sosial di mana anggota-anggotanya berinteraksi menurut cara-cara dan norma-norma yang dikenal dan mantap yang mempersatukan mereka (kerana ada kepentingan bersama dan sebagainya) dan yang membezakan mereka dari bukan anggota keluarga. Keluarga dan rumahtangga amat berkait rapat dan merupakan titik pertemuan yang paling erat antara kelompok-kelompok besar dalam masyarakat.

Ahli-ahli dalam sesebuah keluarga selain daripada keluarga 'nuklear' atau keluarga 'extended', juga mungkin terdiri daripada anak-anak yang dianggap sebagai anak angkat. T. Christensen juga berpendapat sedemikian dan mendefinisikan keluarga sebagai:

".... a family, consists of two or more persons living in the same household who who are related to each other by blood, marriage or adoption." (T. Christensen, 1967: 5)

Oleh itu ahli-ahli dalam sesebuah keluarga itu adalah dihubungkan melalui perhubungan darah, perkahwinan atau boleh juga melalui pengambilan anak angkat.

Didapati kedua-dua jenis bentuk keluarga asas dan keluarga besar terdapat dalam komuniti yang dikaji. Jadual 3.1 menunjukkan bilangan responden dan bentuk-bentuk keluarganya. Sebanyak 34 orang responden atau 68% terdiri dari keluarga asas manakala 16 orang lagi atau 32% terdiri daripada keluarga besar.

Jadual 3.2 pula menunjukkan purata anak yang dimiliki oleh responden. Hanya seorang responden sahaja yang langsung tidak mempunyai anak, 17 orang responden yang mempunyai anak yang separuhnya telah berkahwin dan separuh lagi belum. 18 orang pula mempunyai jumlah anak antara seorang hingga tiga orang.

Kedua-dua jadual ini menunjukkan bahan sebilangan besar responden
Jadual 3.1

bersama-sama keluarga. Jadi setiap responden itu seorangnya mempunyai peranan sebagai Bentuk-bentuk Keluarga Di Kalangan Responden

responden yang sama anaknya telah berkahwin. Namun menunjukkan

Bentuk Keluarga	Bil. (Orang)	Peratus
Keluarga asas (nuklear)	34	68
Keluarga besar (extended)	16	32
Jumlah	50	100

Jadual 3.2

Purata Anak Dengan Bilangan Responden

Jumlah Anak	Bil. Responden	Peratus
Tidak mempunyai anak langsung	1	2
Semua anak sudah berkahwin	5	10
Anak yang sudah dan belum berkahwin	17	34
1 - 3 orang	18	36
4 - 6 orang	7	14
7 ke atas	2	4
Jumlah	50	100

Kedua-dua jadual ini menunjukkan bahawa sebilangan besar responden mempunyai keluarga. Jadi setiap responden itu sememangnya mempunyai peranan sebagai suri rumahtangga. Walaupun terdapat 5 orang responden yang semua anaknya telah berkahwin, namun menunjukkan juga bahawa mereka telahpun melalui peranan ini.

Di antara anggota-anggota keluarga ini, memang telah jelas mengenai hak dan tanggungjawab masing-masing. Lazimnya bapa atau suami sebagai ketua dan isteri atau ibu bertindak sebagai pembantunya. Oleh kerana anggota-anggota sesebuah rumahtangga itu terdiri dari berbagai-bagi status, maka seseorang wanita itu mungkin memainkan berbagai peranan yakni samada sebagai kakak, isteri, ibu, nenek dan sebagainya, bergantung kepada corak hubungannya dengan setiap ahli dalam rumahtangga itu. Oleh itu dalam perbincangan ini, akan ditekankan peranan wanita di Kampung Lanjut, Atong dan Telaga Dalam yang utama iaitu sebagai isteri, ibu dan suri rumahtangga secara keseluruhannya.

3.2.1 Peranan Sebagai Isteri

Dalam membincangkan peranan wanita sebagai isteri dan ibu, terdapat beberapa kes dalam kawasan kajian ini yang mempunyai beberapa perbezaan di antara satu sama lain. Ini kerana di kalangan kaum wanita itu sendiri mempunyai beberapa ciri perbezaan dari segi aktiviti ekonomi dan sosial yang mereka lakukan.

Misalnya ada di kalangan mereka yang bekerja sebagai suri rumah tangga (20%), pekerja ladang getah (26%) petani dan pekerja ladang (44%) dan peniaga (10%). Oleh itu sedikit sebanyak aktiviti-aktiviti ekonomi ini mempengaruhi tugas-tugas mereka sebagai ibu atau isteri samada dari segi masa dan jenis-jenis kerja yang dilakukan.

Terlebih dahulu pengkaji akan membincangkan peranan sebagai seorang isteri atau suri rumah tangga yang tidak terlibat dengan aktiviti-aktiviti ekonomi. Perbincangan dibuat berdasarkan kepada keluarga angkat pengkaji sendiri yang dikenali sebagai Puan Fatimah di mana beliau tidak terlibat dengan mana-mana aktiviti ekonomi, maka didapati peranan yang dimainkan itu adalah berbeza dengan peranan yang dimainkan oleh responden lain yang juga merupakan seorang petani, peladang getah atau sebagainya.

Sebagai seorang suri rumah tangga, sejak dari awal pagi lagi, beliau akan bangun dan menunaikan sembahyang subuh terlebih dahulu. Biasanya beliau bangun antara pukul 6 hingga 6.30 pagi. Setelah selesai mengerjakan sembahyang subuh dan menyiapkan dirinya sendiri, barulah beliau masuk ke dapur untuk menyediakan sarapan terhadap suami dan anggota-anggota keluara yang lain. Masakan yang selalu disajikan seperti nasi goreng, jemput-jemput, goreng pisang dan sebagainya yang mudah untuk disediakan. Biasa juga mereka hanya bersarapan dengan roti atau biskut sahaja.

Ini tidaklah bererti bahawa beliau malas untuk menyediakan sarapan, tetapi hanyalah sekadar untuk menukar selera atau kadang-kadang juga kerana kesuntukan masa. Ketika ini juga dipastikan bahawa suaminya telah bangun.

Kalau mahu dibandingkan dengan pasangan suami isteri hari ini yang lebih moden didapati peranan yang dimainkan itu agak berbeza. Misalnya dalam kebanyakan pasangan suami isteri hari ini,(walaupun tidak semua) bila suami mahu ke tempat kerja, mereka akan menyediakan pakaian suami, memilih yang mana harus dipakai dan mengiringinya hingga ke muka pintu dan sebagainya. Hal ini jarang sekali diamalkan oleh responden ini, malah juga seluruh kaum wanita dalam komuniti ini. Namun tidaklah bermakna mereka tidak moden atau tidak mengambil berat terhadap suami, tetapi keadaan seperti ini merupakan satu kebiasaan kepada mereka yang memang telah lama mengamalkannya. Ini juga tidak bererti perhubungan antara beliau dan suami adalah secara serius. Mereka juga pernah berbual-buah mesra. Dalam ertikata yang lain perasaan saling memerlukan antara satu sama lain memang wujud pada pasangan ini. Misalnya pernah sekali ketika pengkaji berada di rumah tersebut terdapat tetamu yang datang, tetapi responden tidak ada di rumah. Jadi dirasakan oleh suaminya sesuatu yang tidak kena dalam melayan tetamunya itu.

Selepas daripada suami ke tempat kerja, dan anak-

anaknya ke sekolah, Puan Fatimah meneruskan kembali dengan tugas-tugasnya sebagai suri rumahtangga. Di antara kerja-kerja yang dilakukan pada waktu pagi ialah kerja-kerja di dalam rumah seperti mengemas tempat tidur dan menyapu sampah. Kemudian barulah beliau akan beralih kebahagian dapur. Di dapur banyak kerja-kerja yang dilakukan di antaranya ialah menyapu sampah, berkemas, membasuh pinggan mangkuk, periuk belanga dan sebagainya. Oleh itu masa yang diambil agak panjang untuk menyelesaikan kerja-kerja ini, lebih kurang sejam lamanya.

Oleh kerana tidak adanya bekalan air paip di kawasan ini, maka sumber bekalan air samada untuk minum, membasuh dan memasak adalah diambil daripada perigi. Jadi sebagai seorang suri rumahtangga, tugas ini juga tidak dapat dielakkan oleh responden. Biasa juga tugas ini dilakukan oleh suaminya sewaktu mandi atau mengambil air sembahyang.

Puan Fatimah mempunyai tiga orang anak, dua daripadanya telah bersekolah dan seorang masih lagi kecil. Jadi di samping menjalankan tugas sebagai seorang isteri, beliau juga tidak terlepas dari tugasnya terhadap anak-anak. Kebersihan sesebuah rumah adalah sangat penting pada pendapat Puan Fatimah kerana bagi seseorang suami apabila melihat rumah yang bersih dan teratur akan menenangkan fikirannya.

Setelah selesai dengan kerja-kerja di dapur beliau akan mandi dan membasuh pakaian, dan seterusnya mengampaikan. Kebiasaan dalam sesebuah masyarakat kampung soal penjagaan anak tidak begitu sangat dihadapi seperti mana di bandar. Misalnya soal kecurian, rompakan, pencolekan dan keselamatan anak-anak. Oleh itu selepas sahaja memandi dan memakaikan baju, dia akan membiarkan sahaja anaknya bermain dengan rakan-rakan sebaya dalam kampung tersebut tanpa perlu pengawasan yang rapi.

Bagi seorang suri rumah tangga yang tidak bekerja, masa lapang yang dapat dinikmati agak banyak. Setelah selesai dengan kerja-kerja di waktu pagi dan sebelum tibanya waktu untuk memasak, beliau akan berehat buat sementara. Waktu yang digunakan untuk menyediakan makanan tengahari ialah pada pukul 11.30 pagi. Kadang-kadang beliau menggunakan masa terluang tersebut untuk membuat kerja-kerja ringan seperti melipat pakaian, menge-maskannya di dalam almari dan menyapu sampah di halaman. Bahan-bahan makanan seperti ikan dan sayur didapati daripada kedai-kedai yang berhampiran dengan perkampungan tersebut. Kadang-kadang bahan-bahan ini dibeli oleh suaminya sendiri. Sebagai seorang suri rumah tangga dan isteri yang sentiasa mengambil berat terhadap suami, beliau selalu saja menyediakan makanan mengikut selera suaminya. Dengan sebab itulah responden ini lebih suka membiarkan suaminya sahaja yang membeli ikan dan sayur. Jelas dilihat contohnya sewaktu mengambil barang-barang tersebut,

diiringi dengan pertanyaan apakah yang perlu dimasak dengan bahan ini dan sebagainya.

Bagi keluarga ini, sesuatu yang mesti dilakukan pada ketika makan ialah, menghadapi hidangan bersama-sama. Hanyalah jika si suami memberitahu bahawa dia akan pulang lewat dan sebagainya, baharulah Puan Fatimah makan bersama-sama dengan anak-anaknya terlebih dahulu. Waktu makan juga digunakan untuk perbualan yang biasa. Sama seperti juga dengan beberapa orang responden yang lain, mereka sering ditinggalkan untuk beberapa hari disebabkan tempat kerja suami yang jauh. Bagi suami Puan Fatimah yang merupakan seorang peniaga seringkali mendapatkan barang-barang daripada Perak, Baling, Sik, Bukit Kayu Hitam dan sebagainya. Persefahaman daripada pihak isteri dalam hal ini adalah penting untuk menentukan suasana harmoni dalam sesebuah rumah tangga itu. Tugas untuk melayan tetamu atau kawan-kawan suaminya juga merupakan tugas Puan Fatimah terutama ketika suami tiada di rumah. Apa-apa hal atau peranan akan diberitahu kepada beliau. Ini menunjukkan bahawa isteri juga merupakan orang yang kedua atau pengganti kepada suami jika ia tiada di rumah.

Pada waktu petang digunakan untuk berehat. Jika suami ada di rumah, mereka akan berbual bersama-sama, membuat minuman untuk suami dan sebagainya. Berlaku satu bentuk perbualan yang tidak formal. Banyak perbincangan mengenai anak-anak, soal-

soal kerja dan juga soal-soal sehari-hari dalam perkampungan tersebut. Semua masalah akan dibincangkan bersama. Kalau ada jiran yang datang maka mereka akan melayaninya bersama atau di waktu begini juga digunakan untuk bertandang ke rumah jiran-jiran. Menyapu sampah di halaman, menyiram pokok-pokok bunga, dan mengangkat pakaian di jemoran juga dilakukan pada petang hari. Kadang-kadang tugas ini dilakukan oleh anak perempuannya.

Pada waktu malam tugas seorang suri rumah tangga menjadi agak ringan kerana mereka tidak perlu lagi memasak. Makanan yang dimasak pada siang tadi masih ada, hanya perlu untuk dipanaskan sahaja. Setelah selesai makan, mencuci pinggan mangkuk dan mengemaskannya juga dilakukan. Apa yang sering dilakukan oleh keluarga ini malah kini telah menjadi satu kebiasaan ialah mereka akan bersembahyang berjemaah bersama-sama. Ini juga menunjukkan bahawa beliau dan suaminya saling mengambil berat dan ingat-ingingati bukan sahaja dalam soal-soal kehidupan sehari-hari, tapi juga dalam soal berugama. Selepas makan malam, dan mengerjakan sembahyang Isyak, mereka sekeluarga menonton TV.

Pada waktu ini juga digunakan untuk berbual antara satu sama lain atau mengajar anak-anak membaca Al Quran. Dalam seminggu, terdapat sebanyak tiga atau empat kali yang digunakan untuk mengajar anak-anak mengaji Quran. Kalau tidak ada kesempatan baginya, maka tugas ini diserahkan pada suami sahaja. Kepenatan

di atas tugas-tugas yang dilakukan pada siang hari akan dapat dihilangkan apabila sampai waktu tidur di mana pada ketika ini mereka akan berehat dengan sepenuhnya. Keesokan harinya tugas yang sama juga akan dilakukan pula, begitulah hingga keseterusnya.

Corak kediaman bagi keluara ini ialah 'patrilocal'. Jadi Puan Fatimah juga sangat mengambil berat terhadap anggota-anggota keluarga suaminya. Soal-soal seperti kesihatan, keselamatan bukan sahaja ditumpukan pada suami dan anak-anak tetapi juga terhadap ibu dan bapa mertuanya. Kadang kalau membuat kuih muih atau masakan yang agak istimewa, maka beliau akan menghantarkan kepada bapa dan ibu mertuanya itu. Begitu juga dengan anggota keluarga yang lain seperti anak-anak saudara, adik ipar yang tinggal berdekatan dengan mereka sekeluarga. Tugas dan sikap yang ditunjukkan ini amat bererti bagi seorang suami yang sentiasa sibuk dengan tugas-tugasnya sehari-hari. Jadi apa yang dilakukan oleh responden ini merupakan sesuatu yang bernilai dan penting dalam mengwujudkan lagi persefahaman dan mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan antara mereka sekeluarga.

Oleh kerana dalam komuniti ini terdapat berbagai-bagi jenis struktur pekerjaan di kalangan kaum wanita maka didapati tugas-tugas yang mereka lakukan sebagai suri rumahtangga itu agak berbeza terutamanya dari segi peruntukan masa. Oleh itu perbincangan dibuat pula ke atas kes seorang suri rumahtangga yang juga terlibat dengan kegiatan ekonomi. Bagi responden yang

berada dalam keadaan seperti ini, tugas yang mereka lakukan itu adalah sama seperti responden yang pertama tadi. Responden biasanya bangun pada pukul 5.30 pagi dan menyediakan sarapan terlebih dahulu untuk suami dan anggota-anggota keluarga yang lain. Setelah itu beliau akan bersembahyang subuh dan mengemas-kan dirinya. Dipastikan juga anak-anak dan suami telah bangun. Biasanya makanan yang disediakan untuk bersarapan ialah makanan yang mengenyangkan seperti pulut, nasi goreng dan nasi lemak. Kadang-kadang dibekalkan untuk suami ke tempat kerja. Jika ada kesempatan baginya, beliau akan mencuci pinggan mangkuk, mengemas rumah dan menyapu sampah terlebih dahulu. Setelah itu baharulah turun ke ladang, lebih kurang pada pukul 6.15 pagi.

Semasa di ladang getah, peranan sebagai isteri akan bertukar pula pada peranan sebagai seorang penoreh getah. Responden selesai dengan kerja-kerjanya di ladang pada pukul 11 pagi. Setelah berehat beberapa waktu beliau akan mandi dan menyalin pakaian. Masa yang digunakan agak suntuk kerana banyak kerja-kerja yang harus diselesaikan pada waktu ini, contohnya mencuci pinggan mangkuk, mengemas rumah, memasak dan sebagainya. Kadangkala jika keadaan agak meletihkan, responden ini hanya memasak sahaja. Kerja-kerja seperti membasuh pakaian, mencuci pinggan mangkuk dan mengemas rumah dilakukan pada waktu petang.

Sama seperti juga responden yang pertama tadi, sebagai

seorang isteri responden ini juga sangat mengambil berat terhadap suaminya. Misalnya dari segi kesihatan, masalah-masalah di tempat kerja atau masalah sehari-hari. Penyediaan makanan pada setiap hari juga telah menunjukkan bahawa beliau mahukan ahli-ahli keluarganya terjamin dari segi pemakanan yang juga sangat penting untuk menjaga kesihatan. Tugas-tugas ini dilakukan dengan senang hati. Walaupun kepenatan masa bekerja masih lagi terasa. Bagi responden yang mempunyai anak-anak perempuan yang telah dewasa, pembahagian tugas akan berlaku, di mana kerja-kerja ringan seperti mencuci pinggan mangkuk, menyapu sampah akan diserahkan pada anak-anak perempuan tersebut. Keadaan ini terdapat seperti pada keluarga Puan Hasnah di mana kerja-kerja seperti tersebut diserahkan sahaja pada anak perempuannya.

Setelah selesai menghadapi makan tengahari dan menge-maskan apa yang dimakan itu, barulah responden dapat berehat dengan sepenuhnya. Waktu begini juga digunakan oleh beliau untuk berbincang dengan suami dan juga anggota-anggota keluarga yang lain. Segala masalah akan dibincangkan bersama-sama. Bagaimanapun kebanyakan responden seperti responden yang kedua ini menggunakan waktu petang iaitu antara pukul 2 hingga 4 petang untuk tidur. Tugas sebagai seorang isteri dan suri rumah tangga tidak pernah selesai di mana pada waktu petang mereka akan menyediakan minuman untuk suami. Biasanya disediakan kopi atau teh tanpa disertai dengan kueh muih. Menyapu sampah dan membersihkan

dilakukan pada waktu petang dalam tiga antara 4 kali seminggu. Pakaian di jemoran juga akan diangkat. Jika keadaan tidak melatihkan, responden juga akan mengambil air di perigi untuk dibawa ke rumah. Terkadang tugas ini diserahkan pada suaminya sahaja.

Apabila masuknya waktu malam, tugas-tugas seperti menutup tingkap, memasang lampu minyak dilakukan. Beliau juga akan mengerjakan sembahyang berjemaah dengan suami dan anak-anaknya. Selepas sembahyang Isyak, sekali lagi responden akan masuk ke dapur untuk menyediakan atau memanaskan makanan malam. Seseorang isteri akan dapat merehatkan diri setelah semua tugas-tugas di dapur diselesaikan. Sebelum memasuki ke tempat tidur, masa-masa yang terluang digunakan semada untuk menjahit, melipat pakaian atau membaca Al Quran. Anak-anak juga dikehendaki untuk membaca Al Quran pada ketika ini.

Bagi seorang responden yang bekerja sebagai pekerja ladang dan juga petani, tugas-tugas yang dilakukan adalah sama sahaja, cuma peruntukan masa yang diambil agak berbeza. Pada waktu petang mereka terpaksa turun ke sawah antara pukul 3 petang hingga 6 petang. Jadi tugas-tugas dan kerja-kerja dalam rumah-tangga dilakukan pada masa-masa yang terluang. Bagaimanapun, semasa kajian ini dibuat tidak terdapat kes perti ini yang di perhatikan kerana pada waktu itu belum tiba waktu orang mengerjakan sawah. Maklumat-maklumat hanya diperolehi melalui keterangan

daripada beberapa orang responden.

Sebagai seorang isteri, setiap responden akan sentiasa taat dan patuh pada perintah dari suaminya. Mereka juga akan turut meminta izin daripada suami apabila hendak melakukan sesuatu. Misalnya seperti apa yang dilakukan oleh responden pertama tadi yang bertujuan untuk membeli sejenis perabut. Tetapi kerana mendapat halangan daripada suami, beliau membatkannya sahaja. Hal ini menunjukkan bahawa seseorang isteri itu sanggup melepaskan hasratnya untuk menunjukkan ketaatan pada suami, dan ini adalah penting untuk menjamin keharmonian sesebuah rumah tangga itu.

3.2.2 Peranan Sebagai Ibu

Tidak dapat dinafikan bahawa anak-anak mempunyai hubungan yang lebih rapat dengan ibu daripada bapanya. Seorang bapa biasanya lebih ditekankan dengan tugas-tugas untuk mencari nafkah hidup pada ahli-ahli keluarganya, sedangkan soal-soal di rumah seperti hal ehwal anak-anak banyak diserahkan pada ibu. Dalam pada itu ini tidaklah bererti bapa atau suami tidak bertanggungjawab dan tidak memainkan peranan terhadap anak-anaknya, tetapi oleh kerana ibu lebih banyak masanya di rumah, jadi tumpuan yang lebih dapat diberikan daripada seorang bapa. Dengan tumpuan yang lebih ini juga membuatkan anak-anak lebih berkecondongan untuk rapat dengan ibu daripada bapanya. Bagi mereka, ibu ialah

tempat untuk mencerah segala masalah, dan mendapatkan kasih sayang. Bagi seorang bapa tugas untuk mencari nafkah hidup adalah tugasnya yang utama, jadi soal-soal dalam rumah tangga banyak diserahkan pada isteri yang kebanyakannya masanya terluang di rumah.

Keadaan-keadaan seperti ini jelas dapat dilihat pada keluarga responden yang pertama tadi. Sebagai seorang isteri yang banyak masa terluangnya di rumah, hal-hal yang bersangkutan dengan anak-anak menjadi tugasnya. Tugas sebagai seorang ibu juga bermula dari pagi di mana beliau akan mengejutkan mereka untuk ke sekolah, menyediakan sarapan dan sebagainya. Kadang-kadang jika sarapan berlebihan akan dibekalkan ke sekolah. Dengan ini juga akan dapat menjimatkan sedikit perbelanjaan sehari-hari kerana jumlah wang saku yang dibekalkan boleh dikurangkan. Secara tidak langsung, beliau juga cuba menanamkan semangat berjimat cermat dan sikap suka menabung pada anak-anak. Tugas-tugas harian seperti mencuci pakaian, memasak dilakukan pada waktu-waktu tertentu seperti yang telah diterangkan dalam peranan sebagai seorang isteri.

Selain daripada pelajaran di sekolah yang diberikan pada anak-anak, responden juga sangat mengambil berat dalam soal didikan ugama pada anak-anaknya. Sejak kecil anak-anak di atur dengan asas-asas ugama seperti bagaimana mengambil air sembahyang dan mengerjakan sembahyang lima waktu. Ini jelas dipraktikkan oleh anak-anaknya. Maka pada waktu malam mereka bersama-sama

berjemaah menunaikan sembahyang Maghrib dan Isyak. Puan Fatimah juga tidak ketinggalan untuk menghantar anak-anaknya mengaji Al Quran di masjid. Hal ini dilakukan apabila anak-anak menjangkau usia 7 tahun. Beliau sendiri juga terlibat dalam memainkan peranan seperti ini, di mana pada waktu malam anak-anaknya disuruh mengaji untuk mempercepatkan dan melancarkan bacaan Quran mereka.

Walaupun pencapaian pelajaran beliau sendiri tidak tinggi, tetapi Puan Fatimah juga mahukan anak-anaknya berjaya di dalam bidang pelajaran. Dengan hasrat inilah maka beliau sentiasa mengambil berat terhadap anak-anaknya. Soal-soal seperti pakaian sekolah, buku-buku dan peralatan lain disediakan dengan secukupnya. Beliau juga selalu mengingati agar anak-anaknya sentiasa mengulangkaji pelajaran mereka. Penyediaan makanan dan keperluan pelajaran yang cukup merupakan salah satu daripada usaha yang dijalankan agar faktor-faktor ini kelak tidak menjadi penghalang kepada pencapaian pelajaran anak-anak mereka. Bagi anak-anak yang belum bersekolah, keadaan yang sama juga dipraktikkan misalnya diajar mengenal huruf-huruf vokal sebagai permulaannya. Didikan akhlak dan moral juga diberikan pada anak-anak. Ini jelas dirasai pengkaji melalui penerimaan dan layanan kanak-kanak dalam masyarakat kampung ini terhadap pengkaji sendiri.

Tugas dan peranan yang dilakukan oleh setiap kaum wanita ini adalah sama antara satu sama lain. Setiap wanita

memainkan peranan yang penting dalam pembangunan fizikal dan mental anak-anak mereka. Pembentukan nilai-nilai fizikal, emosi, sosial dan kecerdasan otak terletak sepenuhnya pada kaum wanita yang mempunyai lebih banyak masa untuk bersama-sama dengan anak-anak mereka. Penyediaan makanan yang secukupnya, pakaian, segala kemudahan lain dan penjagaan kesihatan yang sempurna yang dilakukan oleh mereka merupakan satu ciri dalam perkembangan fizikal. Didikan anak-anak, nilai-nilai peribadi dan moral yang diberikan adalah penting untuk perkembangan mental kanak-kanak. Dalam soal kesihatan boleh dikatakan tugas ini sepenuhnya terletak pada kaum wanita. Apabila anak-anak sakit atau demam maka mereka akan membawanya untuk mendapatkan rawatan di klinik kesihatan, Pokok Sena.

Oleh itu bolehlah dikatakan bahawa peranan sebagai ibu yang dijalankan oleh kaum wanita di kawasan ini sebagai suatu yang 'ideal' yang menjadi ciri pada setiap kaum ibu. Walaupun mereka juga sentiasa sibuk dengan tugas-tugas di luar dan dalam rumah tangga sendiri, namun masih ada kesempatan untuk memberikan perhatian khas pada anak-anak. Dengan ini juga adalah diharapkan agar sumbangan dan peranan yang dimainkan itu akan melahirkan satu generasi yang baik dan sempurna demi untuk kepentingan pembangunan negara seterusnya.

3.2.3 Peranan Terhadap Lain-lain Anggota Keluarga

Selain daripada memainkan peranan sebagai ibu dan

isteri, terdapat juga di kalangan responden yang memainkan peranan pada lain-lain ahli yang menjadi anggota keluarganya seperti anak saudara, ibu saudara, ibu mertua, menantu, ipar dan sebagainya. Peranan-peranan yang dimainkan dalam sehari-hari itu adalah sama seperti peranan yang dimainkan sebagai isteri dan ibu. Hanya yang berbeza misalnya seperti yang terjadi pada responden yang ke 25 di mana terdapat seorang menantu yang tinggal bersama dengan keluarganya. Jadi kerja-kerja dalam rumah tangga dilakukan bersama dengan menantu. Bagaimanapun tidak ada pembahagian tugas yang nyata antara beliau dengan menantu. Jika tidak sempat untuk membuat sesuatu tugas itu, maka akan diserahkan pada menantunya. Dalam komuniti yang dikaji ini hanya terdapat satu kes sahaja seperti ini.

Selain daripada itu, terdapat juga di kalangan wanita yang memainkan peranan sebagai ibu saudara. Terdapat seramai tiga orang responden yang mempunyai status sedemikian dan seorang responden mempunyai status sebagai menantu. Tugas dan bidang kerja yang dilakukan adalah sama sahaja dengan apa yang dilakukan terhadap anak-anak dan suami, hanya wujud perbezaan dari segi corak perhubungan sahaja. Hubungan dengan ibu mertua juga adalah mesra tapi lebih berbentuk kepada perasaan hormat menghormati dan bertanggungjawab. Terdapat juga seramai 7 orang responden atau 14% yang memainkan peranan sebagai ~~wanek~~. Kebanyakan mereka yang mempunyai cucu yang

terdiri dari kalangan yang ada anak dewasa dan telah berkahwin.

Jadi cucu-cucu dijaga sama seperti anak mereka sendiri, malah kadang-kadang cucu lebih disayangi. Seramai tiga orang responden pula yang didapati memainkan peranan sebagai ibu mertua.

Walau terhadap siapa sekalipun peranan yang dimainkan itu, didapati semua peranan itu adalah mempunyai ciri yang sama sahaja. Tugas-tugas sebagai suri rumahtangga memang tidak dapat dielakkan oleh seseorang wanita itu. Meskipun ia memegang berbagai-bagai status dan peranan namun didapati semuanya adalah sama kerana tugas sebagai suri rumahtangga itu adalah berlingkar di sekitar rumahtangga sahaja. Jadi dengan sebab itulah jenis-jenis kerja dan aktiviti yang dilakukan adalah sama bagi semua kaum wanita. Misalnya mengemas rumah, mencuci pakaian, memasak memang tidak dapat dielakkan oleh kaum wanita. Peranan terhadap anak-anak juga adalah sama. Memberi mereka makan dan pakai yang secukupnya, memberi didikan pelajaran, ugama dan moral, menjaga kesihatan dan keselamatan adalah memang menjadi tugas dan tanggungjawab pada setiap ibubapa. Peranan ini memang didapati di kalangan kaum wanita dalam komuniti ini.

Jika ditinjau berdasarkan kepada perbincangan ke atas peranan wanita yang terlibat dengan aktiviti ekonomi dan tidak, maka didapati terdapat beberapa ciri perbezaan dari segi peranan yang dimainkan sebagai suri rumahtangga ini. Bagi kaum wanita yang tidak terlibat dengan aktiviti ekonomi, masa untuk di rumah adalah

Lebih banyak jika dibandingkan dengan wanita yang bekerja. Dengan ini juga mempengaruhi jenis-jenis kerja yang dilakukan. Misalnya mereka dapat menyelesaikan kerja-kerja mengikut waktu-waktu tertentu. Tetapi bagi wanita yang juga bekerja terpaksa lah membahagikan masa untuk di rumah dan di luar rumah. Mereka mempunyai masa yang agak suntuk untuk membuat kerja-kerja tersebut. Ini mengakibatkan masa rehat yang boleh dinikmati kurang jika mahu dibandingkan dengan kaum wanita yang tidak bekerja.

Kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa peranan yang dimainkan oleh kaum wanita sebagai seorang suri rumahtangga dalam komuniti ini adalah begitu penting sekali. Walaupun mereka juga sibuk dengan tugas-tugas untuk menambahkan pendapatan keluarga, namun tugas-tugas di dalam rumahtangga tidak pernah dilupakan. Pengorbanan mereka untuk merasa penat lelah di ladang dan sawah, adalah patut dihargai dan dipuji. Namun demikian tidak bermakna mereka yang tidak bekerja itu tidak membuat sumbangan kepada penambahan pendapatan keluarga. Sumbangan secara tidak langsung itu tetap bermakna dalam ertikata bahawa peranan mereka membolehkan kaum lelaki dapat bekerja untuk mencari nafkah hidup tenpa mempunyai keseimbangan tentang pengurusan rumahtangga termasuk penjagaan anak-anak. Kaum wanita mestilah membangunkan diri mereka sendiri serta keluarga baik dari segi saikologi, sosiologi dan ekonomi

untuk pembangunan keluarganya. Ini termasuklah baka dan penzuriatan, sistem 'reproductive', pelajaran dan cara mendidik anak dengan betul. Perhatian yang berat perlu diberikan untuk menjamin masa depan keluarga yang sihat dan bahagia. Keluarga dan rumahtangga nyatah merupakan titik pertemuan yang paling erat dan rapat antara kelompok-kelompok besar dalam masyarakat, dan pembangunan negara sebenarnya ialah jumlah pembangunan dalam tiap-tiap keluarga dalam sesebuah negara itu. Pendidikan anak-anak secara tidak rasmi oleh seseorang ibu adalah sebagai satu bidang pembangunan negara, sepertimana yang dikatakan oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak:

"Salah satu daripada bidang pembangunan

yang dapat diisi serta dijayakan oleh kaum wanita ialah pendidikan anak-anak dan urusan

suri rumahtangga" (Nik Safiah Karim, 1981: 42)

3.3 Peranan Wanita Di Luar Rumahtangga

Walaupun tugas seseorang wanita di dalam rumahtangga adalah begitu sibuk sekali, namun masih ada kesempatan bagi kaum wanita Kampung Lanjut, Atong dan Telaga Dalam untuk melibatkan diri dengan kegiatan-kegiatan di luar rumahtangga mereka. Selain daripada menceburi bidang pertanian dan lain-lain aktiviti ekonomi (akan dibincangkan dalam bab 4), kaum wanita dalam kawasan kajian ini juga terlibat di dalam bidang sosial. Kegiatan-kegiatan sosial ini telah membawa mereka keluar dari lingkungan rumahtangga.

Di antara aktiviti-aktiviti yang diceburi ialah Kelas Kemajuan Masyarakat (KEMAS) aktiviti-aktiviti keugamaan, aktiviti politik dan sebagainya. Dalam bahagian peranan wanita di luar rumahtangga ini juga akan dibincangkan mengenai hubungan wanita dengan jiran tetangga.

3.3.1 Wanita dan Jiran Tetangga

Satu ciri yang didapati di dalam komuniti yang dikaji ini ialah kebanyakan ahli-ahlinya bersaudara antara satu sama lain, samada saudara jauh atau dekat. Oleh itu bagi kaum wanita, kebanyakan jiran-jiran mereka juga adalah saudara masing-masing mereka sendiri. Dengan itu juga perasaan kekitaan dan perhubungan antara satu sama lain adalah lebih erat. Keadaan ini lebih ketara lagi terutamanya pada ketika mengadakan kenduri, aktiviti-aktiviti pekerjaan, dan lain-lain bentuk hubungan dan interaksi persempakaan.

Sifat bergotong-royong, bekerjasama dan tololong menolong adalah tidak asing lagi dalam sebuah komuniti kampung seperti Kampung Lanjut, Atong dan Telaga Dalam. Misalnya jika seseorang itu mahu membuat kenduri, maka pertolongan jiran tetangga adalah penting sekali. Dengan adanya pertolongan terutama daripada kaum wanita, kerja-kerja yang banyak dan berat akan menjadi ringan. Biasanya dua atau tiga hari sebelum diadakan majlis kenduri tersebut, mereka akan berulang alik ke rumah yang hendak mengadakan

kenduri itu. Di antara kerja-kerja yang dilakukan seperti memilih beras, membuat kerisek, dan sebagainya. Sumbangan yang diberikan lebih besar lagi apabila menjelangnya hari kenduri. Memotong bawang, sayur-sayuran, daging dan seterusnya memasak adalah semua dilakukan oleh jiran-jiran wanita. Manakala kaum lelaki biasanya terlibat dengan kerja-kerja membuat khemah, membeli barang, mencari kayu api dan sebagainya. Bagi masyarakat kampung, soal tolong menolong dan gotong-royong merupakan suatu fenomena sosial yang penting. Malah jika seseorang itu tidak terlibat dengan kegiatan-kegiatan seperti ini, dikatakan seolah-olah mereka tidak mahu mencampuri masyarakat. Oleh itu peranan seperti ini adalah terletak terutamanya pada kaum wanita. Sifat gotong-royong, tolong menolong, ziarah menziarahi ini juga diamalkan pada ketika jiran tetangga sakit dan kematian. Kaum wanita biasanya mengambil berat tentang anak-anak jiran mereka seolah-olah seperti anak mereka sendiri. Bagaimanapun ketika kajian ini dibuat tidak terdapat kes seperti ini. Oleh itu penerangan yang mendalam tidak dapat dilakukan. Segala maklumat diperolehi daripada keterangan-keterangan oleh responden.

Selain daripada aktiviti kenduri, kematian dan sebagainya, mereka juga bekerjasama dalam aktiviti pekerjaan, terutamanya dalam penanaman padi. Aktiviti yang sering diamalkan dikenali sebagai 'sistem derau'. Dalam kawasan kajian ini, masalah untuk

mendapatkan tenaga buruh merupakan satu masalah yang utama di perkampungan tersebut. Biasanya kaum wanita sahaja yang terlibat dengan 'sistem derau' ini. Dengan adanya sistem ini, sedikit sebanyak tugas-tugas dapat dikurangkan bebannya. Selain daripada itu ia juga akan dapat mengeratkan lagi hubungan dan tali persaudaraan antara sebuah keluarga dengan keluarga yang lain.

Aspek-aspek kerjasama dan bantu membantu yang di terangkan ini sedikit sebanyak membayangkan kepada kita bahawa dari segi perhubungan antara sesama anggota dalam komuniti tersebut adalah berjalan dengan begitu erat. Pepatah Melayu, Berat sama di pikul, ringan sama dijinjing menjadi pegangan mereka. Dalam hal ini kaum wanitalah yang banyak memainkan peranan jika mahu dibandingkan dengan kaum lelaki yang masanya banyak di tempat kerja.

3.3.2 Kelas Kemajuan Masyarakat (KEMAS)

KEMAS merupakan sebuah pertubuhan yang utama sekali dalam menjalankan kegiatan-kegiatan sosial dan politik dalam Kampung Lanjut, Atong dan Telaga Dalam. Dilihat dari namanya sendiri, dapat membayangkan bahawa KEMAS mempunyai matlamat untuk mamajukan masyarakat, khususnya terhadap wanita-wanita luarbandar. KEMAS sendiri mempunyai beberapa konsep misalnya untuk mengajar seseorang wanita itu kepada penyediaan makanan yang seimbang dan mementingkan zat-zat dalam bahan-bahan makanan, tidak membazir dan sebagainya. Ia juga bertujuan untuk mengajar cara-cara

mendidik anak-anak dengan betul, cara-cara mengasuh bayi, dan sebagainya. Di antara jenis-jenis kelas latihan yang diadakan oleh KEMAS ialah Kelas Ekonomi Rumahtangga iaitu mengajar masak memasak, membuat barang-barang supaya tahan lama dan sebagainya, kelas latihan kerja, mengajar asas-asas menjahit, membuat gubahan bunga-bungga dari bahan terbuang dan sebagainya dan akhir sekali ialah kelas ugama di mana ia memberi bimbingan ugama, mengajar mengaji Quran dengan tajuid yang betul, memberi ceramah-ceramah dan sebagainya.

Bagaimanapun konsep-konsep yang diaplikasikan dalam kawasan kajian ini masih lagi di peringkat rendah. Ia baru sahaja menjalankan perkhidmatannya hanya tiga bulan selepas kajian ini dibuat. Oleh itu segala aktiviti diperkenalkan sedikit demi sedikit, kerana bimbang jika kaum wanita di ketiga-tiga kampung ini tidak dapat menerima pembaharuan secara mendadak. Di antara kegiatan-kegiatan yang dijalankan setakat ini ialah kelas ugama iaitu memberi ceramah-ceramah ugama dan mengajar membaca Al Quran. Kegiatan ini dijalankan sebanyak seminggu sekali bagi setiap aktiviti iaitu hari Jumaat bagi kelas ceramah ugama dan hari Selasa bagi kelas membaca Al Quran. Sambutan baik daripada kaum wanita dapat dilihat melalui kehadiran mereka pada setiap kali ceramah dan kelas tersebut diadakan. Misalnya pada kali pertama didapati sebanyak 18 orang yang mengikuti kelas membaca Al Quran.

dan pada kali kedua pula sebanyak 25 orang. Bila ada kelapangan, maka mereka akan mengikuti kelas tersebut. Kelas ekonomi rumahtangga dan kelas latihan kerja juga cuba diperkenalkan sedikit demi sedikit. Setakat ini hanya baru 2 kali sahaja diadakan kelas tersebut. Sambutan lebih baik diberi pada kelas-kelas ugama daripada kelas ekonomi rumahtangga, kemungkinan di sebabkan kelas ini mengajar mereka pada asas-asas yang telah diketahui, malah menjadi amalan mereka pada setiap hari. Sedangkan bagi kelas ugama akan dapat menambahkan lagi ilmu ugama mereka.

Perangsang dan galakan daripada pihak suami lebih mendorongkan lagi kaum wanita untuk melibatkan diri dalam KEMAS. Misalnya kesanggupan suami untuk menjaga anak-anak atau menghantar isteri bagi yang berumah jauh merupakan satu kerjasama yang ditunjukkan. Satu masalah yang timbul bagi pihak pentadbiran KEMAS ialah tiada-satu dewan yang boleh digunakan untuk menjalankan aktiviti mereka. Oleh itu setakat ini, segala aktiviti dijalankan di sebuah rumah seorang responden iaitu Puan Sofiah Abdul Halim, yang terletak di dalam Kampung Telaga Dalam. Sejauhmanakah keberkesanan penglibatan KEMAS dalam komuniti ini tidaklah dapat dianalisa secara terperinci kerana usia penglibatannya adalah terlalu muda. Di samping itu juga belum lagi terdapat jumlah dan peratusan keanggotaan ahli-ahlinya. Bagaimanapun secara tidak langsungnya dapatlah dikatakan bahawa kaum wanita dalam komuniti ini mempunyai

kecenderungan dengan aktiviti-aktiviti yang diperkenalkan oleh KEMAS. Bagi KEMAS sendiri mempunyai potensi untuk mempertingkatkan diri, jika dilihat dari segi sambutan dan penerimaan yang diberikan.

3.4 Peranan Wanita Dalam Bidang Politik

Penglibatan wanita dalam bidang politik bukanlah satu perkara yang baru. Sejak zaman pra-merdeka lagi kita dapat i kaum wanita telah menunjukkan kecenderungan mereka di dalam bidang tersebut. Mereka telah sama-sama berjuang dalam UMNO dalam menentang proposisi 'Malayan Union'. Walaupun terdapat bukti-bukti yang menunjukkan kaum wanita telah melibatkan diri sedemikian rupa sejak zaman penjajah lagi, tapi bilangannya amat kecil. Masyarakat Melayu pada masa itu masih menganggap tempat kaum wanita hanyalah di rumah sahaja. Bagi masyarakat Melayu pada masa itu, bidang politik adalah satu bidang yang khusus untuk kaum lelaki. Pendapat sedemikian mungkin timbul disebabkan oleh sistem sosio-budaya yang terdapat dalam masyarakat, yang lebih menekankan tentang kurangnya kecekapan dan kesanggupan wanita berpolitik dan dengan ini mengurangkan pula 'sense of effectiveness' mereka. Robert E. Lane mengatakan:

"Wherever the consequences of women suffrage have been studied it would appear that women differ from man in their political behavior only in being somewhat more frequently to the personally emotional and aesthetic

aspects of political life and electoral campaign"
(Robert E. Lane, 1963: 388)

Dengan kemasukan idea-idea baru dari barat, akhirnya pandangan masyarakat Melayu terhadap kaum wanita yang menyertai kegiatan di luar rumah telah berubah. Dalam hal ini pengkaji cuba untuk memperlihatkan sejauhmanakah peranan kaum wanita Kampung Lanjut, Atong dan Telaga Dalam dalam bidang politik. Bagaimanapun perbincangan tidaklah dibuat sepertimana yang terdapat dalam aspek sosial dan ekonomi. Ini adalah kerana didapati peranan dalam bidang politik tidak begitu giat dijalankan.

3.4.1 Pertubuhan Wanita UMNO

Satu ciri yang umum di kalangan kaum wanita di kawasan kajian ini ialah menjadi pengikut atau penyokong mana-mana parti politik adalah berdasarkan kepada suami mereka. Oleh itu sebahagian besar responden menjadi penyokong parti UMNO. Penyertaan politik golongan wanita di perkampungan ini secara umumnya, tidak melibatkan diri mereka secara aktif dalam aktiviti-aktiviti politik. Bentuk penyertaan pada sebahagian besarnya dicirikan dengan hanya menjadi ahli biasa dalam organisasi politik dan separuh politik, menghadiri ceramah dan dialog serta mengundi pada masa diadakan pilihanraya. Jadual 3.3 di bawah menunjukkan tentang keahlian kaum wanita dalam pertubuhan-pertubuhan politik.

Jadual 3.3

Keahlian Kaum Wanita Dalam Politik

Keahlian	UMNO	PAS	MCA	LAIN-LAIN	Jumlah
Menjadi ahli	27	2	-	-	29
Bukan ahli	5	3	2	-	10
Tidak di nyatakan	7	-	-	4	11
Jumlah	39	5	2	4	50
Peratus	78	10	4	8	100

Walaupun penyertaan mereka tidak aktif tetapi terdapat juga sebuah Jawatankuasa Kecil Wanita UMNO di kampung tersebut yang mewakili cawangan Kampung Lanjut, Atong dan Telaga Dalam. Jawatankuasa Kecil tersebut terdiri daripada 13 orang yang terletak di bawah pentadbiran Pergerakan Wanita UMNO Bahagian Padang Terap. Dari segi fungsinya, jawatankuasa ini bertugas untuk menghadiri mesyuarat setiap kali diadakan oleh Pergerakan Wanita UMNO Bahagian Padang Terap diadakan. Kebiasaannya mesyuarat tersebut diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam masa dua bulan. Sebanyak dua atau tiga orang ahli jawatankuasa kecil ini akan turut menyertai mesyuarat tersebut yang diadakan di Dewan Seri Mahawangsa, Kuala Nerang.¹ Isu yang menjadi topik perbincangan di dalam setiap mesyuarat selalunya berkisar kepada perkara-perkara yang memajukan lagi Pergerakan Wanita UMNO seluruhnya.²

Hasil dari mesyuarat ini akan disampaikan pula kepada ahli-ahli jawatankuasa yang lain dan juga penduduk-penduduk kampung. Pergerakan Wanita UMNO Padang Terap adalah bertanggungjawab dalam mengatur dan mengemaskin perjalanan Pergerakan Wanita UMNO Bahagian Kampung Lanjut, Atong dan Telaga Dalam ini.

Jika ditinjau secara keseluruhannya dapatlah dikatakan bahawa peranan politik yang dimainkan oleh wanita-wanita di kawasan pengkaji ini tidak begitu ketara. Bagaimanapun sumbangan mereka yang agak ketara ialah dari segi jumlah undi pada masa pilihanraya diadakan. Semenjak pilihanraya 1959 lagi ramai yang berpendapat bahawa undi wanita adalah penting dalam menentukan kejayaan seseorang pemimpin.

"Wanita Melayu merupakan golongan yang ketara dalam barisan panjang di pusat pusat mengundi di mana-mana sahaja" (Manderson 1980:209)

Jadual 3.4 menunjukkan bilangan responden yang keluar mengundi dalam pilihanraya tahun 1982.

Dari jadual tersebut didapati sebanyak 31 orang atau 62% responden yang telah keluar mengundi ketika pilihanraya yang lalu. Sementara 10 orang lagi tidak mengundi dan 9 orang tidak menyatakan samada mereka keluar mengundi atau tidak. Dari itu jumlah undi yang disumbangkan adalah jauh lebih besar dari mereka yang tidak mengundi. Kaum wanita sememangnya dianggap orang yang

taat mengundi. Bilangan undi wanita semakin bertambah disebabkan "kesedaran politik kaum itu semakin bertambah pada masa sekarang".³

Jadual 3.4

Bilangan Responden Yang Keluar Mengundi-Tahun 1982

Pengundian	Bilangan	Peratus
Mengundi	31	62
Tidak mengundi	10	20
Tidak dinyatakan	9	18
Jumlah	50	100

Penglibatan kaum wanita dalam Kampung Lanjut, Atong dan Telaga Dalam dalam pertubuhan-pertubuhan sukarela seperti KEMAS⁴, Lembaga Pertubuhan Peladang dan sebagainya juga adalah merupakan sedikit sebanyak terdapat peranan mereka dalam politik. KEMAS juga dianggap sebagai sebuah organisasi separuh politik;

"Jika dilihat dari kacamata perlaksanaan kelas-kelas yang di bawah anjuran KEMAS ini merupakan salah satu jentera pentadbiran kerajaan, tetapi dari satu sudut lagi ianya untuk memberi fahaman kepada rakyat bahawa kelas tersebut tidak dikuasai oleh parti" (Norlizah Ali, 1983/84: 57).

Minat dan kecenderungan kaum wanita di kawasan kajian ini dalam politik boleh juga ditinjau dari segi penyertaan mereka

dalam ceramah-ceramah politik terutamanya di saat-saat pilihanraya. Lebih daripada separuh responden yang ditemui mengatakan mereka pernah mengikuti ceramah-ceramah politik. Daripada ceramah-ceramah ini, mereka telah didedahkan dengan konsep-konsep dalam politik. Mereka juga turut membuat kempen-kempen pilihanraya, tetapi terbatas hanya di kalangan komuniti sendiri sahaja.

Sebagai kesimpulan dapatlah dikatakan bahawa walaupun tidak ada penglibatan yang serius dalam bidang politik di kalangan kaum wanita Kampung Lanjut, Atong dan Telaga Dalam, tetapi sedikit sebanyak peranan ini telah wujud. Penglibatan dalam organisasi KEMAS menunjukkan bahawa mereka mempunyai kecenderungan terhadap jentera-jentera politik kerajaan. Dalam rumahtangga sendiri, wanita juga dapat mencerminkan peranan dari segi politik misalnya apa yang dikatakan oleh Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia yang pertama:

"Latihan anak-anak di tangan mereka (wanita) dan dengan itu bermaknalah kanak-kanak yang akan besar kelak akan mempunyai fahaman dan kesedaran politik" (Manderson, 1980: 306)

Ini menunjukkan peranan politik itu bukan sahaja berlaku di luar rumahtangga tapi juga boleh dimulakan dalam keluarga sendiri.

3.4.2 Wanita dan Politik: Kesimpulan

Jika mahu diteliti dari segi definisi penyertaan politik sebagai suatu aktiviti atau kegiatan yang dilakukan oleh individu yang dilakukan oleh individu yang dirasakan (oleh individu tersebut) boleh mempengaruhi pembuat keputusan kerajaan secara langsung atau tidak, maka boleh dikatakan bahawa penglibatan kaum wanita di kawasan kajian ini sebagai tidak dapat memenuhi definisi yang di nyatakan.

Perkara mengenai penyertaan wanita dalam politik telah selalu dijadikan sebagai satu bahan perbualan yang tidak begitu serius atau satu bidang kajian yang tidak begitu meluas di mana penyertaan itu dikatakan sangat berkurangan daripada yang sepatutnya berlaku. Perbahasan sering dibuat bahawa kegagalan wanita untuk menyertai organisasi parti politik secara berkesan atau dilantik ke perjawatan awam adalah satu hasil daripada konflik-konflik peranan yang patut diselesaikan oleh wanita sendiri. Almond dan Verba (1965) mendapati bahawa di mana sahaja hasil-hasil dari pergerakan wanita untuk mendapatkan hak mengundi itu dikaji, ia menggambarkan bahawa kaum wanita itu berbeza daripada kaum lelaki dalam tingkahlaku politik mereka. Kaum wanita selalunya bersifat lebih 'apathetic, parochial, conservative and sensitive to the personality emotional and esthetic aspects of political life and electoral campaigns'. (Dowse and Huges 1972: 192)

Terdapat juga tulisan-tulisan yang mengaitkan fenomena kekurangan penyertaan wanita dalam aktiviti politik kepada peranan wanita sebagai isteri dan ibu yang boleh dilihat sebagai peranan-peranan yang sangat akur dan tidak dapat memperbaikan corak pemikiran mereka. Sokongan diberikan terhadap teori pembelajaran peranan yang mengatakan bahawa:

"Lemahnya secara relatif, tenaga kesan politik kaum wanita adalah sebahagiannya dipengaruhi oleh sosialisasi penstreotaipan peranan

dan jantina daripada mereka kecil hingga dewasa". (Noraini Othman, Rokiah Ismail, 1984: 159)

Boleh dikatakan penyertaan wanita Kampung Lanjut, Atong dan Telaga Dalam dalam politik adalah diselubungi oleh beberapa set idea yang dipersepsikan yang wujud akibat dari kurang fahaman dan keraguan-keraguan tentang keupayaan dan tenaga politik wanita. Hal ini mempunyai hubungan dengan bentuk sosialisasi politik dan perkembangan tenaga kesan politik seseorang individu itu.⁵ Dari pada kajian-kajian lepas telah menunjukkan bahawa pada tiap-tiap peringkat sosial, kaum wanita secara umumnya didapati kurang berpolitik daripada kaum lelaki yang selanjutnya mengakibatkan penyertaan politik mereka kurang. (Duvergnr, Jacquette, Dowse & Huges, 1972) Keadaan-keadaan ini ternyata juga di kalangan kaum wanita di kawasan pengkaji. Kajian juga menunjukkan bahawa proses politik dikebanyakan wanita adalah kurang kadarnya, dan konsepsi-konsepsi mereka tentang

apa itu politik bolehlan dirumuskan sebagai tidak jelas, sempit dan terbatas. Konsepsi responden-responden tentang politik tidak berbeza dan pada sebahagian besarnya ia lebih kerap diidentifikasi dengan pihak pemerintah, organisasi, dan fungsi pemerintahan. Adalah dipercayai bahawa kaum wanita adalah kurang kesedaran politik disebabkan oleh kurang pendedahan kepada pelajaran serta pengaruh rumahtangganya sendiri yang membatalkan pendedahan wanita itu, kepada pengalaman dan pengetahuan politik. Bentuk dan kadar penyertaan merupakan faktor yang dominan dalam memperihalkan tentang pengetahuan, kesedaran dan tenaga kesan politik seseorang wanita baik di bandar maupun di desa. Golongan yang berpendapatan rendah secara umumnya tidak melibatkan diri mereka secara aktif dalam aktiviti-aktiviti politik. Bentuk penyertaan politik sebahagian besarnya dicirikan dengan hanya menjadi ahli biasa dalam organisasi politik dan separuh politik, menghadiri ceramah-ceramah dan dialog, serta mengundi pada masa diadakan pilihanraya.

Pada keseluruhannya, golongan wanita mungkin merasakan bahawa penglibatan mereka dalam aktiviti politik memberi kadar kepuasan yang sedikit atau tidak memberi kepuasan yang spontan serta apa-apa hasil yang positif secara terus menerus. Penyertaan politik itu pada umumnya difikirkan tidak sesuai dengan keperluan material diri mereka. Mereka merasakan tidak berkebolehan dan tidak cekap untuk mempengaruhi peristiwa dan pergolakan politik

dalam masyarakat mereka sendiri.

Note Kaki

Apa yang perlu ditegaskan di sini ialah satu tinjauan dan penganalisaan tentang penyertaan politik kaum wanita adalah kurang bermakna sekiranya ia tidak disandarkan atau dibidas dalam konteks keseluruhan sistem nilai yang ada dan berperanan dalam masyarakat beserta juga dengan objektif-objektif pembangunan masyarakat itu.

- 4 Penglibatan mereka dalam KEMAS telah dibincangkan dalam Peranan Wanita Dalam Bidang Sosial – bab 3, 2018 rujuk semula
- 5 Sosialisasi politik merupakan satu proses di mana seseorang individu itu dapat mengenal akan sistem politik dan dalam mana proses itu boleh berperanan menentukan persepsi-persepsi dan reaksinya terhadap fenomena politik

Nota Kaki

PERANAN WANITA DALAM BIDANG EKONOMI

- 1 Perah juga mereka tidak menghadiri mesyuarat tersebut di sebabkan oleh kegiatan-kegiatan lain yang dirasakan lebih penting
- 2 Sumber: Puan Aishah Mat Lazim - Ketua Pergerakan Wanita UMNO - Bahagian Padang Terap
- 3 Sumber: Zaiton Nasir, Wanita Dalam Politik Kualiti bukan Kuantiti yang dipentingkan, Dewan Masyarakat, April 1982 (12 - 13)
- 4 Penglibatan mereka dalam KEMAS telah dibincangkan dalam Peranan Wanita Dalam Bidang Sosial - bab 3. Sila rujuk semula
- 5 Sosialisasi politik merupakan satu proses di mana seseorang individu itu dapat mengenal akan sistem politik dan dalam mana proses itu boleh berperanan menentukan persepsi-persepsi dan reaksinya terhadap fenomena politik.

Padah umumnya definisi mengenai aktiviti ekonomi sering mengenepikan kaum wanita yang sebahagian besar terlibat dalam aktiviti pertanian, terutamanya mereka yang menjalankan kerja-kerja yang tidak dibayar atau seperti membantu suami di sawah-sawah padi, memoreh getah dan sebagainya. Perhatian dan tumpuan biasanya di berikan lebih kepada kaum lelaki sedangkan bagi kaum wanita usaha dan sumbangan tersebut hanyalah diberi perilitaran yang rendah. Prof. Ahmad mengatakan:

"..... a farmer is valued on the basis of the rice he grows, but his wife's part on processing, it is not considered in economic activity. Nor is her role in poultry raising, growing vegetable, fruits, making household clay utensils, mats, fans, and preservation of seeds pickles dry fish, dahydratect

BAB IV

PERANAN WANITA DALAM BIDANG EKONOMI

4.1. Pendahuluan

Dalam bab ini akan dibincangkan peranan dan penglibatan kaum wanita dalam bidang ekonomi. Didapati dalam komuniti yang dikaji ini, penglibatan mereka adalah begitu besar sekali. Boleh dikatakan 90% daripada kalangan responden yang terlibat di dalam aktiviti-aktiviti ekonomi. Akan disentuh juga mengenai faktor-faktor umur dan tahap pelajaran untuk melihat adakah ia mempunyai kaitan dengan struktur pekerjaan dalam komuniti ini.

Pada umumnya definisi mengenai aktiviti ekonomi sering mengenepikan kaum wanita yang sebahagian besar terlibat dalam aktiviti pertanian, terutama mereka yang menjalankan kerja-kerja yang tidak dibayar upah seperti membantu suami di sawah sawah padi, menoreh getah dan sebagainya. Perhatian dan tumpuan biasanya di berikan lebih terhadap kaum lelaki sedangkan bagi kaum wanita usaha dan sumbangan tersebut hanyalah diberi penilaian yang rendah. P. Ahmad mengatakan:

"..... a farmer is valued on the basis of the rice he grows, but his wife's part on processing, it is not considered in economic activity. Nor is her role in poultry raising, growing vegetable, fruits, making household clay utensils, mats, fans, and preservation of seeds pickles dry fish, dahu/ratrect

rice etc., ever taken into account...." (1975: 25)

Dalam semua masyarakat baik desa maupun bandar kerja umumnya merupakan suatu kegiatan yang asas dalam penghidupan penduduk. Namun demikian pandangan tradisional sering menganggap bahawa sumbangan sosio-ekonomi kaum wanita sebagai sesuatu yang bercorak 'menyokong'¹ sahaja.

Peranan ekonomi kaum wanita dalam keluarga telah terlalu lama diperkatakan sejak pada generasi yang melampau, samada di perkecil-kecilkan atau diabaikan langsung. Pada umumnya peranan umum wanita dalam setiap jenis masyarakat manusia boleh diterangkan oleh konsep tiga peranan iaitu 'breeder - feeder, producer' (Boulding, 1977: 55). Peranan sebagai 'breeder' telahpun dibincangkan dalam bab 3 yang lalu. Ketiga-tiga peranan yang dimainkan ini masih berterusan hingga kini. Tetapi anggapan mengenai peranan dan sumbangan sosio-ekonomi mereka tidak semestinya berbentuk terus menerus menyokong. Bahkan dalam keadaan tertentu peranan dan sumbangan ini dapat mempertahankan kedudukan status, sosio-ekonomi dalam sesebuah keluarga itu. Sumbangan kaum wanita telah ada yang bercorak positif lebih-lebih lagi bila seseorang wanita itu merupakan ketua keluarga dan terpaksa menyara hidup keluarganya akibat kematian atau ditinggalkan suami.

Untuk perbincangan dalam bab ini pekerjaan telah difasirkan

sebagai aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh individu samada yang boleh mendatangkan upah atau pendapatan atau tidak. Pekerjaan-pekerjaan itu tidak kira samada dilakukan di dalam rumah sendiri seperti mengambil upah menjahit, membuat kuih dan sebagainya atau di luar rumah seperti menoreh getah, dan menanam padi. Dalam komuniti yang dikaji ini didapati sebanyak 40 orang responden yang terlibat dengan kegiatan-kegiatan ekonomi di luar rumah.

Kerja yang dilakukan samada mendatangkan upah atau hanyalah sebagai pembantu atau pekerja keluarga yang tidak bergaji. Walaupun tidak diberi gaji, namun kerja yang disumbangkan itu amat bermakna sekali dalam usaha untuk membantu suami dan mengurangkan beban kerja yang ditanggung. Sebanyak 12 orang daripada kalangan responden yang merupakan pekerja keluarga yang tidak bergaji, manakala 27 orang lagi menjadi pekerja yang mendapat gaji atau upah yang berasingan dengan suami mereka. Responden yang tidak bekerja pula sebanyak 10 orang. Walaupun mereka tidak bekerja dalam ertikata yang sebenarnya, terdapat juga di antaranya yang masih mampu untuk memberi sumbangan dalam bidang ekonomi. Misalnya menolong suami pada musim penanaman padi. Di kalangan 10 orang itu sendiri, hanya seorang responden sahaja yang tidak bekerja kerana suaminya mempunyai kemampuan yang lebih. Bagi responden lain pula, ada di antaranya yang mengalami masalah kesihatan, masalah pengjagaan anak dan sebagainya, yang menjadi penghalang kepada mereka untuk bergiat dalam bidang ekonomi. Hal ini telah dapat menunjukkan bahawa sumbangan dan tenaga daripada

Jadual 4.1

Tahap Pelajaran Yang Dicapai Oleh Responden Mengikut Umur dan Hubungannya dengan Status Pelajaran.

Umur (Tahun)	TAHAP PELAJARAN YANG DICAPAI					Jumlah	STATUS PEKERJAAN				
	Tidak Berse- kolah	1-3	4-6	Ting- katan 1-3	Tingkatan 4 ke atas		Majikan	Pekerja Bergaji	Kerja Sendiri	Pekerja keluarga yang tidak bergaji	Tidak kerja
0 - 20	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
21 - 40	5	5	10	3	1	24	-	11	1	4	8
41 - 60	16	3	3	-	-	22	-	6	8	5	2
61 ke atas	4	-	-	-	-	4	-	1	-	3	1
Jumlah	25	8	13	3	1	50	-	18	9	12	11
Peratus	50	16	26	6	2	100	-	36	18	24	22
											100

Daripada struktur pekerjaan yang dilihat ini dapat menunjukkan kepada kita bahawa kemahiran dan kelulusan tidak penting untuk menentukan struktur pekerjaan seseorang responden itu. Di kalangan responden yang bekerja sendiri hanya 4 orang sahaja yang dapat melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah manakala separuh daripada bilangan responden iaitu 25 orang tidak bersekolah langsung dan 21 orang lagi bersekolah antara darjah satu hingga darjah enam. Jadi tahap pelajaran yang dicapai ini adalah tidak penting untuk menentukan pencapaian status pekerjaan seseorang. Sebagai contohnya responden yang bersekolah menengah tadi masih juga mempunyai status pekerjaan yang sama dengan responden yang tidak bersekolah atau yang bersekolah rendah sahaja. Dari segi umur dengan tahap pelajaran yang dicapai pula didapati jumlah yang paling tinggi yang tidak bersekolah ialah antara umur 41 tahun hingga 60 tahun. Sebanyak 16 orang yang tidak bersekolah pada tahap ini dan 6 orang lagi bersekolah rendah sahaja. Masih juga terdapat responden yang umurnya antara 21 tahun hingga 40 tahun yang tidak bersekolah iaitu sebanyak 5 orang, manakala 15 orang lagi bersekolah hingga setakat sekolah rendah dan 4 orang lain ke sekolah menengah, (Jadual 4.1)

Jadual 4.2 pula menunjukkan hubungan di antara faktor umur dengan struktur pekerjaan dalam komuniti ini. Didapati tahap umur yang paling giat bekerja ialah antara 21 tahun hingga 40 tahun.

Jadual 4.2
Umur Responden Dengan Struktur Pekerjaan

Umur (Tahun)	STRUKTUR PEKERJAAN				Jumlah
	Suri Rumahtangga	Pekerja Estet	Pekerja Estet & Penanam Padi	Berniaga	
0 - 20	-	-	-	-	25
21 - 40	7	10	7	4	21
41 - 60	2	3	12	5	4
61 ke atas	1	-	3	-	50
Jumlah	10	13	22	10	100
Peratus	20	26	44	-	-

Sebagaimana yang dilihat pada Jadual 4.2, jumlah responden yang berumur di bawah 20 tahun adalah 25 orang. Jumlah responden yang berumur 21 hingga 40 tahun adalah 21 orang. Jumlah responden yang berumur 41 hingga 60 tahun adalah 4 orang. Jumlah responden yang berumur 61 tahun ke atas adalah 5 orang. Jumlah responden yang berumur di bawah 20 tahun adalah 25 orang. Jumlah responden yang berumur 21 hingga 40 tahun adalah 21 orang. Jumlah responden yang berumur 41 hingga 60 tahun adalah 4 orang. Jumlah responden yang berumur 61 tahun ke atas adalah 5 orang.

Sebanyak 10 orang yang bekerja sebagai pekerja estet dan 7 orang lagi terlibat dengan kedua-dua kegiatan iaitu pekerja estet dan penanam padi. Di kalangan responden yang tidak terlibat dengan kegiatan ekonomi juga banyak tergolong dalam kategori umur ini. Walaupun berusia telah lanjut, namun masih ada di kalangan responden yang terlibat dengan bidang pekerjaan. Sebanyak 3 orang atau 6% dari kalangan responden yang berumur lebih dari 61 tahun yang bekerja. Apa yang penting di dalam struktur dan status pekerjaan ini ialah iaanya tidak dipengaruhi oleh mana-mana faktor samada faktor umur, atau tahap pelajaran yang dicapai. Responden yang mempunyai tahap pelajaran di peringkat sekolah menengah masih juga mempunyai struktur dan status pekerjaan yang sama dengan responden-responden yang tidak bersekolah langsung misalnya. Begitu juga dengan faktor umur. Samada seseorang itu tergolong dalam kategori umur tua, atau dewasa masih juga melakukan jenis-jenis pekerjaan yang sama. Jelasnya faktor umur dan kelulusan pelajaran tidak penting dalam menentukan struktur pekerjaan di Kampung Lanjut, Atong dan Telaga Dalam. Jadual 4.1 dan 4.2 menerangkan dengan lebih lanjut lagi mengenai keadaan ini.

4.1.3 Pendapatan

Sepintas lalu, dapat dibuat kesimpulan bahawa masalah keselesaan dan kemudahan pada anak-anak. Misalnya kemudahan dan kesihatan, pelajaran sosial dan sebagainya. Dengan sebaliknya, jika itu lah sebenarnya merupakan diri di dalam apa saaja kegiatan ekonomi

dilihat dari segi tahap umur sendiri, masih terdapat yang bekerja, walaupun berusia tua. Misalnya, yang berumur lebih daripada 50 tahun. Sedangkan taraf pencen bagi seseorang itu bekerja ialah antara umur 45 tahun hingga 50 tahun. Dengan ini mereka tidak mengambil kira, walaupun telah tua dan tenaga menjadi kurang mereka sanggup juga untuk bekerja bagi mendapatkan wang. Pendapatan atau upah yang tetap yang diperolehi pada setiap hari menambahkan lagi galakan mengapa mereka bekerja. Dengan ini juga sedikit sebanyak akan dapat memberi sumbangan dalam pendapatan keluarga mereka:

".... as a consequence of the greater dependence of the cash economy on wages for survival on the low level of wages commanded by male workers, many more married women are now forced to work outside the home to supplement the household income." (Hing Ai Yun, 1984: 10)

Daripada 50 orang responden sebahagian besarnya mengatakan mereka bekerja adalah untuk mendapatkan wang. Pendapatan yang diperolehi oleh seorang suami adalah tidak mencukupi untuk menampung sebuah keluarga lebih-lebih lagi bagi sebuah keluarga yang besar. Seorang wanita sebagai suri rumah tangga sudah semestinya lah mahukan anggota keluarganya sentiasa di dalam keadaan sempurna termasuklah dari segi material bagi memberi keselesaan dan kemudahan pada anak-anak. Misalnya kemudahan dari segi kesihatan, pelajaran, sosial dan sebagainya. Dengan sebab itulah mereka melibatkan diri di dalam apa saja kegiatan ekonomi

asalkan ianya mendatangkan hasil. Bagi responden yang tidak mendapat upah pula, kerja yang mereka lakukan itu sedikit sebanyak akan dapat mengurangkan beban suami. Kadang-kadang mereka mengambil alih tugas suami, dan suami mereka boleh mencari pekerjaan yang lain. Dengan ini juga akan dapat menambahkan pendapatan keluarga. Jadual 4.3 menunjukkan pendapatan yang diperolehi oleh responden dan dibandingkan pula dengan pendapatan suami mereka.

Jadual 4.3

Perbandingan Pendapatan Antara Responden dan Suami

Pendapatan (\$)	Bil. Suami	Peratus	Bil. Isteri	Peratus
0 - 100	7	14	10 + (12)	42
101 - 200	18	36	9 + (+1)	20
201 - 300	9	18	3	6
301 - 400	2	4	3	6
401 - 500	8	16	1	2
500 ke atas	6	12	-	-
Jumlah	50	100	50	100

- Angka-angka dalam kurungan menunjukkan bilangan yang berstatus sebagai pekerja keluarga yang tidak bergaji yang diberi nilai terhadap kerja-kerja yang dilakukan itu.

Jika dilihat pada pendapatan suami terdapat sebanyak tujuh orang yang hanya memperolehi pendapatan antara \$0 - \$100.00 sementara 18 orang lagi atau 36% yang mempunyai pendapatan antara \$101.00 hingga \$200.00. Peratus ini adalah yang tertinggi dari pada tahap-tahap pendapatan yang lain. Hanya 8 orang sahaja yang memperolehi pendapatan \$400.00 lebih dan 6 orang lagi memperolehi pendapatan \$500.00 ke atas. Jika dilihat pada paras pendapatan yang diperolehi, sebahagian besar daripada kalangan suami responden yang mempunyai pendapatan di bawah paras kemiskinan. Oleh itu dengan adanya penglibatan daripada isteri, akan dapat menambahkan lagi jumlah pendapatan itu. Sebanyak 10 orang responden yang memberi sumbangan dalam jumlah pendapatan antara \$0 - \$100.00. Sementara 12 orang lagi responden yang mempunyai status kerja sebagai pekerja keluarga yang tidak bergaji. Meskipun pada hakikatnya tugas mereka hanya sekadar membantu suami, tetapi jika dinilai kerja-kerja yang mereka lakukan ini, maka gaji yang diterima oleh suami itu haruslah dikongsi. Dari segi penentuannya pada tingkat pendapatan \$0 - \$100.00 ini merupakan yang paling tinggi iaitu 42%. Terdapat juga sebilangan responden yang dapat memberi sumbangan sehingga melebihi daripada \$300.00. Golongan ini mungkin mempunyai saiz keluarga yang besar dan memerlukan pendapatan yang lebih untuk menyarai keluarga. Dalam keadaan inflasi yang wujud kini dan memandangkan pendapatan yang mereka perolehi itu berada di sekitar garis kemiskinan maka kehidupan keluarga mereka, terutama

yang mempunyai ramai tanggungan, sentiasa dalam keadaan tidak kecukupan. Lantaran itu sumbangan ekonomi daripada ahli-ahli lain, khususnya isteri dalam sesuatu keluarga itu adalah penting.

4.2 Aktiviti-Aktiviti Ekonomi

Di antara aktiviti-aktiviti ekonomi yang diceburi oleh kaum wanita dalam kawasan kajian ini terbahagi kepada dua iaitu bidang pertanian dan bukan pertanian. Bidang pertanian pula terdapat dua jenis aktiviti yang utama itu aktiviti di sawah padi dan di ladang getah. Sementara bidang bukan pertanian pula ialah berniaga. Berniaga yang dimaksudkan ialah berniaga secara kecil-kecilan atau lebih tepat lagi dikatakan sebagai peraih.

4.2.1 Kegiatan Bercorak Pertanian

a. Perladangan Getah

Walaupun bekerja di ladang getah hanyalah sebagai pekerja di ladang-ladang majikan dan bukannya milik mereka sendiri, tetapi nampaknya kebanyakannya responden lebih berminat dengan pekerjaan ini. Ini adalah kerana dengan bekerja sebagai pekerja estet, sekurang-kurangnya pendapatan yang mereka perolehi adalah pendapatan tetap. Dalam seminggu responden bekerja sebanyak enam hari di mana pada hari Jumaat, mereka diberi cuti oleh majikan. Ladang-ladang getah ini terletak di pinggiran perkampungan tersebut. Responden biasanya memulakan kerja mereka pada pukul 5.30 pagi dan

pulang pada pukul 11 pagi apabila kerja-kerja tersebut selesai. Kerja-kerja yang dilakukan ialah menoreh dari satu pokok ke satut pokok dan pada masa yang tertentu, mereka akan memungut susu-susu getah tersebut. Sebuah ladang adalah begitu besar untuk di kerjakan oleh hanya seorang pekerja. Oleh itu ia dibahagikan kepada beberapa bahagian yang dikenali sebagai 'block' dan bagi setiap 'block' ini terdapat pula beberapa orang yang sama-sama mengerjakannya. Gaji biasanya dibayar mengikut jumlah susu yang dapat dihasilkan oleh setiap orang. Jika dikira dari segi masa yang dihabiskan di ladang, adalah lebih kurang 6 jam. Walaupun jumlah jam bekerja ini singkat, tetapi responden terpaksa ke ladang pada pagi hari. Sebagai seorang isteri dan ibu tentulah responden mesti menyediakan sarapan untuk keluarganya. Dengan ini sudah mestinya lah dia bangun terlebih awal dari masa untuknya pergi kerja. Setelah pulang dari ladang, terpaksa pula menghadapi tugas-tugas sebagai seorang suri rumah tangga. Jadi tugas setiap kaum wanita di kampung tersebut boleh dikatakan tidak pernah terhenti. Mereka hanya mempunyai waktu untuk berehat pada waktu petang sahaja. Terdapat juga responden yang mempunyai status pekerjaan sebagai pekerja keluarga yang tidak bergaji, di mana mereka hanya membantu tugas-tugas suami mereka. Misalnya suami yang uzur dan tidak terdaya untuk menghabiskan tugas-tugasnya seorang diri. Jadi uarga dengan adanya bantuan isteri, sekurang-kurangnya tugas ini dapat

diringankan. Oleh itu gaji hanyalan dibayar pada suami tersebut. Bagaimanapun pengkaji juga turut mengira gaji bagi mereka yang bekerja sebagai pekerja keluarga yang tidak bergaji ini mengikut kerja-kerja yang mereka lakukan. Samada lumayan atau tidak gaji yang mereka perolehi, adalah bergantung kepada musim iaitu musim hujan atau panas. Jika musim hujan, jumlah susu getah yang dapat dipungut adalah sedikit dan ini turut menjelaskan pendapatan mereka. Manakala pada musim panas pula, pendapatan yang diperolehi agak lumayan. Jika ditinjau dari segi kerja yang dilakukan itu adalah tidak seimbang dengan gaji yang diperolehi. Purata pendapatan yang diperolehi bagi setiap hari adalah \$3.00 sehari. Sedangkan kerja-kerja yang dilakukan adalah begitu berat sekali. Keadaan ini lebih dirasakan jika pekerjaan tersebut dilakukan oleh seorang wanita.

Oleh itu sumbangan yang diberikan oleh kaum wanita di Kampung Lanjut, Atong dan Telaga Dalam adalah begitu besar sekali. Di samping tugas-tugas di luar rumah tangga ini, mereka tidak dapat tidak melepaskan diri dari tugas-tugas sebagai seorang suri rumah tangga. Kerja-kerja yang mereka lakukan itu harus diberi penilaian yang besar bukan sahaja terhadap ahli keluarga tetapi juga dari segi menambahkan sumber pendapatan keluarga atau sekurang-kurangnya meringankan beban suami dalam usaha untuk menyarai anggota keluarganya.

b. Penanaman Padi

Walaupun tanah-tanah sawah dimiliki sendiri, tetapi kegiatan di perladangan getah adalah lebih penting. Ini adalah kerana mengikut keterangan daripada responden bahawa pendapatan dalam menoreh getah adalah lebih tinggi daripada pendapatan dalam penanaman padi. Jadual 4.2 menerangkan tentang jumlah responden yang terlibat dalam kegiatan penanaman padi. Biasanya kegiatan ini dilakukan bersama-sama dengan kegiatan lain seperti di ladang getah, berniaga dan sebagainya. Penanaman padi di kawasan kajian ini dijalankan setahun atau semusim sekali. Pengeraannya bergantung kepada musim hujan. Biasanya pada bulan Mei, mereka mula mengerjakan sawah padi. Tidak ada kemudahan taliair di kawasan ini yang membolehkan sawah-sawah padi dikerjakan dua kali setahun. Dengan itu banyak tanah-tanah sawah dibiarkan kering kontang hingga beberapa jangka masa yang lama. Dengan sebab inilah juga maka kebanyakan penduduk di kampung tersebut lebih suka bekerja di estet-estet walaupun bekerja di bawah majikan.

Dalam bidang penanaman padi, kerja-kerja yang dilakukan oleh kaum wanita ialah menanam dan memotong padi. Bagi responden yang memiliki tanah sawah sendiri juga turut terlibat dalam peringkat penyediaan tapak semaihan, membersihkan petak-petak sawah atau merumput dan sebagainya. Selepas beberapa lama, tapak semaihan tersebut dipindahkan. Kerja-kerja pemindahan ini dilakukan

oleh kaum wanita. Begitu juga dengan kerja-kerja semasa menanam. Semuanya dilakukan oleh kaum wanita. Biasanya seseorang wanita itu tidak akan terdaya menghabiskan kerja-kerja tersebut seorang dirinya, lebih-lebih lagi bagi mereka yang mempunyai tanah sawah yang banyak. Pada tahap inilah kaum wanita yang tidak mempunyai tanah sawah memainkan peranan mereka dalam bidang penanaman padi. Mereka akan mengambil upah yang biasanya dibayar mengikut keluasan tanah yang dikerjakan. Misalnya bagi 1 relong sawah padi, upah tanamannya ialah \$65.00. Oleh itu jika 5 orang mengerjakan 1 relong tersebut, maka wang \$65.00 itu akan dibahagikan, yakni tiap seorang akan memperolehi \$13.00. Bagi serelong tanah itu biasanya dapat dihabiskan dalam masa sehari, jika ramai yang mengerjakannya. Selain daripada sistem upahan terdapat juga sistem derau² yang dijalankan di kalangan kaum-kaum wanita Kampung Lanjut, Atong dan Telaga Dalam. Di samping dapat meringankan dan mempercepatkan kerja, sistem derau ini juga dapat mengeratkan lagi perhubungan di antara satu sama lain di kalangan responden dan juga dapat menambahkan semangat tololong menolong di kalangan mereka. Obligasi sosial yang dijalankan ini merupakan satu fenomena yang biasa di kalangan komuniti yang dikaji. Peranan ini adalah lebih dipentingkan terhadap kaum wanita daripada kaum lelaki.

Kaum wanita sekali lagi memainkan peranan apabila tiba musim memotong padi atau 'mengerat'. Tugas ini keseluruhan nya dilakukan oleh mereka, manakala kerja-kerja memukul dilakukan

oleh kaum lelaki. Walaupun telah terdapat teknologi moden dalam pemotongan pokok-pokok padi, tetapi di kampung tersebut kemudahan ini belum lagi dapat dinikmati dengan sepenuhnya. Oleh itu tenaga kaum wanita memanglah sangat-sangat diperlukan. Upah atau bayaran yang diperolehi adalah sama seperti dengan kerja-kerja menanam iaitu \$65.00 bagi 1 relong.

Bagi responden yang bekerja di estet getah, apabila tiba musim pengeraian padi, mereka akan meninggalkan kerja tersebut buat sementara dan menumpukan perhatian aktiviti di sawah padi. Tugas-tugas di estet diserahkan kepada anak-anak mereka yang dewasa atau anggota-anggota keluarga yang lain. Terdapat juga setengah responden yang pergi ke estet di sebelah pagi dan ke sawah padi di sebelah petang. Ini terutamanya dilakukan di kalangan responden yang mengambil upah di sawah-sawah kepunyaan orang. Pengambilan tenaga antara kaum lelaki dan wanita adalah sangat penting dalam aktiviti penanaman padi. Jika tidak adanya penyertaan mana-mana pihak, maka kerja-kerja tidak akan dapat dilakukan dengan sempurna.

c. Penanaman Sayur-sayuran

Aktiviti di ladang getah dan sawah padi telah cukup untuk membuktikan bahawa kaum wanita sangat memainkan peranan penting dalam usaha untuk menambahkan pendapatan keluarga. Tetapi

mereka masih lagi merasakan bahawa sumbangan yang diberikan itu tidak mencukupi. Dengan sebab itulah maka kaum wanita mengambil inisiatif lain untuk menambahkan lagi pendapatan atau sekurang-kurangnya mengurangkan perbelanjaan. Apa yang dilakukan oleh mereka ialah tanah-tanah di belakang-belakang rumah digunakan untuk menanam sayur-sayuran seperti terung, cili, timun, kacang-kacang dan sebagainya. Serai, lengkuas dan kunyit juga ditanam. Jika hasil-hasil ini melebihi, mereka akan menjualnya, walaupun pendapatan yang diperolehi tidak seberapa, tetapi sekadar untuk mengurangkan perbelanjaan sehari-hari sudah dapat diatasi. Bagaimanapun kebiasaan hasil-hasil tanaman ini hanya digunakan untuk makanan sehari-hari.

4.2.2 Kegiatan Bercorak Bukan Pertanian

a. Bidang Perniagaan

Perniagaan yang dimaksudkan dalam perbincangan ini ialah perniagaan secara kecil-kecilan. Lebih tepat lagi ia dikenali sebagai penjaja. Terdapat sebanyak 5 orang responden yang benar-benar melakukan aktiviti ini. Seorang daripadanya membuka kedai makan di tepi jalanraya di perkampungan tersebut. Bagi yang menjual hasil-hasil yang dijual ialah sayur-sayuran dan pucuk-pucuk kayu seperti kunyit, serai, lengkuas, terung, dan juga lain-lain jenis pucuk kayu. Bahan-bahan jualan ini

biasanya ditanam sendiri, tetapi untuk membanyakkan jenis-jenis jualan itu, mereka membelinya pula dari jiran-jiran tetangga. Jadi secara tidak langsung, responden lain juga turut terlibat dalam perkhidmatan jual beli ini. Kadang-kadang pucuk pucuk kayu hanya dikutip dari hutan-hutan yang berhampiran dengan perkampungan tersebut. Biasanya hasil-hasil ini dijual di pasar besar Alor Setar. Responden akan bertolak dari rumah mereka pada pukul 7 pagi dan pulang mengikut jualan mereka. Jika jualan mereka laris, mereka akan pulang lebih awal. Kebiasaanya pada waktu tengahari responden telahpun berada di rumah mereka. Pada waktu petang digunakan pula untuk mendapatkan sumber-sumber untuk dijual keesokan harinya. Kadang-kadang mereka juga dibantu oleh anggota keluarga yang lain misalnya anak-anak lelaki yang telah dewasa. Purata pendapatan yang diperolehi ialah \$3.00 sehari. Sepintas lalu, pendapatan sebanyak ini adalah sedikit, tetapi responden terpaksa juga melakukannya kerana bagi mereka hanya inilah satu-satunya yang dapat mereka lakukan.

4.3 Lain-lain Kegiatan Ekonomi

Selain daripada tiga kegiatan ekonomi yang disebutkan di atas, terdapat juga kegiatan-kegiatan lain yang dilakukan secara kecil-kecilan yang dapat membantu pendapatan keluarga atau sekurang-kurangnya mengurangkan perbelanjaan sehari-hari.

Misalnya terdapat 5 orang responden yang mengambil upah menjahit pakaian. Tempahan biasanya dibuat oleh penduduk-penduduk kampung tersebut sendiri dan juga beberapa orang yang tinggal di kampung yang berhampiran. Selain dari itu kebanyakan responden mempunyai mesin jahit sendiri, jadi mereka dapat menjahit sendiri pakaian keluarga mereka. Jadi dengan adanya mesin jahit ini, mereka tidak perlu lagi mengupah pakaian-pakaian mereka. Selain dari menjahit pakaian sendiri, terdapat juga responden yang membela ayam itek. Tetapi jumlah yang dibela ini hanyalah cukup untuk kegunaan keluarga sahaja. Dan ini sudah tentulah dapat mengurangkan perbelanjaan dapur, misalnya daging dan telur ayam boleh dibuat sebagai lauk. Kalau ayam dan telur-telur itu berlebihan, mereka akan menjualnya kepada jiran tetangga. Pendekata, kaum wanita dalam komuniti yang dikaji ini akan melakukan apa sahaja untuk mendapatkan wang di samping tidak mengenepikan soal-soal rumahtangga misalnya soal kesihatan keluarga, pelajaran anak-anak dan sebagainya.

4.4 Pemilikan Harta

Sumbangan dan peranan yang diberikan oleh kaum wanita di Kampung Lanjut, Atong dan Telaga Dalam bukan sahaja terhadap kerja-kerja yang dilakukan. Mereka juga turut memberi sumbangan dari segi pemilikan harta seperti tanah, rumah, barang kemas dan lain-lain lagi jenis harta. Jadual 4.4 menunjukkan bilangan responden dalam soal pemilikan harta.

Jadual 4.4

Bilangan Responden Dalam Pemilikan Harta

Jenis Harta	Bilangan	Peratus
Tanah	17	34
Rumah	5	10
Tapak rumah	4	8
Barang Kemas	40	80

Didapati sebanyak 17 orang responden atau 34% yang memberi sumbangan dalam soal pemilikan tanah. Keluasan tanah yang dimiliki itu antara 1 - 3 ekar. Terdapat juga seorang responden yang memiliki hingga 4 ekar tanah. Empat orang responden memiliki tapak rumahnya sendiri. Sementara lima responden lagi memiliki rumah. Pemilikan harta yang berbentuk tanah, tapak rumah dan rumah ini biasanya di perolehi secara warisan. Dalam soal pemilikan barang kemas, sebahagian besar dari jumlah responden memiliki iaitu 40 orang atau 80%. Kebanyakan barang-barang kemas ini dibeli ketika responden melangsungkan hari perkahwinan mereka dahulu.

Sumbangan dari segi pemilikan harta juga adalah penting, kerana dalam keadaan-keadaan yang terdesak harta-harta ini sangat berguna sebagai satu cara untuk mendapatkan wang. Misalnya dari segi pemilikan barang-barang kemas. Jika responden atau ahli-ahli

keluarganya menggunakan wang yang melebihi daripada apa yang mereka ada, maka barang kemas ini boleh digadai buat sementara. Selalunya pada masa awal persekolahan di mana anak-anak yang bersekolah memerlukan perbelanjaan yang banyak. Jika wang simpanan tidak mencukupi, mereka akan menggadaikan barang kemas yang ada itu.

4.5 Organisasi Kutu

Satu amalan baik yang wujud di kalangan kaum wanita kawasan kajian ini ialah sistem kutu sebagai satu langkah mereka dalam penambungan. Ia juga merupakan satu sistem kredit yang mempunyai fungsi yang tidak kurang pentingnya dalam bidang ekonomi. Dalam komuniti ini sistem kutu lebih dikenali dengan nama 'main kut':

Biasanya permainan ini tidak mempunyai had maksima dari segi bilangan ahli-ahlinya. Jumlah ahli adalah mengikut persetujuan masing-masing, misalnya jika satu-satu kumpulan kutu itu bersetuju untuk mendapatkan ahli sebanyak 10 orang, maka mereka akan mempelawa kepada sesiapa sahaja di kalangan rakan-rakan untuk mencukupkan bilangannya. Tidak ada ciri-ciri utama dalam pemilihan ahli-ahli. Orang yang mula-mula sekali mengesyorkan untuk bermain kutu ini biasanya dilantik menjadi ketua. Beliau kemungkinan telah biasa bermain kut dan menjadi ketua, jadi pengalaman, di samping

sifat kepercayaan yang diberikan kepadanya juga merupakan ciri mengapa beliau dilantik menjadi ketua. Jumlah dan masa wang yang akan dipungut bagi setiap orang ahli adalah mengikut persetujuan semua anggota-anggota kut atau kadangkala boleh juga ditentukan oleh ketua sendiri. Misalnya jika mereka bersetuju untuk mengutip sebanyak \$15.00 seorang dan jangkamasa penerimaannya ialah satu bulan bagi setiap orang, maka jumlah yang akan diterima ialah \$150.00.

Pada bulan pertama, ketua terlebih dahulu mendapat keistimewaan untuk menerima wang kutipan disebabkan kelebihannya untuk memegang wang kutu tersebut. Pemilihan seterusnya dijalankan secara sistem mengundi samada dibuat sekali sahaja atau setiap kali wang itu hendak diterima.

Dari segi kepentingannya, sistem kutu ini dapatlah dikatakan sebagai satu langkah yang diambil oleh kaum wanita untuk mengatasi masalah-masalah ekonomi. Ia juga merupakan satu sistem kredit yang menggalakkan kaum wanita untuk menabung dan mengamalkan sifat berjimat cermat kerana setiap hujung bulan kutipan akan dibuat. Wang yang dikumpul ini akan disimpan bagi kegunaan masa-masa yang terdesak, contohnya untuk perbelanjaan di awal persekolahan, penyediaan untuk hari raya dan sebagainya. Terdapat juga di kalangan mereka yang menggunakan untuk faedah mereka sendiri seperti membeli barang

kemas atau pakaian. Apa yang menjadi masalah bagi pengkaji ialah untuk mendapatkan maklumat sepenuhnya misalnya berapa jumlah yang yang mereka terima, dengan siapa bermain dan sebagainya. Kemungkinan perasaan takut dan curiga untuk menyatakan keadaan yang sebenarnya menyebabkan kaum wanita masih ragu-ragu untuk memberi keterangan. Jadi yang diketahui bahawa sistem ini wujud dalam komuniti tersebut tetapi siapa yang mengamalkannya tidak dapat dikesani.

Selain daripada kepentingan ekonomi, permainan kut ini juga mempunyai kepentingan dari segi fungsi sosial. Keanggotaan antara ahli-ahlinya akan dapat mengeratkan lagi perhubungan antara mereka. Kepercayaan dan amanah yang diberikan pada orang lain untuk menjaga wang sendiri merupakan ciri terpenting dalam mengwujudkan persefahaman dan pengetahuan hubungan antara mereka.

4.6 Kesimpulan

Daripada perbincangan-perbincangan yang dibuat dalam berbagai-bagai aktiviti ini, tidaklah dapat dinafikan lagi akan kepentingan peranan yang dimainkan oleh kaum wanita dalam bidang ekonomi. Dalam segala aspek kaum wanita di Kampung Lanjut, Atong dan Telaga Dalam turut sama-sama berganding bahu dengan kaum lalaki dalam melakukan kegiatan ekonomi. Tugas-tugas sebagai suri rumah-tangga haruslah diberi penilaian dan penghargaan yang besar. Jika tiadanya peranan yang dimainkan itu, kemungkinan sesbuah keluarga itu tidak dapat mencapai kesempurnaan hidup sepetimana yang terwujud dalam konteks masyarakat itu sekarang.

Nota Kaki

- 1 Konsep menyokong memberi implikasi bahawa wanita memainkan peranan yang kurang penting dari segi membantu kaum lelaki, sedangkan apa yang sepatutnya ialah dalam hubungan kerja antara mereka seharusnya dilihat sebagai saling membantu, iaitu kedua-dua pihak memainkan peranan yang positif, saksama (equal) serta sama pentingnya.
- 2 'Sistem derau' merupakan satu konsep kerjasama atau gotong-royong yang dijalankan oleh beberapa orang dalam satu kumpulan di mana setiap anggota dalam kumpulan tersebut dengan sukarelawan akan menyumbangkan tenaga masing-masing apabila tiba giliran sesuatu aktiviti penanaman padi dijalankan keanggotaan dalam kumpulan ini tidak ada had minima dan maksimanya dengan tujuan-tujuan asas adalah untuk meringankan kerja dan mengurangkan belanja di samping mempunyai fungsi sosial yang lain.

BAB V

RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Sepintas lalu sebelum membuat rumusan mengenai tajuk apa yang dibincangkan ini, terlebih dahulu pangkaji akan menyentuh beberapa aspek yang terdapat dalam Kampung Lanjut, Atong dan Telaga Dalam yang menjadi pendorong kepada penglibatan kaum wanita dalam bidang sosio-ekonomi. Selain daripada itu aspek-aspek atau faktor-faktor yang menjadi penghalang juga akan dibincangkan. Semoga dengan adanya perbincangan mengenai hal ini, akan dapat memberi jalan kepada kaum wanita di kawasan ini untuk memperbaiki keadaan mereka. Kebanyakan kaum wanita dalam masyarakat luar bandar ini yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti ekonomi terdiri daripada kalangan miskin. Mereka merupakan golongan petani yang tidak bertanah langsung atau mempunyai tanah, tetapi bidang tanah yang dimiliki itu tidak mencukupi.

Perbincangan-perbincangan yang dibuat dalam bab 3 dan 4 menunjukkan bahawa peranan yang dimainkan oleh kaum wanita dalam komuniti yang dikaji ini dalam bidang sosio-ekonomi begitu berkesan sekali. Walaupun mereka sentiasa sibuk dengan tugas-tugas terhadap keluarga namun masih ada kesempatan bagi mereka untuk melibatkan diri dengan kegiatan-kegiatan di luar rumah seperti dalam bidang ekonomi, sosial dan politik.

Setelah penelitian dibuat, didapati berbagai-bagi faktor dan sebab-sebab yang membuatkan kaum wanita dalam Kampung Lanjut, Atong dan Telaga Dalam melibatkan diri terutamanya dalam aktiviti-aktiviti ekonomi.

Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam perbincangan lain, bahawa faktor kewangan merupakan punca utama mengapa kaum wanita bekerja, kerana didapati sebanyak 36 orang dari 50 orang suami responden mempunyai pendapatan yang kurang daripada \$400.00. Malah 25 orang daripadanya mempunyai pendapatan yang tidak sampai \$200.00 sebulan. Oleh itu jika dilihat dari segi jumlah pendapatan yang diterima oleh pihak suami ini adalah tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan sebuah keluarga, apatah lagi jika keluarga itu merupakan sebuah keluarga yang besar. Perbelanjaan yang banyak harus dikeluarkan untuk anak-anak dan anggota keluarga yang lain. Kebanyakan responden yang bekerja mempunyai bilangan anak yang ramai. Setelah anak-anak membesar dan bilangannya ramai, maka perbelanjaan keluarga akan bertambah dari masa ke semasa. Sedangkan bagi pendapatan di pihak suami pula tidak meningkat. Dengan pendapatan yang tidak seberapa itu, sudah semestinya lah tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan keluarga. Dengan sebab itulah maka para isteri bekerja dengan harapan wang upah yang diperolehi itu akan dapat mengurangkan beban suami dalam mencari nafkah hidup.

Keadaan ini menjadi lebih ketara lagi dalam keadaan ekonomi sekarang di mana semua barang-barang meningkat harganya. Dalam ertikata yang lain kos hidup semakin meninggi sedangkan perolehan tidak juga bertambah. Peningkatan dalam kos hidup itu mengakibatkan pula perbelanjaan yang tinggi. Biasanya apabila mahu berbelanja dan wang tidak mencukupi maka mereka akan berhutang. Oleh itu, jika seseorang isteri itu bekerja juga akan dapat mengurangkan keadaan ini. Sekurang-kurangnya dengan ada bantuan daripada mereka itu pergantungan tidak sahaja pada penat lelah suami, tetapi isteri juga turut bersama-sama berusaha.

Selain daripada alasan yang diberikan itu, kaum wanita di kawasan ini melibatkan diri dengan kegiatan-kegiatan ekonomi juga disebabkan oleh keadaan kerja yang bersesuaian dengan mereka. Corak pekerjaan yang berbentuk tradisional yang tidak memerlukan sebarang kelayakan dan kemahiran teknikal. Jadi ini bersesuaian dengan diri mereka yang tidak mempunyai tahap pelajaran yang tinggi. Separuh daripada jumlah responden tidak bersekolah langsung, manakala 21 orang pula hanya bersekolah setakat sekolah rendah sahaja. Walau pun mereka mempunyai pendidikan yang kurang dan tidak ada kemahiran-kemahiran teknikal yang lain, mereka masih lagi mempunyai peluang untuk bekerja. Dengan menjadi seorang pekerja di ladang getah, mereka juga berpeluang untuk mendapatkan upah dan pendapatan yang tetap setiap hari. Walaupun bayaran yang diberi itu tidak seberapa,

namun mereka rasa berpuashati kerana sekurang-kurangnya wang yang diperolehi itu sudah mencukupi untuk perbelanjaan bagi sehari. Wang gaji suami pula akan disimpan atau digunakan untuk membeli keperluan-keperluan lain. Dalam bidang penanaman padi, mereka juga akan memperolehi upah, atau jika tanah sawah itu hak sendiri, maka perbelanjaan akan dapat dikurangkan. Walau apa sekalipun bidang dan kegiatan yang dikerjakan oleh kaum wanita, namun mereka tetap merasa berbangga dan berpuashati kerana dapat menikmati wang hasil dari titik peluh sendiri.

Selain daripada itu kedudukan tempat juga merupakan faktor-faktor yang telah membenarkan dan mendorongkan kaum wanita di kawasan Kampung Lanjut, Atong dan Telaga Dalam ini bekerja. Ini adalah kerana, kawasan tempat kerja itu tidak jauh daripada rumah. Oleh itu mereka tidak menghadapi masalah untuk meninggalkan anak-anak. Bagi kalangan yang mempunyai anak-anak yang kecil, boleh ditinggalkan pada jiran tetangga atau saudara mara yang lain. Hubungan yang baik antara jiran juga telah dapat mengwujudkan keadaan seperti ini. Hanya bagi responden yang mempunyai anak yang terlalu kecil sahaja dan tidak ada sesiapa untuk menjaganya, maka mereka tidak bekerja, hanyalah setelah anak-anak itu membesar dan boleh diharapkan untuk ditinggalkan. Bagaimanapun hanya tiga orang responden sahaja yang berada dalam keadaan seperti ini. Di samping itu juga mereka bekerja hanyalah di waktu pagi antara pukul lima pagi hingga sebelas pagi, jadi selepas daripada itu

mereka sudah boleh berada di rumah. Ini juga menunjukkan bahawa walaupun mereka melibatkan diri dengan kegiatan-kegiatan luar, namun ini tidak menganggu tugas-tugas mereka di rumah. Sementara pada waktu petang pula, perhatian akan dapat ditumpukan pada aktiviti-aktiviti sosial yang lain.

Faktor umur juga bukanlah merupakan faktor yang menjadi penghalang kepada kaum wanita untuk melibatkan diri dalam bidang sosio-ekonomi. Jika dilihat pada bidang pekerjaan yang lain, sudah semestinya ada had-had umur tertentu yang membolehkan seseorang bekerja. Misalnya kerja sebagai seorang guru, apabila tiba masanya ia tidak dibenarkan bekerja lagi. Tetapi bagi kalangan kaum wanita di komuniti ini, mereka boleh bekerja sehingga setakatmana yang disukai asalkan mereka masih berupaya dan mempunyai tenaga yang kuat. Dengan sebab itulah maka terdapatnya responden yang bekerja yang melebihi daripada umur 50 tahun ke atas. Di dapati sebanyak 14 orang responden yang berada dalam kategori ini.

Kelas-kelas yang dianjurkan oleh pihak KEMAS juga merupakan satu faktor mengapa kaum wanita berminat untuk melibatkan diri dengan kegiatan-kegiatannya. Ini adalah kerana aktiviti-aktiviti yang dijalankan itu bersesuaian dengan mereka. Misalnya diajar cara-cara menjaga anak, memasak, menjahit dan sebagainya. Ajaran-ajaran ugama yang diajar semuanya mendatangkan kebaikan kepada mereka.

Keterlibatan mereka dalam bidang sosio-ekonomi ini juga telah mendapat dorongan daripada pihak suami. Bukan sahaja dalam bidang ekonomi untuk menambahkan pendapatan keluarga, tetapi juga dalam bidang sosial dengan tujuan untuk menambahkan pengetahuan dan pengalaman kepada isteri mereka. Ini juga akan memberikan manfaat kepada anggota keluarga sendiri. Keadaan ini jelas dilihat di mana pihak suami bersedia untuk membantu isteri mereka dengan kerja-kerja di sekitar rumah tangga.

Walaupun faktor-faktor yang dinyatakan di atas menjadi pendorong kepada penglibatan kaum wanita dalam bidang sosio-ekonomi, namun ianya juga meninggalkan beberapa kesan yang negatif. Di antara faktor tersebut ialah faktor kebolehan dan kemahiran. Dengan tiadanya kelulusan pelajaran yang tinggi dan kemahiran teknikal telah menghalang kaum wanita untuk melibatkan diri dalam bidang pekerjaan yang lebih baik. Hal ini bukan sahaja dirasai oleh kaum wanita, tapi juga di kalangan suami mereka. Dengan sebab inilah juga maka dilihat dari segi struktur dan jenis pekerjaan yang ada, hanyalah yang bercorak pertanian sahaja dalam komuniti ini. Mereka tidak dapat merasai kemudahan dan keselesaan kerja-kerja yang lain, misalnya kerja di pejabat dan sebagainya. Dengan ini juga akan mengongkong pengetahuan dan penglibatan mereka dengan dunia luar. Keadaan ini menjadi lebih ketara lagi apabila dilihat bahawa kaum wanita dalam komuniti ini kurang berkomunikasi. Misalnya mereka tidak

membaca surat khabar atau majalah, atau menonton TV dan mendengar radio. Didapati hanya sedikit sahaja responden yang memiliki mass media ini. Kurangnya pengetahuan tentang dunia luar ini akan mengakibatkan kurangnya peluang pekerjaan yang boleh mereka ceburi. Misalnya walaupun tidak ada kelulusan pelajaran yang tinggi mereka juga boleh bekerja di kilang-kilang yang dirasakan akan mendatangkan pendapatan yang lebih lumayan jika mahu dibandingkan dengan kerja yang mereka lakukan sekarang. Keadaan dan keselesaan tempat kerja juga lebih baik daripada apa yang mereka alami sekarang. Faktor kekurangan kemahiran dan pelajaran ini boleh dikatakan dialami oleh kesemua 50 orang responden.

Selain daripada faktor yang dinyatakan ini, faktor saiz sesebuah keluarga atau bilangan anak juga merupakan faktor yang menjadi penghalang kepada kaum wanita untuk melibatkan diri dengan kegiatan di luar rumah. Bagaimanapun ini hanya dialami oleh setengah responden sahaja, terutamanya yang masih muda. Mereka akan menghadapi masalah dari segi penjagaan anak-anak yang masih kecil. Kanak-kanak sudah semestinya memerlukan perhatian dan tumpuan yang sepenuh dari ibu-ibu mereka, lebih-lebih lagi yang masih bayi dan kecil. Seseorang ibu juga sedikit sebanyak akan merasa bimbang untuk meninggalkan anak-anak mereka walaupun keadaan di dalam kampung tersebut sentiasa selamat dan jiran-jiran boleh diharapkan. Jika ditinjau dari satu segi faktor bilangan anak ini juga merupakan faktor pendorong kerana ia akan menggalakkan

seseorang wanita itu untuk mencari pendapatan yang lebih. Di samping itu anak-anak yang besar juga akan dapat menjaga adik-adik mereka yang kecil. Oleh itu apa yang dimaksudkan di sini hanyalah ditujukan untuk responden yang bukan berada dalam kategori ini yang mana masalah penjagaan anak dihadapi oleh mereka.

ini tidak begitu ketara dihadapi.

Satu lagi masalah yang dihadapi bukan sahaja oleh kaum wanita, tetapi juga keseluruhan masyarakat ialah dari segi geografinya yang menjadi penghalang kepada penglibatan yang aktif dalam bidang ekonomi. Masalah ini merupakan masalah yang universal dalam kebanyakan masyarakat, tetapi sangat ketara dihadapi oleh penduduk-penduduk Kampung Lanjut, Atong dan Telaga Dalam. Masalah yang utamanya ialah kedudukan kawasannya yang agak tinggi. Ini menghalang tanah-tanah sawah untuk mendapat kemudahan sistem pengairan. Dengan itu juga penanaman padi hanya akan bergantung kepada musim hujan sahaja, yang boleh di kerjakan setahun sekali. Oleh itu, ini akan merugikan masa, kerana jika dibandingkan dengan beberapa kawasan lain, penanaman padi di kerjakan sepanjang tahun. Ini juga akan memberi kesan kepada responden kerana sebahagian besarnya terlibat dengan aktiviti di sawah padi. Dengan sebab itulah juga, mereka menumpukan perhatian kepada pekerjaan sebagai pekerja ladang. Dalam perladangan getah, masalah juga terpaksa dihadapi, misalnya apabila hari hujan, getah tidak boleh ditoreh. Ini bererti pada hari tersebut, responden tidak melakukan sebarang kerja. Mereka hanya tinggal di rumah

dengan tugas-tugas di sekitar rumah tangga sahaja. Hal ini juga akan turut menjelaskan perolehan mereka pada hari itu. Faktor ini juga berkait rapat dengan faktor kemahiran tadi, kerana jika mereka mempunyai kemahiran dan peluang untuk melibatkan diri dengan aktiviti ekonomi yang lebih menguntungkan, sudah semestinya faktor ini tidak begitu ketara dihadapi.

Kesimpulannya bolehlah dikatakan bahawa faktor geografi ini secara tidak langsungnya juga merupakan faktor penghalang kepada penglibatan kaum wanita dalam komuniti yang dikaji ini dalam bidang sosio-ekonomi.

Secara umumnya integrasi wanita ke dalam sektor ekonomi luarbandar dan proses perubahan dari segi ekonomi juga pembaharuan-pembaharuan, akan dapat berlaku dengan lebih cepat lagi jika sekiranya proses integrasi ini dilakukan bagi sesuatu kawasan luarbandar yang tertentu. Dalam lain perkataan proses integrasi wanita dalam pembangunan hendaklah dianggap sebagai sesuatu yang diperlukan dan menjadi sebahagian yang penting dalam mana-mana projek pembangunan yang dirancang bagi satu-satu kawasan yang tertentu.

Perbincangan di dalam bab yang sebelumnya mengenai peranan dan kegiatan wanita di bidang ekonomi dan sosial memberikan satu kesimpulan kepada kita bahawa betapa besarnya peranan yang dimainkan itu. Wanita bukan sahaja perlu menjalankan tugas-tugasnya

sebagai seorang suri rumah tangga, tetapi tidak terlepas dari tugas-tugas di luar daripadanya. Tugas dan peranan ini lebih ketara dan jelas dapat kita lihat terutamanya di dalam perbincangan mengenai peranan wanita dalam bidang ekonomi.

Oleh kerana ramai di kalangan kaum wanita yang dikaji ini bekerja untuk menolong mengurangkan tekanan sosio-ekonomi yang dialami oleh keluarganya, maka didapati penglibatan ini telah mendatangkan kesan yang baik dari segi keadaan ekonomi atau material keluarganya, di mana perubahan yang bermakna terjadi akibat daripada penyertaan itu. Sebelum mereka mengambil keputusan untuk keluar bekerja, kaum wanita mempunyai berbagai anggapan bahawa keluarga mereka pada keseluruhannya adalah susah, dan dengan itu mereka mengalami tekanan-tekanan ekonomi yang semakin kuat akibat dari inflasi dan pendapatan ketua keluarga yang rendah. Dengan bekerja, maka dapatlah mereka memperolehi pendapatan. Mereka percaya pekerjaan mereka itu telah dapat mewujudkan perubahan dari segi kedudukan sosio-ekonomi masing-masing keluarga yang dianggotainya. Kekesanannya telah kita lihat dalam perbincangan yang lalu dari segi jumlah pendapatan yang diperolehi. Perlu juga disedari bahawa sekiranya tiada pendapatan tambahan yang disumbang oleh kaum wanita maka kemungkinan ses sebuah keluarga itu tidak dapat lagi menhadapi tekanan-tekanan inflasi. Dengan itu kaum wanita dalam komuniti ini mempunyai kepercayaan bahawa mereka telah dapat membuat sumbangan yang positif

dan penting ke arah mengurangkan masalah sosio-ekonomi yang dihadapi oleh keluarga mereka. Pendapatan tambahan yang dibawa pulang itu telah dapat juga digunakan untuk membeli barang-barang makanan dan keperluan-keperluan asas yang lain. Sumbangan kaum wanita dalam menyara keluarga ini boleh dilakukan secara langsung iaitu melalui pendapatan wang atau dengan secara tidak langsung seperti memberi bantuan semasa menoreh getah, menuai padi dan sebagainya.

Penglibatan yang bermakna tidak sahaja dapat kita lihat dalam bidang ekonomi, tetapi juga dalam bidang sosial dan politik. Penyertaan dalam kegiatan-kegiatan sosial ini menunjukkan bahawa mereka mempunyai kemauan untuk membaiki dan mempertingkatkan diri sendiri yang serba kekurangan. Dengan ini pengetahuan, pengalaman serta kecekapan akan bertambah. Segala yang diperolehi ini tidak sahaja menguntungkan wanita tersebut, malah juga anggota-anggota keluarga yang lain. Ini adalah kerana wanita dianggap sebagai tulang belakang dalam sesebuah keluarga itu, jadi setiap apa yang dilakukannya akan turut dirasai bersama. Penyertaan dalam bidang politik walaupun masih lagi di peringkat kecil-kecilan, namun telah menunjukkan bahawa kaum wanita dalam kawasan kajian ini mempunyai minat dan kecenderungan terhadap kegiatan politik. Sumbangan mereka yang agak besar dan ketara ialah dalam soal jumlah undi yang di berikan.

Dalam pada itu walaupun aktif dalam bidang politik, sosial dan ekonomi, namun wanita tidak pernah melaikan diri dari tugas-tugas asasnya sebagai seorang suri rumahtangga. Sebagai isteri, kaum wanita mempunyai tanggungjawab untuk menjamin keselesaan rumahtangganya. Peranan sebagai seorang isteri semakin bertambah apabila ia mempunyai anak-anak. Seorang ibu berpengaruh amat kuat ke atas masa depan anaknya kerana cara ia mendidik anak-anak akan menentukan pembawakan anak itu apabila ia besar, baik dan sempurna didikannya, maka baik dan sempurnalah individu yang dibentuk itu. Ini adalah penting sekali untuk pembentukan masyarakat dan generasi yang akan datang yang sempurna dan berjaya.

Justeru itu, dapatlah dikatakan bahawa di dalam konteks masyarakat yang dikaji ini, adanya kebenaran kedua-dua saranan yang membezakan peranan wanita berdasarkan aspek-aspek 'biological' dan 'environmental'. Jika dilihat pada perbincangan mengenai peranan wanita dalam rumahtangga maka saranan golongan 'biological' ini mempunyai kebenarannya. Kaum wanita sememangnya mempunyai bentuk tubuh badan serta kekuatan fizikal yang sesuai dengan tugas-tugas seperti melahirkan anak, mengasuh serta mendidiknya. Namun apa yang dianggap kurang tepat ialah di mana golongan ini mengatakan bahawa tugas-tugas dan peranan ini berterusan buat beberapa jangka masa tertentu dan ini mengakibatkan pula tugas-tugas seorang wanita itu berlingkar hanya di sekitar rumahtangganya sahaja. Sepintas

lalu apa yang disarankan oleh golongan 'biological' ini memang ada kebenarannya, di mana dapat kita lihat di mana seseorang wanita itu menjalankan tugas-tugas sebagai suri rumah tangga, menjaga anak, memasak, mengemas rumah, mencuci pakaian dan sebagainya. Kerja serta tugas-tugas ini semuanya jelaslah menunjukkan bahawa ia hanya berlingkar di sekitar rumah tangga sahaja.

Tetapi jika ditinjau daripada kajian yang dibuat ke atas kaum wanita di Kampung Lanjut, Atong dan Telaga Dalam ini, dapat dibuat kesimpulan bahawa teori-teori yang dikemukakan itu hanya tepat pada sebahagian kecil sahaja. Ini jelas kita lihat di mana kaum wanita dalam komuniti ini telahpun melibatkan diri dengan kegiatan-kegiatan di luar rumah tangga mereka. Dalam ertikata yang lain tugas-tugas mereka itu tidak berlingkar di dalam rumah tangga sahaja. Kalau dalam konteks masyarakat tradisional kemungkinan saranan ini mempunyai kebenarannya, kerana pada ketika itu segala aktiviti lebih bergantung kepada kekuatan tenaga fizikal seseorang individu itu. Dengan sebab itulah maka dikatakan kaum lelaki lebih berat kepada tugas-tugas seperti memburu, membina tempat kediaman dan sebagainya yang memerlukan masa yang panjang. Keadaan ini jugalah yang membuatkan mereka terpaksa keluar dari rumah sehingga beberapa hari. Sedangkan bagi kaum wanita mereka tidak boleh berbuat demikian kerana selain daripada tugas-tugas ini, mereka tidak boleh melepaskan tugas di dalam rumah tangga begitu sahaja. Dengan

sebab itulah maka tugas dan peranan-peranan tersebut hanya berlingkar di sekitar rumah tangga sahaja. Oleh itu dapatlah dikatakan bahawa kekuatan tenaga fizikal bukanlah menjadi penghalang kepada penglibatan wanita dengan tugas-tugas di luar rumah, tetapi lebih memberatkan kepada kemajuan dan perubahan teknikal yang berlaku dalam sebuah masyarakat itu. Kenyataan ini dapat dibuktikan didalam konteks masyarakat yang dikaji, di mana sebilangan besar daripada kaum wanitanya terlibat dengan kerja-kerja yang berat yang memerlukan tenaga fizikal yang kuat, misalnya kerja-kerja di sawah padi dan ladang getah.

Zaman yang semakin beredar telah menunjukkan pembaharuan-pembaharuan dan kemajuan-kemajuan dalam segala bidang terutamanya dari segi sains dan teknologi. Dengan kemajuan inilah juga telah membawa berbagai-bagai ciptaan dan rekabentuk teknologi baru yang memberi kemudahan dan kesenangan kepada manusia. Kemajuan bukan sahaja dalam bidang teknologi, tetapi juga dalam bidang ekonomi, sosial, politik dan lain-lain lagi. Perubahan kemajuan ini juga telah menyebabkan berlakunya perubahan kepada peranan manusia. Kalau dalam zaman tradisional tenaga kerja banyak bergantung kepada tenaga fizikal, tetapi zaman moden ini keadaan berubah sekali. Misalnya kalau dulu manusia terpaksa merentas hutan, gunung-ganang untuk mendapatkan sesuatu, tetapi kini manusia tidak perlu lagi berbuat demikian dengan adanya sistem pengangkutan yang moden. Hal yang sama juga terjadi dalam bidang ekonomi. Terdapat berbagai kemajuan

seperti dalam bidang pertanian, perindustrian dan sebagainya. Perubahan kemajuan ini juga telah membawa kepada perubahan peranan seseorang. Misalnya dalam bidang ekonomi, telah memberi peluang pekerjaan yang lebih terhadap seseorang ibu. Bagi kaum wanita misalnya dengan ada kemajuan dan perubahan ini, membolehkan mereka melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi tanpa mengabaikan tugas-tugas sebagai suri rumahtangga. Dengan ini kerja-kerja di luar rumah akan dapat diselesaikan dengan segera dan cepat dan masa yang seterusnya memberi peluang kepada mereka untuk menjalankan tugas-tugas di dalam rumah. Kemajuan teknologi ini sedikit sebanyak dapat kita lihat dalam komuniti yang dikaji ini di mana kaum wanita turut sama-sama merasakannya. Mereka melakukan kerja-kerja seiringan dengan apa yang dibuat oleh kaum lelaki, terutamanya dalam bidang ekonomi.

Dalam bidang sosial dan politik juga, jika mahu dibandingkan dengan zaman tradisional didapati keadaan telah berubah. Kini masyarakat telah berkembang dan semakin moden. Jadi peranan kaum wanita juga semakin bertambah dan berkembang. Adanya institusi sosial dan politik telah juga mengakibatkan adanya peranan wanita dalam bidang ini. Ini juga menunjukkan bahawa peranan itu semakin meluas, tidak sahaja berligar di sekitar rumahtangga.

Pendapat yang dikemukakan oleh pengkaji ini adalah selaras dengan apa yang disarankan oleh golongan 'modernist'.

Golongan ini mengatakan bahawa aspek pencapaian dan kebolehan seseorang adalah lebih penting daripada aspek biologi dan saikologi dalam menentukan peranan seseorang wanita. Apa yang penting ialah bergantung kepada keadaan sosio-budaya dalam sesbuah masyarakat dalam menentukan sesuatu peranan. Pencapaian tahap pelajaran dari pengetahuan yang tinggi juga telah mengakibatkan berlakunya perubahan pandangan terhadap status wanita. Jadi golongan ini juga mengatakan bahawa peranan kaum wanita bukan sahaja di sekitar 'Domestic' tetapi juga dalam bidang 'Public'.

Oleh itu sebagai kesimpulan terakhir, setelah dibuat penyelidikan dan kajian ke atas komuniti ini, didapati bahawa telah terdapatnya perubahan pada peranan yang dimainkan oleh kaum wanita. Didapati kaum wanita Kampung Lanjut, Atong dan Telaga Dalam telah pun memasuki ruang 'Public' dan kepentingan peranan yang dimainkan itu adalah begitu besar dan jelas sekali. Ini telahpun dibuktikan melalui perbincangan-perbincangan yang dibuat di dalam bab-bab yang lepas. Dengan itu juga bererti teori dan saranan yang dikemukakan oleh golongan tradisionalis mengenai konsep peranan wanita tidak lagi dapat diaplikasikan ke dalam masyarakat yang dikaji ini kerana telah terdapat perubahan-perubahan dari segi peranan yang dimainkan itu.

BIBLIOGRAFI

A. TEKS BACAAN

1. Black, Naomi and Baker C.A: Women and World Change, Equity Issues in Development, Save Publications Ltd. London, England.
2. Burgess, E.W. & Locke, H.J.: The Family, From Institution to Companionship, American Book Co. New York.
3. Christensen, Harold T. (1967) Handbook of Marriage and The Family, Purdue University Rand Mc. Naky Chicago
4. Dahlstrom, E. (1967) The Changing Roles of Men and Women, Gerald Duckworth Co, Ltd. London
5. Darling, Martha (1975) The Role of Woman in the Economy, Organisation for Economic Co-operation and Development, France
6. Ester, Boserup (1975) Intergration of Women in Development; Why, When, How, New York, United Nations Development Programme
7. Fransella Fay and Frost Kay: Women, on Being a Woman, A Review of research on how women see themselves London, Tavistock Publications
8. Festinger, L. & Kat , D. (1953) Research Methods in the Behavioral Science, Holt, Rinehart and Winston Inc., U.S.A.
9. Friedl, Ernestie (1975) Women and Men: An Anthropology View, Holt, Rhinehart and Winston, New York.
10. Goode, W. and Hatt P. (1952) Methods in Social Research, Mc Graw Hill Book Co. New York
11. Hing Ai Yun (ed.) (1984) Women in Malaysia Pelandok Publications, (M) Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
12. Huber, Joan (1973) Changing Women in a Changing Society, University of Chicago Press, Chicago

13. Kuvlesky, W.P. et al
(1973) The Meaning of Rurality in American Society: Some Implication in Alternative Definition, Journal of Rural Society, Vol. 30
14. Laws, Judith Long
(1979) The Second Sex role and Social Roles, El Servier North Holland Inc. New York.
15. Manderson, L.
(1980) Women, Politics, and Change The Kaum Ibu UMNO, Malaysia 1945 - 1972. Oxford University Press
16. Mednick, M.T.S. (eds.)
(1975) Women and Achievement: Social and Motivational Anylyses, Hamisphere Pub.
17. Noraini Othman, Rokiah Ismail: "Penyertaan Politik di kalangan Wanita Bandar dan Desa" Hairi Abdullah (ed.). Kemiskinan dan Kehidupan Golongan Berpendapatan Rendah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
18. Rahimah Abdul Aziz
(1982) "Kedudukan Sosio-Ekonomi Kaum Wanita Di Kalangan Keluarga Berpendapatan Rendah" Hairi Abdullah (ed.) Kemiskinan dan Kehidupan Golongan Berpendapatan Rendah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
19. Safiah Karim, Nik
(1982) Wanita Malaysia. Kumpulan Esei dan Ceramah. Pustaka Ilmu Raya Sdn. Bhd. Kuala Lumpur
20. Safiah Karim, Nik; Rokiah Talib (al.) Wanita Seiring Jalan. Pandangan Tun Haji Abdul Razak Terhadap Wanita Malaysia - Anjuran PERTIWI
21. Seward G.H. & Williamson, R.C. (eds): Sex Roles in Changing Society Random House, Inc. New York
22. Zainal Kling
(1977) "Bentuk dan Organisasi Keluarga" (ed.) Masyarakat Melayu, Antara Tradisi dan Perubahan. Utusan Publications, and amd Distributors, Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

B. MAJALAH DAN LAIN-LAIN BAHAN

1. Azizah Kassim "Wanita dan Perkahwinan," Majalah Wanita April, 1978
2. Mazidah Zakaria "Penglibatan Wanita Luarbandar Dalam Aktiviti Ekonomi. Tumpuan Terhadap Masalah Yang Dihadapi", Majalah WANITA Mei, 1981.
3. Zaiton Nasir "Wanita Dalam Politik, Kualiti bukan Kuantiti Yang Dipentingkan", Dewan Masyarakat, April, 1982 (12-13)
4. Malaysia "Income-Generating Skills For Women. Interim Report, National Advisory Council on the Intergration of Women in Development (NACIWID) Malaysia, Kuala Lumpur 1978.
5. Zeinab Hj. Abdul Karim, Btk. "Peranan dan Kedudukan Wanita Dalam Masyarakat Melayu Kelantan, In Seminar Sejarah dan Budaya Wilayah Kelantan, Sumbangan Wanita Melayu Kelantan Dalam Bidang Pelajaran, Economi dan Politik Ke Arah Pembangunan Negara, In Seminar Seminar Wanita Malaysia Masa Kini, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
6. (1979)

C. SEMINAR

1. Fatimah Daud:
(1984) "Peranan Wanita dan Kepimpinan", dalam Seminar Maju Ke Arah Wanita Cekap dan Sempurna, Kuala Lumpur.
2. Hamid Arshar, Risnah Ismail: "Peranan Wanita dan Pertubuhan Wanita dalam Pembangunan Keluarga", dalam Persidangan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Peringkat Kebangsaan, Kuala Lumpur
3. Rafidah Aziz:
(1975) "The Role of Women in Social, Economic and Political Development in Malaysia", Part 1 & 11 In Seminar Peranan Wanita Dalam Bidang Pelajaran Tinggi dan Implikasinya, Kuala Lumpur
4. Rusniati Hj. Harun, Hajah:
(1984) "Peranan Wanita dalam Rumahtangga dan Kerjaya, sesuai dengan nilai-nilai Islam, dalam Seminar Maju Ke Arah Wanita Cekap dan Sempurna, Kuala Lumpur
5. Zainab Hj. Abdul Karim, Nik: "Peranan dan Kedudukan Wanita Dalam Masyarakat Melayu Kelantan, in Seminar Sejarah dan Budaya Wilayah Kelantan.
6. _____
(1979) Sumbangan Wanita Melayu Kelantan Dalam Bidang Pelajaran, Economi dan Politik Ke Arah Pembangunan Negara, In Seminar Seminar Wanita Malaysia Masakini, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

D. DISERTASI DAN LATIHAN ILMIAH

1. Khadijah Haji Muhammad: Wanita Melayu dan Pekerjaan: Satu Kajian Tentang Penyertaan Wanita Melayu dalam Bidang Pekerjaan dan Pengaruhnya Ke atas Keluarga. Disertasi M.A. Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur (1969)
2. Mazidah Haji Zakaria: Susunan Ekonomi dan Sosial Kampung Changkat Larang, Kawasan Simpanan Melayu, Perak, Tesis M.A. Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur (1967)
3. Desnawati Soelaiman Djamaan: Peranan Wanita Luar Bandar Dalam Bidang Sosio-Ekonomi - Satu Kajian Kes. Latihan Ilmiah Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur (1980/81)
4. Nor Fadilah Sulaiman: Kajian Tentang Projek Wanita Pekebun Kecil (RISDA) Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. (1983/84)
5. Norlizan Ali: Penglibatan Wanita Dalam Pergerakan Wanita UMNO Bahagian Besut. Latihan Ilmiah Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. (1983/84)

MAC - JUN 1985

NEGERI
NO. SIRI KAMPUNG
NO. SAMPEL

,
 ,
 ,
 ,
 0 1 ,

KAJIAN KEMISKINAN DI MALAYSIA

UNIVERSITI MALAYA

BORANG SOAL SELIDIK

NAMA RESPONDEN _____

ALAMAT RUMAH _____

LAWATAN	TEMUDUGA				
	1	2	3	4	5
TARIKH					
MASA MULA					
MASA TAMAT					

TARAF TEMUDUGA (✓) : 1. LENGKAP 2. TAK LENGKAP

,

PEMBANTU KERJALUAR _____

,

PENYELIA _____

,

TARIKH KEY PUNCHING: _____

TARIKH PENGESAHAN : _____

I. MAKLUMAT KETUA RUMAH DAN KELUARGANYA (A - D)

-2-

A: BUTIR-BUTIR MENGENAI SEISI RUMAH DAN ANGKUBAH ASAS DEMOGRAFI

Bil. Seisi Rumah	Nama anggota Seisi rumah	Perhubungan	Jantina		Tarikh Lahir		Tahap pelajaran	Status kerja	Status kahwin	Tempat duduk	Jumlah pendapatan sebulan (\$)	
			Bangsa	(a)	Bulan	Tahun						
01			<input type="checkbox"/> 12	<input type="checkbox"/> 13	<input type="checkbox"/> 14	<input type="checkbox"/> 15	<input type="checkbox"/> 16	<input type="checkbox"/> 17	<input type="checkbox"/> 18	<input type="checkbox"/> 19	<input type="checkbox"/> 20	<input type="checkbox"/> 21
02			<input type="checkbox"/> 22	<input type="checkbox"/> 23	<input type="checkbox"/> 24	<input type="checkbox"/> 25	<input type="checkbox"/> 26	<input type="checkbox"/> 27	<input type="checkbox"/> 28	<input type="checkbox"/> 29	<input type="checkbox"/> 30	<input type="checkbox"/> 31
03			<input type="checkbox"/> 32	<input type="checkbox"/> 33	<input type="checkbox"/> 34	<input type="checkbox"/> 35	<input type="checkbox"/> 36	<input type="checkbox"/> 37	<input type="checkbox"/> 38	<input type="checkbox"/> 39	<input type="checkbox"/> 40	<input type="checkbox"/> 41
04			<input type="checkbox"/> 42	<input type="checkbox"/> 43	<input type="checkbox"/> 44	<input type="checkbox"/> 45	<input type="checkbox"/> 46	<input type="checkbox"/> 47	<input type="checkbox"/> 48	<input type="checkbox"/> 49	<input type="checkbox"/> 50	<input type="checkbox"/> 51
05			<input type="checkbox"/> 52	<input type="checkbox"/> 53	<input type="checkbox"/> 54	<input type="checkbox"/> 55	<input type="checkbox"/> 56	<input type="checkbox"/> 57	<input type="checkbox"/> 58	<input type="checkbox"/> 59	<input type="checkbox"/> 60	<input type="checkbox"/> 61
06			<input type="checkbox"/> 62	<input type="checkbox"/> 63	<input type="checkbox"/> 64	<input type="checkbox"/> 65	<input type="checkbox"/> 66	<input type="checkbox"/> 67	<input type="checkbox"/> 68	<input type="checkbox"/> 69	<input type="checkbox"/> 70	<input type="checkbox"/> 71
07			<input type="checkbox"/> 72	<input type="checkbox"/> 73	<input type="checkbox"/> 74	<input type="checkbox"/> 75	<input type="checkbox"/> 76	<input type="checkbox"/> 77	<input type="checkbox"/> 78	<input type="checkbox"/> 79	<input type="checkbox"/> 80	<input type="checkbox"/> 81
08			<input type="checkbox"/> 82	<input type="checkbox"/> 83	<input type="checkbox"/> 84	<input type="checkbox"/> 85	<input type="checkbox"/> 86	<input type="checkbox"/> 87	<input type="checkbox"/> 88	<input type="checkbox"/> 89	<input type="checkbox"/> 90	<input type="checkbox"/> 91
09			<input type="checkbox"/> 92	<input type="checkbox"/> 93	<input type="checkbox"/> 94	<input type="checkbox"/> 95	<input type="checkbox"/> 96	<input type="checkbox"/> 97	<input type="checkbox"/> 98	<input type="checkbox"/> 99	<input type="checkbox"/> 100	<input type="checkbox"/> 101
10			<input type="checkbox"/> 102	<input type="checkbox"/> 103	<input type="checkbox"/> 104	<input type="checkbox"/> 105	<input type="checkbox"/> 106	<input type="checkbox"/> 107	<input type="checkbox"/> 108	<input type="checkbox"/> 109	<input type="checkbox"/> 110	<input type="checkbox"/> 111

ketua isi rumah - 1 b. Melayu

isterinya - 2 c. Cina

Bapa/ibu ketua - 3 India

anak - 4 Lain

saudara muda - 5

kawan/sahabat - 6

penyejuk - 7 c. Lebak

lain - 9 Perempuan

1. d. Tidak bersekolah

1. e. Ting. 1

2. f. Ting. 2

3. g. Ting. 3

4. h. Ting. 4

5. i. Ting. 5

6. j. Ting. 6 bawah

7. k. Ting. 6 Tinggi/Atas

8. l. Kolej

Universiti

d. Pelajaran selepas sekolah

1. m. Ting. 1

2. n. Ting. 2

3. o. Ting. 3

4. p. Ting. 4

5. q. Ting. 5

6. r. Ting. 6

7. s. Ting. 7

8. t. Ting. 8

9. u. Ting. 9

10. v. Ting. 10

11. w. Ting. 11

12. x. Ting. 12

13. y. Ting. 13

14. z. Ting. 14

15. aa. Ting. 15

f. Masih bersekolah

1. b. Bujang

2. c. Kahwin

3. d. Tidak tinggal

4. e. Bersama

5. f. Bercausai

6. g. Duda/Janda

7. h. Lain-lain

8. i. Lain-lain

9. j. Lain-lain